

ANWAR IBRAHIM PENGANUT ILLUMINISME, LIBERALISME DAN PLURALISME AGAMA

Dalam bab-bab terdahulu telah diterangkan secara ringkas konsep, doktrin dan falsafah Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama bersekali dengan ciri-cirinya.

Dalam bab ini, akan dipetik kata-kata, tulisan dan ucapan Anwar dan kemudian dibuat analisis. Sekali lagi kata-kata Prof. John Hick, tokoh utama atau ‘nabi’ Pluralisme Agama dari kalangan penganut Kristian dirujuk kerana Anwar mengaku bahawa dia merujuk kepada tulisan Hick ketika menulis berkaitan fahaman Pluralisme Agamanya yang dibentang di London School of Economics dulu. Hick berkata: *other religions are equally valid ways to the same truth*. Dr. Hossein Nasr, tokoh penting Pluralisme Agama aliran Maryamiyyah-Perennialisme yang juga menjadi rujukan penting Anwar pula berkata: *The One in the many*. Kesimpulan ringkas ialah semua agama sama benar dan sesuatu kebenaran di dalam sesuatu agama adalah bersifat relatif alias semuanya benar belaka dan justeru semua manusia yang beragama akan masuk ke dalam Syurga bersama-sama. Inilah fahaman keagamaan Anwar.

Berdasarkan kenyataan tersebut, adalah mudah menganalisis fahaman seseorang. Dalam konteks perbincangan ini ialah mengenali fahaman dan falsafah keagamaan Anwar. Adakah Anwar seorang Liberalis dan Pluralis Agama tegar seperti yang dilemparkan kepadanya? Apa pula kaitan beliau dengan fahaman dan falsafah Illuminisme ? Jika ya, apa tanda-tanda dan buktinya? Perkara ini akan dihursti nanti. *Insyā Allāh*.

Imam al-Ghazzāliy rh berkata untuk mengenali seseorang, boleh melalui ucapan dan tulisannya serta juga melalui perbuatan-perbuatan dan sikapnya. Justeru, fahaman dan falsafah keagamaan

Anwar dapat dan mudah dikesan dan boleh diketahui dengan senang melalui tiga cara seperti panduan yang diberi oleh Imam yang mulia itu: 1. Melalui tulisan dan ucapan-ucapannya; 2. Melalui pengakuannya sendiri; 3. Melalui sikap dan responsnya kepada sesuatu isu serta budaya hidupnya .

Melalui tulisan. Di dalam semua tulisannya, Anwar menekankan kepada perlunya pengukuhan semangat Pluralisme Agama sebagai mekanisme penyelesaian konflik-konflik yang berlaku di dunia sekarang ini [tetapi dengan satu nota penting, bahawa dia adalah sebahagian daripada rangkaian agitator yang menyebabkan konflik masyarakat di Malaysia melalui siri-siri demonstrasi jalanan BERSIH, Occupy Movement dsb]. Beliau berpendapat, Pluralisme Agama bukan sekadar untuk menyelesaikan konflik-konflik ideologi, sektarian domestik agama dan ketenteraan di dunia ini bahkan lebih jauh daripada itu. Beliau berandaian, konflik superioriti entiti keagamaan yang lebih luas yakni setiap agama menyatakan agama mereka sahaja benar dan yang lain salah, justeru menimbulkan konflik berdarah. Berdasarkan kepada keadaan inilah dia mengesyorkan resepi perdamaian melalui penyatuan agama-agama dalam satu bentuk sahaja iaitu agama Pluralisme Agama atau *One World Religion*, mengungkap istilah Hick.

Memetik kata-katanya, Anwar berkata “...*A rediscovery of the religion's inherent grasp of pluralism (termasuk Islām - P) is very much in need*”. Kata-katanya ini jelas membuktikan ia yakin yang ajaran Pluralisme Agama sudah wujud di dalam ajaran Islām sejak awal kedatangannya bahkan sejak Nabiy Ibrāhīm ‘as lagi. Fahamannya ini sebenarnya amat salah kerana Syarī‘at yang dibawa oleh Nabiy Muḥammad ᷃. ‘a.w telah memansuhkan ajaran dan Syarī‘at agama-agama sebelumnya seperti yang Hadīthnya disebut di dalam buku kecil ini. Beliau salah memahami Hadīth *bu‘ithtu bi al-ḥanīfiyyah al-samḥah* dan Hadīth *aḥabbu al-dīni*

ilallāh al-hanīfiyyah al-samḥah. Hadīth ini selalu digunakan oleh puak Pluralis untuk memberi kewajaran fahaman Pluralisme Agama mereka pada hal Ḥadīth yang mulia ini tidak bermaksud demikian yakni tiada kena mengena dengan doktrin Pluralisme Agama. Semua pensyarah Ḥadīth memaknakan *al-hanīfiyyah* ialah Agama Tawḥīd dan bebas daripada syirik kepada Allāh. Dalam konteks agama pasca ‘Īsā ‘as ialah Agama yang dibawa oleh Nabi Muḥammad s.‘a.w iaitu al- Islām bukan selainnya.

Malangnya, menurut Anwar, fahaman ini tergendala dan ditinggalkan oleh orang Islām kerana sikap dan fahaman eksklusiviti mereka yang tebal dan kukuh. Maka sekaranglah masanya fahaman ini perlu digerakkan secara intensif dan tersusun supaya ia dapat hidup dan diamalkan semula. Beliau sandarkan fahaman ini kepada ayat-ayat Allāh yang difahaminya secara diabolik, *sapere aude* dan mungkar iaitu perkataan *lita ‘ārafu*. Perkataan *lita ‘ārafu* di dalam ayat 13, Sūrah al-Ḥujurāt, tidak pernah ditafsir sebagai fahaman Pluralisme Agama oleh mana-mana Mufassirīn Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti sangkaan Anwar.[sebab turunnya ayat ini ialah sebagai teguran Allāh kepada sebahagian Ṣahābat berkaitan peristiwa Sayyidina Bilāl r‘a melaung azan di atas Ka‘bah. Lihat **Lubāb al-Nuqūl**, al-Sayūṭī]. Makna sebenarnya menurut Mufassirīn Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah ialah Allāh al-Bārī, mahu menunjukkan kekuasaan-Nya dengan mencipta kepelbagaiannya jenis dan kelompok manusia, lelaki dan wanita sebagai bersifat pluraliti dengan segala ragam bahasa, warna kulit dan budaya atau *cultural pluralism* supaya mereka dapat saling berkenalan dan menikmati *metacosm* justeru karam di dalam ketaqwaan kepada al-Bārī Allāh.

Di dalam literatur-literatur Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, tidak terdapat huraian seperti fahaman Anwar itu, baik dalam subjek *Tafsīr* mahu pun *Uṣūlū ’d-dīn*. Pendirian dan fahamannya itu jelas diambilnya daripada huraian John Hick

seperti yang dia sendiri mengaku. Dan barangkali juga ditambah lagi daripada tulisan rakan Pluralisnya dari Indonesia iaitu Nurcholish Madjid. Nurcholish kaitkan konsep Pluralisme Agama dengan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam Sūrah al-Tīn. Di dalam Sūrah al-Tīn, terdapat perkataan *tīn*, *zaytūn*, *Tur Sīna* dan *balad al-amīn*. Nurcholish memaknakan *tīn* sebagai Agama Nabiy Ibrāhīm ‘as yang menjadi punca kepada kelahiran semua agama selepasnya. *Zaytūn* adalah melambangkan Rasul Allāh ‘Isā ‘as yang mendakwahkan Agama Nasara; sementara *Tur Sīna* pula melambangkan Nabiy Mūsā ‘as yang membawa Agama Yahudi. Ada pun *balad al-amīn* yakni negara aman damai iaitu Makkah melambangkan Agama Islām yang dibawa oleh Nabiy Muḥammad ᷃. ‘a.w. Justeru, ketiga-tiga agama tersebut adalah satu di dalam hakikatnya kerana datang daripada punca yang sama iaitu Āla Ibrāhīm ‘as, cuma berbeza di dalam bentuk jalur luaran sahaja: yang satu daripada jalur Ishāq dan yang satu lagi daripada jalur Ismā‘il ‘alayhima ’s-salām. Inilah yang mencirikan Syarī‘at zahiriyyah yang berbeza. Sama seperti golongan Perennialis aliran Schuon dan Hossein Nasr, mereka menggunakan ayat *syir‘ātan wa minhājan* sebagai makna Pluralisme Agama pada peringkat *Pure Metaphysics* dengan jalur rūhāniyyah yang sama walaupun di dalam Syarī‘at yang pelbagai. Makna dan huraian seperti ini tidak pernah terdapat di dalam mana-mana kitab Tafsīr muktabar, justeru merupakan kebatilan sesat dan kemungkaran dahsyat kerana lari daripada dasar dan kaedah tafsir Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Fahaman tersebut hanyalah khayalan diabolik golongan Perennialis, Liberalis dan Pluralis semata-mata yang mereka nisbahkan pula kepada Perjanjian Primordial.

Anwar benar-benar seorang Liberalis-Pluralis Agama tegar, sebab itu dia bermati-matian membela agama lain juga sebagai benar di sisi Allāh. Perhatikan ungkapan beliau, katanya: “...it is morally unacceptable to say to people of other faiths....: what you believed in is wrong”.

Perkataan beliau ini tidak perlu ditakwilkan lagi. Ia terlalu jelas mungkarnya. Dia menyifatkan semua agama adalah sama taraf dan sama benar belaka. Justeru, beliau berImān kepada kebenaran *multiple* dan Relativisme Agama yang mana ini adalah salah satu ciri teras fahaman Pluralisme Agama.

Atas fahaman kebenaran *multiple* dan Relativisme Agama ini, beliau melabelkan orang Mukmin yang yakin kepada kepalsuan agama selain dari Dīnu 'l-Islām dan menzahirkan pendirian itu, sebagai tidak bermoral. *Subḥāna 'llāh*.

Implikasi daripada pernyataannya itu, bermakna dia meletakkan Dzāt Allāh Yang Maha Tinggi Lagi Maha Suci itu sama taraf dengan tuhan-tuhan [t huruf kecil] agama lain dan tuhan-tuhan sembahannya dalam agama bukan Islām sama taraf dengan Dzāt Allāh Yang Maha Tinggi Lagi Maha Suci itu. Atas keyakinannya itulah, maka dia bermati-matian memperjuangkan supaya agama bukan Islām juga boleh menggunakan Kalimah Allāh. Satu nota penting boleh ditambah di sini ialah di Pulau Pinang, suatu masa dulu, sudah ada beberapa kain rentang ditulis dengan perkataan: *Jesus is the Son of Allah*. Dia juga mengatakan semua orang beragama menyembah Tuhan yang satu, yakni Allāh. Malah semasa ceramah dalam siri kempen Pilihan Raya Kecil Kajang baru-baru ini, beliau direkodkan, telah membandingkan Jesus di dalam agama Kristian dengan Nabi 'Isā 'as di dalam ajaran Islām. Dengan ungkapan perbandingan seperti ini adakah beliau menerima yang Nabi 'Isā 'as itu adalah anak tuhan kerana di dalam doktrin dan konsepsi Kristianiti, Jesus adalah anak tuhan orang Kristian? Di dalam ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, Allāh tidak beranak dan tidak pula diperanakkan [Sūrah al-Ikhlas dan Sūrah al-Jin: 3]. *Subḥāna 'llāhi wa ta'āla 'amma yusyrikūn*. Seseorang yang berfahaman bahawa Jesus adalah Nabi 'Isā 'as bermakna dia menerima yang Nabi 'Isā 'as mati di tiang salib seperti kepercayaan agama Kristian itu. Al-Qur'ān jelas menafikan

hal demikian. Jesus bukan ‘Īsā ‘as dan ‘Īsā ‘as bukan Jesus - dua konsep, entiti dan peribadi yang berbeza sama sekali. Jika sekiranya pendirian Anwar semacam ini, jelas dia adalah seorang Liberalis dan Pluralis Agama yang ditolak oleh ‘Aqīdah Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Dia bercakap di gereja di Kajang itu untuk menawan para pengundi bukan Islām tetapi perlu diingat bahawa ‘Aqīdah tidak boleh diperdagangkan sebagai komoditi politik. ‘Aqīdah adalah paling atas mengatasi kehendak dan agenda politik.

Kembali kepada perbincangan asal, bahawa di dalam ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah pendirian orang yang tidak berani menerang dan menzahirkan kebenaran Ilāhiyyah dan menyebarkan Risālah Muḥammadiyyah - lebih-lebih lagi di hadapan audiens yang bukan Islām sebagai misi dakwah - itulah orang yang paling tidak bermoral bahkan digolongkan ke dalam kelompok berkhianat kerana menyembunyikan Kebenaran yang disebut sebagai *kitman*.

Sesungguhnya di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, orang yang benar-benar mempunyai maruah kepada Allāh al-Bārī dan kepada Rasul-Nya Muḥammad ᷃.‘a.w ialah orang yang bersifat dengan sifat *al-tablīgh* yakni berani menyampaikan Kebenaran Muḥammadiyyah dengan yakin dan *amānah* tanpa melakukan penyelewengan sedikit pun. Sifat-sifat mulia dan utama ini merupakan sifat Baginda ᷃.‘a.w yang wajar menjadi qudwah dan uswah kepada setiap orang dan kaum yang berīmān kepada Baginda ᷃.‘a.w itu. Baginda ᷃.‘a.w sendiri berdakwah menerangkan Kebenaran ajaran Agama Islām di hadapan kaum Musyrikīn sehingga dicederakan badan Baginda yang mulia itu. Dan Baginda menghantar pula Ṣahābat-Ṣahābat Baginda ke seluruh pelusuk Jazirah ‘Arab dan sekitarnya menyeru mereka yang Musyrik dan bukan Islām itu supaya memeluk Agama Islām sehingga ada dikalangan mereka yang syahīd. Orang

berīmān dilarang keras bersifat dengan sifat *kitman* yakni menyembunyikan Kebenaran Risālah Muhammadiyyah dan bersifat *khiyānat* iaitu tidak mahu menyampaikan Kebenaran yang dibawa Rasul ᷺ itu atau menyampaikan sebahagian sahaja dan menyembunyikan sebahagian yang lain atau pun selewengkan semua fakta-fakta dan ajaran-ajaran sebenar seperti perbuatan Anwar itu.

Perbincangan mengenai sifat *kitman* ini dibuat di dalam kelas-kelas pengajian Uṣulū ’d-dīn ketika membincangkan lawan kepada sifat *al-tablīgh*. Islām sangat-sangat menyanjung tinggi orang yang berani menyatakan Kebenaran ajaran dan ‘Aqīdah Islām dan mereka itu di sisi Allāh adalah orang yang bermaruah dan berakhhlāq tinggi kerana memiliki keyakinan dan pegangan yang *jazam* ketat-kejap kepada Agamanya, al-Islām.

Orang yang berīmān kepada Risalah Baginda ᷺ mesti berani menyatakan Kebenaran Ilāhiyyah dan menghuraikan konsep, sistem dan struktur Tawḥīdu ’llāh itu dengan penuh yakin. Mereka tidak takut kepada cercaan si pencera seperti firman Allāh: *lawmata lāim*, di dalam menerangkan Kebenaran Ilāhiyyah itu dan berani pula menyatakan Kebenaran itu walaupun dibenci oleh golongan Kuffār - *walaw kariha l-kāfirūn* daripada kalangan puak Illuminati-Zionis-Kristian seperti sabda Nabiy ᷺: *quli l-haqq walaw kāna murran*, terjemahan: *katakanlah yang benar walaupun pahit*; pahit di telinga dan di hati puak Illuminatus-Masons-Zionis-Kristian dan Kuffār tersebut. Inilah yang dilakukan oleh pendakwah ilia ’llāh seperti Ahmad Deedat, Dr. Zakir Naik, Yusuf Estes, Hamzah Yusuf, Abdul Rahim Green dan ramai lagi, yang menerangkan ketinggian dan kesucian Agama Islām di depan audiens bukan Islām dan sebahagiannya mendapat pencerahan dan hidāyah Allāh, lalu memeluk Islām.

Ternyata kefahaman mengenai ontologi dan epistemologi moral atau akhlāq benar-benar keliru di dalam pemikiran dan kefahaman keagamaan Anwar kerana terpengaruh oleh fahaman Illuminisme. Menyebut dan menyatakan dengan terus-terang sesuatu Kebenaran Ilāhiyyah dan mengungkap kepalsuan-kepalsuan ajaran yang bukan Islām itu sebagai ajaran yang tidak benar di sisi Allāh SwT, adalah sesuatu yang amat bermoral di dalam ajaran Islām. Ini bukanlah bermakna seseorang Muslim itu melanggar prinsip-prinsip dakwah, kerana pernyataan yang benar itu dibuat di dalam *uslūb* atau bentuk bahasa dakwah dengan *gaulan layyinān* dan bukan dalam bahasa perkelahian dan penghinaan. Jika seseorang Muslim tidak berani menyatakan yang agama selain Islām itu tidak benar dan menegaskan pula yang Agama Islāmlah satu-satunya Agama yang benar, maka sampai bila pun dakwah untuk mengajak orang bukan Islām ke dalam wilayah *rahmatan li 'l-ālamīn* yakni Dīnu 'l-Islām tidak akan tercapai. Larangan dan tegahan Anwar itu, pada hakikatnya, adalah kerana fahaman keagamaannya yang semua agama sama benar belaka seperti yang disebut dahulu dan oleh itu tidak perlu mengajak orang bukan Islām menganut agama Islām lagi. Dia benar-benar Pluralis Agama tulin.

Di dalam sejarah Ummah Islām, teramat banyak buku-buku ditulis oleh ‘Ulamā’ menerangkan kebatilan dan kemungkaran ajaran agama-agama selain Islām terutamanya ajaran agama Nasrani-Kristian. Bahkan di dalam lingkungan yang mengaku Islām pun, banyak tulisan dan munazarah dibuat bertujuan untuk menerangkan kebatilan, kepalsuan dan kemungkaran ajaran-ajaran seperti Syī‘ah, Mu‘tazilah, Khawārij, Mujassimah, Ahmadiyyah Lahore, Ahmadiyah Qadyani dsb. Dalam konteks sekarang, pemikiran dan falsafah Modernisme dan Pasca Modernisme perlu dibedah hingga ke akar umbi mengenai kemungkarannya. Dan secara paralel pula menerangkan kepada

khalayak tentang Kebenaran doktrin dan konsep Dīnu 'l-Islām di dalam suluhan keilmuan Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah.

Beliau mahu sangat-sangat supaya fahaman dan falsafah Liberalisme dan Pluralisme Agama yang bertunjangkan fahaman Pasca Modernisme dan yang berakar pula kepada falsafah Illuminisme itu berkembang subur, terutama di kalangan masyarakat Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Sebab itu beliau menggunakan IKD dan IIIT Malaysia yang kelihatan dan beraroma Islām memasuki masyarakat Sunni Malaysia. Kenapa tidak masuk ke dalam masyarakat orang bukan Islām seperti Kristian atau Hindu atau Buddha dan mengajar serta menyebarkan di kalangan mereka fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama? Kenapa masyarakat Islām Sunni dimangsakan? Sebabnya, seperti yang nyata di dalam buku **Civil Democratic Islam** dan **Building Moderate Muslim Networks**, bahawa Illuminatus-Masons-Zionis-Kristian perlu merosakkan ajaran dan Ummah Islām daripada dalam yang justeru mereka akan menjadi jinak kepada Barat dan oleh itu akan mudahlah dikuasai seperti moto perjuangan Illuminati seperti yang dahulu disebut itu. Menurut mereka, yakni para Illuminatus-Zionis-Kristian tersebut, Islām yang sebenar yang di dalam istilah mereka disebut sebagai Islām Fundamental dan Islām Konservatif, adalah musuh Barat yang paling ditakuti mereka selepas Perang Dingin. Inilah kejahanan dan jenayah berat mereka yang Ummah Islām tidak boleh maafkan yang Anwar sebahagian daripadanya.

Akan tetapi menurut Anwar, faktor terbesar yang menjadi penghalang perkembangan fahaman dan falsafah Liberalisme dan Pluralisme Agama ini ialah sikap keras, tegar dan tegas masing-masing pemeluk yang mempertahankan agama mereka sahaja sebagai benar dan menolak agama lain yang berseberangan dari agama mereka sebagai salah dan tidak diterima oleh Allāh SwT

seperti katanya: “...that certain religious groups hold that only certain fundamental doctrines may lead to salvation...”

Seseorang Islām Ahli Sunnah wal al-Jamā‘ah, di dalam apa jua keadaan kecuali ketika keadaan yang boleh mengancam keselamatannya - itu pun jika ia mahu dan dengan syarat i‘tiqād di dalam hatinya tetap tidak berubah - tidak boleh sedikit pun berganjak dan bersikap akomodatif daripada mengatakan Islām sebagai Agama paling benar berbanding agama-agama lain. Tetapi Anwar dengan sikap bebal dan heretiknya, menuduh tidak bermoral kepada orang yang berpendirian kukuh dan menolak selain agama Islām sebagai agama yang tidak benar. Seseorang Muslim wajib menerima dan menjunjung Dīnu ’l-Islām sebagai satu-satunya Agama yang benar dan agama selainnya adalah dolāl dan mungkar di sisi Allāh SwT. Sikap dan pendirian ini adalah wajib, kerana doktrin ini merupakan paling basik dalam Agama Islām, kerana ia adalah daripada perkara yang bersifat *mina ’d-dīn ad-ḍorūrah*.

Pendirian Anwar semacam ini amat bercanggah dengan ajaran al-Qur'ān kerana Allāh al-Bārī menerima dan mengiktiraf agama di sisi-Nya hanya satu sahaja iaitu Agama al-Islām yang dibawa oleh Nabiyy Muḥammad ᷃.‘a.w, seperti Firman-Nya: *inna ’d-dīna ‘indallāhi ’l-Islām*; dan Firman-Nya lagi: *wa man yabtaghi ghayra ’l-Islāma dīnan falan yuqbalu...* dan sabda Nabiyy ᷃.‘a.w daripada riwayat Imām Muslim (terjemahan): *Demi Allāh yang diri saya di dalam genggaman-Nya, setiap orang daripada Ummah Ijābah ini, daripada kalangan Yahudi dan Nasrani yang mendengar dakwah saya, tetapi kemudian tidak berimān dengan Risālah yang saya bawa, niscaya ia menjadi penghuni Neraka.* Nah, agama Pasca Nabiyy ‘Isā ‘as yang diterima di sisi Allāh hanya sanya Agama yang dibawa oleh Rasul Terakhir-Nya, Muḥammad ᷃.‘a.w sahaja. Syarī‘at Agama Yahudi dan Nasrani terbatal secara automatik.

Orang yang membaca al-Qur'an sepintas lalu pun akan terkesan, bahawa Allāh SwT membahagikan kelompok manusia secara garis besarnya kepada tiga golongan iaitu Muslimūn, Munāfiqūn dan Kāfirūn. Dan Allāh mengingatkan manusia supaya jangan mati melainkan sebagai Muslimūn dengan firman-Nya *falā tamūtunna illā wa antum muslimūn* [al-Baqarah: 132]. Ayat ini dicerahkan lagi oleh Ḥadīth Muslim di atas, bahawa yang dimaksudkan dengan Muslimīn dalam konteks sekarang ialah penganut Agama Samawi Pasca Mūsā dan 'Isā 'alayhima 's-salām yakni Agama yang dibawa dan diajar oleh Nabiy Muḥammad s.'a.w sahaja.

Di dalam ajaran 'Aqīdah dan Syarī'at Islām, dengan kedatangan Nabiy Muḥammad s.'a.w membawa Risālahnya, ajaran-ajaran dalam Syarī'at Rasul-Rasul terdahulu secara automatik termansukh. Ini ternyata seperti sabdanya yang mulia: *Kalaulah (Nabiy) Mūsā masih hidup di kalangan kamu tidaklah halal baginya melainkan dia mengikut saya* [Ḥadīth riwayat Ahmad, Abū Ya'lā dan ibn Abī 'Āsim]. Dan di dalam satu riwayat lagi berbunyi: *Kalau (Nabiy) Mūsā masih hidup, dia tidak akan meneruskan (Syarī'atnya) melainkan dia akan mengikut saya* [al-Baghdādiy, **Uṣūl al-Dīn**, Dar al-Kutub, ms 325] dan juga seperti Ḥadīth Muslim terdahulu. Pada Hajjatu 'l-Wada' Baginda s.'a.w dengan tegas menyatakan tidak ada agama selepas ini yakni tidak ada agama yang benar selepas datang Risālah Baginda. Jika seseorang itu menekuni 'ilmu-'ilmu Islām di dalam wacana Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah terutamanya berkaitan subjek 'Aqīdah-Tawhīd secara tertib, mereka tidak akan mengeluarkan perkataan seperti yang diucapkan Anwar yang Pluralis ini.

Adakah Anwar berkeyakinan bahawa Tuhan yang disembah oleh semua agama ialah Tuhan yang sama yang disembah oleh kaum Muslimīn yakni Allāh? Daripada perspektif Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, konsep Tuhan yang disembah

oleh Ahli Sunnah amat berlainan dengan konsep tuhan [t huruf kecil] yang disembah oleh golongan bukan Islām. Kalau lahir sama Tuhan yang disembah oleh orang Islām dengan orang bukan Islām, pasti Nabiyy ᷃.‘a.w akan menerima tawaran pergiliran sembahannya di antara kaum Muslimīn dengan Musyrikīn Makkah. Oleh kerana konsep Tuhan dan qaedah serta sistem penyembahan itu tidak selari dengan apa yang dibawa oleh Baginda, maka Baginda menolak tawaran pergiliran sembahannya tersebut seperti yang amat terang dijelaskan oleh Allāh SwT, melalui Sūrah al-Kāfirūn. Orang yang membaca Sūrah ini secara sepantas lalu pun akan terkesan dan mendapat Pencerahan bahawa konsep ke-Tuhan-an kedua-dua agama tersebut adalah berlainan sehingga Allāh SwT menyatakan bahawa tuhan [t huruf kecil] yang disembah oleh Kuffār-Musyrikūn itu tidak disembah oleh kaum Muslimīn dan demikian juga Tuhan [t huruf besar] yang disembah oleh kaum Muslimīn, tidak disembah oleh Kuffār-Musyrikūn, justeru Allāh mengunci dengan firman-Nya: *lakum dīnukum waliyadīn* dalam maksud menempelak atas kedegilan puak Musyrikūn tersebut bukan mewajarkan fahaman Pluralisme Agama. Bagaimana Anwar boleh berkata yang Tuhan yang disembah oleh semua manusia beragama adalah sama dan satu yakni Allāh SwT?

Di dalam al-Qur'ān banyak ayat-ayat yang mengajak Ahli Kitāb supaya menyembah Tuhan seperti yang diajar oleh Nabiyy Muhammad ᷃.‘a.w dan ancaman Allāh SwT kepada Yahudi dan Nasrani, yang menolak ajakan menyembah Tuhan yang sama dan enggan memeluk Islām seperti yang terdapat di dalam Sūrah al-Hijr 89, 90 dan 91. Oleh kerana Ahli Kitāb itu sudah tidak menyembah Tuhan yang sama seperti yang disembah oleh Nabiyy ᷃.‘a.w - Anwar kata sama - maka Nabiyy ᷃.‘a.w mengajak mereka supaya kembali berImān kepada Kalimat yang sama yang diImāni oleh semua penganut Agama Allāh atau Kalimah Sawa' yakni Kalimah Allāh di dalam konsepsi dan ontologinya yang sebenar

seperti yang diajar oleh Rasul-Rasul mereka sendiri dan juga semua Rasul-Rasul Allāh sebelum mereka. Bahkan sebelum ditahrifkan oleh tangan-tangan mereka sendiri.

Oleh kerana konsepsi dan epistemologi Allāh ini sudah salah kerana ditahrif oleh Ahli Kitāb dengan tangan mereka sendiri, maka Allāh SwT menghantar Rasul baru silih berganti untuk menegaskan semula konsepsi dan epistemologi Allāh yang sebenar itu kepada mereka. Perhatikan di dalam al-Qur'ān dengan baik, semua dialog Rasul-Rasul dengan kaum mereka, adalah di sekitar tema mengajak menyembah Tuhan Yang Satu yakni Allāh SwT seperti di dalam ayat 104 Surah Yūnus (terjemahan): *Aku tidak sembah apa yang kamu sembah selain Allāh*. Bagi Anwar, Allāh di dalam konsepsi dan ontologi serta persepsi Kuffār dan Musyrikūn boleh diterima sebagai sembahyang yang sah di sisi Allāh, walaupun mereka percaya Allāh ada anak iaitu Īsā dan 'Uzayr! *Subḥānallāh*. Maka ternyata salah dan mungkar serta syirik pendirian Anwar dalam perkara ini kerana al-Qur'ān membuktikannya salah.

Daripada Naşş ini ternyata ajaran di luar Islām adalah mungkar dan ḥolāl. Dan sebab itu di dalam 'Aqīdah Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, ada konsep Tawhīd dan Syirik, Īmān dan Kufur, Muslim dan Musyrik, Islām dan Kāfir, Mukhlis dan Munāfiq, Syurga dan Neraka, Kebahagian dan kesengsaraan dsb. Adalah kurang pasti sejauh mana Anwar memahami konsep-konsep kunci dan dasar seperti ini daripada perspektif ontologi dan epistemologi Islām arus perdana seperti yang diljmā'kan oleh 'Ulamā' Usūlu 'd-dīn dan Mutakallimīn Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah.

Jika kita telusuri fenomena ini, maka kita akan bertemu puncanya. Dalam perancangan Knights of Templar-Masons-Illuminati-Zionis atau *Masonic Conspiracy* secara lebih luas

seperti yang tertera di dalam **The Protocols of The Learned Elders of Zion**, mereka melakarkan peta besar atau *grand design* untuk menerobosi ke dalam hati Ummah Islām terutamanya individu profil tinggi di dalam masyarakat Islām supaya mengkucar-kacirkan mereka. Natijahnya, senanglah dijajah ‘aqal fikiran mereka dan tiada kebangkitan dakwah Islām dalam rangka untuk merahmatkan Dunia - *rahmatan li 'l-'ālamīn* melalui konsep Islām dalam ontologinya yang hakiki. Jika diteliti mengenai perancangan semasa gerakan Illuminati-Masons-Zionis-Kristian seperti yang termaktub di dalam buku **Building Moderate Muslim Networks**, terbitan Rand Corporation itu, nama Anwar Ibrahim mendapat penghargaan spesial. Antara doktrin kumpulan pemikir Illuminati-Masons-Zionis-Kristian ini ialah berusaha membina peribadi Liberalis dan Pluralis dikalangan kaum Muslimīn yang mereka sebut sebagai *moderate*, agar menjadi rangkaian mereka dalam usaha menjayakan agenda jahat mereka itu dengan membuat makar dan perlakuan mungkar di dalam diri Ummah Islām.

Hakikatnya, kata-kata beliau seperti dikutip terdahulu, menunjukkan dia benar-benar ragu kepada Kebenaran Mutlak Agama Islām yang dibawa oleh Nabiy s.‘a.w sebagai satu-satunya Agama paling ḥaqq di sisi Allāh. Kenyataannya itu juga, tanpa perlu kepada takwilan lagi, jelas pendirian keagamaannya bahawa dia amat yakin Bible [padahal kaum Kristian sendiri mempersoalkan kesohihan Bible mereka sebagai kalam Allāh, kebingungan mereka kerana ketiadaan *Apocrypha* yang hingga sekarang menjadi misteri dsb], Upanishad, Guru Granth Sahib dan lain-lain buku sakral pelbagai agama itu juga adalah ajaran yang benar dan datangnya daripada *The One*¹⁴⁹ yakni Allāh. Dia benar-benar yakin bahawa buku-buku atau kitab suci mereka itu sama

¹⁴⁹ *The One* di dalam pemikiran dan ajaran agama selain Islām bukan bermakna Allāh. Di dalam ajaran Kristian, mereka beri‘tiqād kepada Trinity bukan Allāh Yang Ahad.

benar dan sama-sama dapat memberi barakah dan syifā' seperti al-Qur'ān. *Subḥāna 'llāh*. Anwar mengingkari firman Allāh SwT yang mengatakan bahawa Ahli Kitāb di kalangan Yahudi dan Nasrani telah mengubah Kitāb mereka dengan tangan mereka sendiri seperti yang telah disebut terdahulu.

Ketika kedatangan al-Qur'ān, masyarakat Yahudi yang terkenal keras hati itu mempertikaikan Kebenarannya. Justeru, Allāh menjelaskan bahawa al-Qur'ān itu adalah daripada Tuhan kamu yakni Allāh: *al-ḥaq min rabbik*. Allāh mengingatkan mereka supaya menerima sepenuh hati dan jangan bersikap ragu-ragu akan Kebenaran Mutlak al-Qur'ān dan agama baru itu, justeru, di hujung ayat tadi berbunyi: *falātakūnanna mina 'l-mumtarīn* [al-Baqarah: 147] yakni: *maka janganlah anda tergolong daripada orang yang ragu*. Oleh kerana sikap ragu kepada Kebenaran Mutlaq yang satu yakni al-Qur'ān dan Agama Islām itulah menyebabkan Anwar mengajak dan menghasut orang ramai mengimani kebenaran berganda dan multiple dalam ajaran agama baru yang bernama agama Pluralisme Agama tajaan kaum Illuminati itu.

Pengakuannya. Semasa perjumpaan sekumpulan aktivis Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah dengannya pada Mei 2010 untuk menyorot fahaman Pluralisme Agamanya, dia mengaku yang dia menulis artikel yang diucapkannya di LSE itu berdasarkan kepada pandangan John Hick. Setelah *dimunāqasyah* pendiriannya itu, dia berjanji akan mengedit tulisannya itu bersama dua orang lain. Tetapi hingga kini, tulisan itu kekal seperti dalam teks asal [lihat lampiran]. Ini menunjukkan yang dia berpegang kukuh dan teguh dengan 'aqīdah Pluralisme Agamanya dengan simpul mati.

Perbuatannya. Melalui perbuatannya pula, dapat dikesan yang dia memang menganut 'aqīdah Liberalisme dan Pluralisme Agama apabila dia berdiri dan tunduk membongkok kepada abu

mayat Beng Hock dan Karpal Singh yang bukan Islām. Perbuatannya itu, menyalahi ajaran ‘Aqīdah dan Fiqh Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Seperti dinyatakan di dalam kitab-kitab Fiqh Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, perlakuannya itu, paling kurang hukumnya haram, jika tidak, syirik. Dia berbuat adalah atas rela hatinya dan keyakinannya yang semua agama sama benar seperti di dalam fahaman Pluralisme Agama.

Dia menolak kritikan orang Islām terhadap perbuatan mungkarnya berdiri dan tunduk membongkok itu dengan berkata bahawa perbuatan itu dibuat oleh Nabi s.a.w. Dia berkata bahawa Nabiy s.a.w berdiri dan membongkok kepada mayat Yahudi yang melintasi Baginda, dakwanya yang dimuat dalam ‘Keadilan Daily’, Isnin, 21 April 2014. Dia berkata “...*bila jenazah (Yahudi) dibawa depan Rasūlullāh, Baginda bangun, tunduk dan berhenti bercakap*”. Dari mana sumber ambilan tunduk membongkok kepada abu mayat orang bukan Islām ini?

Anda pembaca silakan teliti Sīrah dan Ḥadīth jika Nabi s.a.w yang mulia itu pernah tunduk hormat kepada abu atau mayat orang bukan Islām seperti perbuatan mungkar dia itu. Al-kisah, suatu ketika mayat orang Yahudi diusung dan melewati Nabi s.a.w. Baginda s.a.w berdiri tetapi tidak membongkok. Perlu difahami benar-benar, bahawa perbuatan Baginda s.a.w itu berdiri bukannya berdiri menghormati mayat si Yahudi tersebut akan tetapi berdiri menghormati Malaikat yang mencabut nyawa. Anwar ni benar-benar memfitnah Nabiy yang mulia!

Hadīth berkaitan dengan berdirinya Nabiy s.a.w - bukan membongkok - kepada mayat di dalam pengajian ‘ilmu Ḥadīth, disebut sebagai Ḥadīth Mukhtalīf. Di bawah diperturunkan Ḥadīth berkaitan berdirinya Nabiy s.a.w ketika melihat mayat dibawa melintasi Baginda.

Terjemahan: *Dari Anas, bahawasanya ada jenazah melewati Rasūlullāh ᷟ.a.w, lalu Baginda berdiri. Dikatakan kepada Baginda: Sesungguhnya ia adalah jenazah Yahudi. Baginda ᷟ.a.w bersabda: Sesungguhnya kita berdiri untuk Malaikat.* [Hadīth riwayat al-Nasā'ī, no 1292, dan al-Ṭabarānī, no 8113]. Dalam Hadīth ini, tidak disebut Baginda tunduk membongkok. Dan berdirinya Baginda itu adalah untuk Makaikat bukan menghormati atau memberi penghormatan terakhir kepada jenazah bukan Islām itu.

Terjemahan: *Bahawasanya ada seorang lelaki bertanya Rasūlullāh ᷟ.a.w, ia berkata: Wahai Rasūlullāh, ada jenazah melewati kami, apakah kami mesti berdiri untuknya?. Baginda ᷟ.a.w bersabda: Ya, berdirilah untuknya. Sesungguhnya kalian tidaklah berdiri untuknya akan tetapi kalian berdiri hanyalah untuk Malaikat yang mencabut nyawanya.* [Riwayat Aḥmad; Ibn Ḥibban; al-Ḥākim dll.]. Di dalam Hadīth ini tidak ada suruhan supaya tunduk membongkok, cuma berdiri sahaja. Pun begitu, berdiri itu bukanlah kepada abu atau mayat itu tetapi menghormati malaikat maut!

Terjemahan: *Dari Abū Ma'mar, katanya: Kami berada bersama 'Aliy, tiba-tiba lalu satu jenazah, maka mereka bangun berdiri kepadanya. 'Aliy berkata: Berdiri apa ini? Mereka menjawab: Suruhan Abū Mūsā. Berkata 'Aliy: Sesungguhnya, berdirinya Rasūlullāh ᷟ.a.w kerana jenazah Yahudi perempuan, tetapi Baginda tidak berdiri lagi mengulanginya.* [Hadīth riwayat al-Nasā'ī, no 1925]. Di dalam Hadīth ini pun, Nabiy ᷟ.a.w menyuruh berdiri sahaja dan tidak ada suruhan tunduk membongkok seperti dakwaan mungkar Anwar itu. Dan perhatikan dengan cermat, Nabiy ᷟ.a.w tidak mengulanginya lagi selepas itu.

Ketika dia membongkok kepada abu mayat Beng Hock dahulu, ada orang bertanya hukum perbuatan tersebut dengan menunjukkan gambar kepada seorang ‘alim di Kedah yang dijawab beliau yang ‘alim itu sebagai haram dan jika menyamai ruku’, adalah syirik.

Daripada riwayat-riwayat tersebut, Nabi ﷺ tidak pernah membongkok kepada mayat atau abu mayat yang dibakar. Perbuatan bongkok kepada abu mayat orang bukan Islām bukan persoalan kecil tetapi berkaitan dengan agama. Ia berkaitan dengan ‘Aqīdah. Anwar sanggup mereka-reka perbuatan mungkarnya yang bercanggah dengan ‘Aqīdah itu, lalu dinisbahkan kepada Nabiy yang mulia. Dia mahu mencari laba dunia dengan sanggup membuat fitnah kepada manusia yang paling bersih dan suci dari perbuatan syirik, Muḥammad ﷺ ‘alayhi wa sallam. Inilah yang disebut oleh Baginda ﷺ sebagai *dajjālūn kadzdzābūn* atau Dajjal penipu besar!

Demikian sikapnya seperti yang telah disebut, bahawa dia amat marah ketika buku **Islam dan Pluralisme Agama** terbitan IKD diharam oleh kerajaan. Sikapnya berlainan pula apabila buku **Kawin Campur antara Muslim dan Non Muslim** tidak diharam oleh kerajaan. Kedua-dua buku ini sama sahaja kandungan dan tujuannya iaitu mewajar bahkan membenarkan ‘aqīdah Pluralisme Agama di kalangan penganut Agama Islām.

Kesimpulan perbincangan daripada topik ini ialah Anwar yang menyatakan fahaman Pluralisme Agama adalah bersifat inheren atau semulajadi merupakan bid’ah dolālah dan mungkar yang amat keji. Sekiranya seseorang meneliti ḥadīth Jibril ‘as riwayat Imām Bukhārī dan Imām Muslim yang mencirikan rupa *al-dīn* dan tiang-tiang Agama iaitu al-Islām, al-Īmān dan al-Ihsān, teramat jelas, sejak awal pertama Islām lagi, Allāh SwT telah

menghantar Jibril ‘as kepada Nabiy yang mulia s.a.w mengajar agama atau al-dīn: *yu ‘allimukum dīnakum.*

Anwar menyalahi Ḥadīth Jibril ‘as tersebut kerana al-dīn yang dimaksudkan di dalam Ḥadīth ini ialah Agama Islām yang di dalamnya Jibril ‘as mengajar cara Syahādatayn yang jelas asasnya ialah berĪmān kepada Allāh SwT dan berĪmān kepada Sayyiduna Muḥammad bin ‘Abdullāh Rasul Allāh; mendirikan solat lima waktu dengan kayfiyat yang diajar Jibril ‘as kepada Nabiy sendiri: *ṣollū kamā ra’aytumūnī uṣallī* bukan cara beribadat agama Buddha atau Hindu atau Kristian atau yang lain. Demikian juga dengan Rukun-Rukun yang lain. Inilah ciri dan rupa bentuk Agama yang diterima Allāh SwT kerana Dia sendiri menghantar Jibrīl ‘as mengajar al-dīn kepada Pesuruh-Nya Muḥammad s.a.w. Jika orang-orang Yahudi dan sesiapa sahaja di Madinah pada masa itu mahu menerima konsep al-dīn seperti ini, mereka boleh melakukannya, tetapi ternyata sebahagian besar mereka sompong dan ingkar, menolak keRasulan dan Risālah Nabi Muḥammad s.a.w dan bahkan memusuhi Jibrīl ‘as pula seperti al-Qur'ān nyatakan. Kalauolah agama Pluralisme itu bersifat inheren, maka tidak perlu lagi Allāh SwT menghantar Sayyidina Jibrīl ‘as menegaskan semula dan mengajar konsep al-dīn dan bentuk ‘amalan yang baru kepada Nabiy s.a.w. Memadai al-Bārī Allāh melantik Baginda sebagai Nabiy sahaja dan bukan Rasul seperti Nabiy-Nabiy Bani Isrā'il terdahulu. Allāh juga tidak perlu menurunkan sebuah Kitab Suci yang baru yakni al-Qur'ān dan memadai hanya memerintah Ummah Muḥammad berpegang kepada Kitab Tawrāt atau Zabūr atau Injīl yang terdahulu itu.

Dengan Ḥadīth Jibrīl ‘as ini dan dengan pentanzilan Kitab Suci yang baru, dakwaan Anwar yang mengatakan fahaman Pluralisme Agama bersifat inheren atau semulajadi atau sambung menyambung atau perwarisan adalah mungkar dan batil yang besar dan sesat ke hujung, justeru wajib ditolak.

Abad ini menyaksikan falsafah Pluralisme Agama kuat digerakkan oleh individu-individu berkedudukan tinggi di dalam masyarakat Islām dan juga oleh organisasi-organisasi berjenama Islām seperti Gulen Movement dari Turki; IKD, The Ideas; Lepak Maqosid dll di Malaysia; JIL di Indonesia dan juga oleh kumpulan yang di luar lingkungan aroma Islām seperti Comunitá di Sant’Egido yang berpusat di Rome. Dan banyak lagi.

Konsep al-Firqah al-Nājiyah

Fahaman mengenai konsep, doktrin, ontologi serta epistemologi Keselamatan di Ākhirat adalah topik penting dan asas di dalam wacana pemikiran dan falsafah Pluralisme Agama. Ia berkait rapat dengan fahaman Inklusivisme yakni suatu fahaman yang menyatakan bahawa sesuatu agama perlu memasukkan dan menerima pakai ajaran agama di luar lingkungannya masuk ke dalamnya sebagai sesuatu yang benar dan absah. Ada kaitan erat diantara konsep golongan yang berjaya dan Keselamatan di Ākhirat dengan fahaman Inklusivisme agama. Oleh kerana semua agama mendakwa yang ajaran dan agama mereka sahaja yang akan selamat daripada Neraka, oleh itu untuk mendamaikan pertelingkahan dakwaan tersebut, maka bagi pemikir Pluralisme Agama, jalan penyelesaiannya ialah menajakan konsep dan doktrin bahawa semua agama wajar menerima dan memasukkan semua ajaran agama di luar lingkungan agama mereka ke dalam agama masing-masing.

Di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, Keselamatan atau terselamatnya seluruh manusia daripada ‘azab Allāh SwT di Ākhirat, bergantung kepada kebenaran dan keabsahan ‘Aqīdah dan ‘amalan Syarī‘ah mereka di dunia ini. Oleh sebab itu, Allāh SwT menghantar para Rasul dan Nabiy mengajar manusia mengenai ‘Aqīdah dan Syarī‘ah yang diterima

dan diiktiraf benar oleh-Nya. Dalam konteks Agama Pasca ‘Īsā ‘as, Agama yang diterima sebagai benar dan sah di sisi Allāh SwT hanyalah Agama yang dibawa oleh Nabiy Muḥammad ṣ.‘a.w sahaja dan dengan ini Syarī‘at Rasul-Rasul terdahulu itu terbatal amalannya secara automatik. Ini bermakna hanya manusia yang beragama Islām dan yang menganut dan menghayati konsep *hizbu ’llāh* [bukan parti politik] dan hidup di dalam lingkungannya seperti sabda Nabiy ṣ.‘a.w: *mā ana ‘alayhi wa aṣḥābiy* sahaja yang akan selamat daripada azab Allāh dan akan memasuki Syurga-Nya. Golongan inilah yang disebut oleh Allāh sebagai *al-fāizūn* atau *al-muflīhūn* atau di dalam al-Hadīth disebut sebagai *al-firqah al-nājiyah*. Mereka telah diberi ciri-ciri yang jelas oleh Al-Qur’ān dan al-Hadīth.

Akan tetapi, konsep dan doktrin Islām seperti ini ditolak oleh Anwar dengan katanya: “...*certain religious groups hold that only certain fundamental doctrines may lead to salvation...*” dan beliau kesal kerana ajaran Islām yang fundamental ini tersebar sebagai keyakinan di dalam lubuk hati setiap Muslimīn, sehingga beliau secara bebal berkata “...*This exclusivist outlook unfortunately cuts across the board as between religions...*”. Melalui ayat ini, beliau menuduh ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti ini sebagai palsu semata-mata dan kepalsuan ini sedang berleluasa di kalangan Ummah Islām.

Di dalam pemikiran Anwar, semua konsep dan doktrin Firqah al-Nājiyah dan konsep Keselamatan atau *ultimate salvation* yang diajar dan diyakini di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah itu, tidak boleh dipakai, kerana baginya, di luar Agama Islām pun ada Keselamatan dan boleh berjaya seperti yang beliau ungkap di atas yakni penganut agama selain daripada Agama Islām akan selamat dan berjaya melepaskan diri juga dari bakaran Neraka. Justeru beliau menyeru supaya Ummah Islām wajar memberi respons inklusif serta mengakui akan kebenaran semua

kliem-kliem keselamatan agama bukan Islām tersebut dan menolak doktrin eksklusiviti keselamatan dan berjaya hanya ada di dalam Agama mereka sahaja yakni Islām.

Anwar yakin, jalan yang membawa kepada Keselamatan dan kejayaan di Ākhirat, yang bermula daripada ‘alam dunia ini, kemudian ‘alam kubur, Mahsyar - jika agama lain juga percaya - dan siksa Neraka dan akan masuk ke dalam Syurga, boleh melalui apa sahaja agama pilihan masing-masing. Sebab itu, golongan Pluralis Agama, menerbitkan buku bertajuk **Banyak Jalan Satu Tuhan** dan IKD menerbitkan **Islam dan Pluralisme Agama**. Pendirian ini menunjukkan bahawa beliau tidak yakin dengan Kebenaran ajaran Agamanya sendiri sebagai satu-satunya Jalan Keselamatan dan Kejayaan seperti yang jelas di dalam al-Qur'ān dan Sunnah. Pegangan yang Keselamatan dan juga Kejayaan ada ‘*di luar Masjid*’, adalah pegangan seseorang yang muflis rūhāniyyah dan ‘aqliyah bahkan rosak ‘Aqīdah. Mereka ini tidak termasuk ke dalam golongan *mina 'l-mūqinīn* yakni daripada kalangan orang-orang yang yakin justeru sebaliknya mereka tergolong ke dalam golongan orang yang ragu akan Kebenaran Agamanya. Seorang Muslim, mesti dengan yakin dan *jazam* berpegang yang Keselamatan dan Kejayaan hanyasanya berada di dalam Agama pegangannya sahaja bersandarkan kepada Nāṣṣ-Nāṣṣ. Ditakuti akhirnya, mereka jenis ini, akan menjadi manusia agnostik, yang ragu mengenai wujud tuhan atau jika percaya pun akan kewujudan tuhan, mereka masih tertanya-tanya dan mencari-cari tuhan: tuhan yang mana satu?

Pendirian dan fahaman Anwar seperti ini, amat bercanggah dengan ajaran al-Qur'ān. Al-Qur'ān mengajarkan bahawa manusia hanya akan Selamat dan Berjaya jika mereka berada di dalam Agama Islām sahaja. Perkara ini amat jelas seperti yang terdapat di dalam Sūrah al-Fātiḥah, yang menyatakan bahawa setiap orang Islām perlu bahkan wajib berdu'a memohon

kepada Allāh SwT supaya tetap-teguh di atas Agama Islām dan tidak tergelincir dan cenderung hati mengikut dan menjadikan agama Yahudi dan Kristian serta agama selain Islām bahkan firqah-firqah selain Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, sebagai sekutu yang benar, baik di dalam cara berfikir, cara hidup, apatah lagi di dalam ‘Aqīdah dan Syarī‘at. Allāh SwT menyuruh manusia berdu‘a agar mereka senantiasa berada di atas Ṣirāt al-Mustaqīm dan memohon agar kekal dan kukuh di atasnya, kerana Ṣirāt al-Mustaqīm seperti yang ditafsirkan oleh Mufassirīn adalah Agama Islām yang dibawa oleh Nabiy Muḥammad ᷃.‘a.w bahkan dari golongan Ahli al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Inilah sahaja Agama dan golongan yang diterima di sisi-Nya, berdasarkan Firman-Nya: *inna ’d-dīnā ’indallāhi ’l-Islām*. Perkataan *al* di pangkal perkataan Islām itu, merujuk kepada perkara khusus yakni dirujuk kepada Islām yang dibawa oleh Nabiy Muḥammad ᷃.‘a.w bukan Islām yang dibawa oleh Rasul-Rasul sebelum Baginda dan agama selain Islām. Perkataan ini bersifat terminologi dan teknikal atau sebagai epistemologi dan bukan bersifat bahasa semata-mata.

Seperti yang telah disebut, bahawa bukan sahaja Agama Islām diterima sebagai Benar dan penganutnya Selamat dari segala macam siksa dan ‘azab di ‘Alam Barzakh dan Ākhirat, tetapi ajaran Islām yang dimaksudkan itu ialah ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia berdasarkan sebuah Ḥadīth yang masyhur berbunyi: *sataftariqu Ummati ‘alā thalāthin wa sab ‘īna firqatan, an-nājiyatū minhā wāhidatūn wa ’l-bāqūna halka. Qīla: wa ma ’n-nājiyatū? Qīla: Ahlu ’s-sunnati wa ’l-jamā‘ati. Qīla: wa ma ’s-sunnatu wa ’l-jamā‘atu? Qīla: mā ana ‘alayhi ’l-yawma wa aṣḥābīy*. Terjemahan: *akan berpecah Ummah saya di atas (kepada) tujuh puluh tiga firqah (golongan), (dan) yang berjaya daripadanya (yakni berjaya dari siksa Neraka dan dapat memasuki ke Syurga) hanyalah satu sahaja, yang bakinya, musnah (yakni masuk ke Neraka). Kata mereka (Ṣahābat): dan siapa yang berjaya itu? Kata Baginda: Ahli Sunnah wa ’l-*

Jamā‘ah. Kata mereka (Şahābat): siapa dia Ahli Sunnah wa ‘l-Jamā‘ah itu? Jawab Nabi: apa yang saya dan Şahābat saya berada di dalamnya pada hari ini (HR Abū Dāwūd, Ibn Mājah dan Aḥmad).¹⁵⁰

Satu lagi hujjah yang mengatakan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah sahaja yang berjaya di Āakhirat ialah merujuk kepada tafsiran para Mufassirīn di dalam menafsirkan ayat 106 dari Surah Āli ‘Imrān: *yawma tabyaḍu wujūhun* (terjemahan): *pada hari wajah mereka putih berseri.*¹⁵¹ Mufassirīn menafsirkan, ayat tersebut merujuk kepada golongan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Tafsiran ini adalah dari autoriti ‘Abdullāh ibn ‘Abbās dan ‘Abdullāh ibn ‘Umar *raḍiyallāhu ‘anhum* seperti yang dinukil dalam kitab-kitab Tafsīr. Jelas, dalam golongan yang mendakwa Islām pun, Islām yang di dalam konsep dan bersifat *mā ana ‘alayhi ‘l-yawma wa aṣḥābiy* [dalam sesetengah riwayat tanpa perkataan *al-yawm*] sahaja yang Selamat dan Berjaya daripada ‘azab Allāh SwT dan dapat masuk ke dalam Syurga.

Pegangan dan fahaman Anwar ini, persis pegangan Pluralis John Hick, Nurcholish, Dawam, Sri Ravi Shankar dll. Memang pun, seperti yang dia sendiri mengaku, beliau merujuk kepada tulisan John Hick, ketika menulis ucapannya di LSE itu. Agak sedikit pelik, beliau yang mendakwa berpegang dan menghayati *sapere aude* berdekad-dekad lamanya, tiba-tiba terikat simpul mati dengan ajaran seorang bukan Islām seperti Hick itu. Kenapa terikat dengan Hick yang bukan Islām itu dan tidak kepada ‘Ulamā’ Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam perkara yang amat fundamental seperti ‘Aqīdah dan Syarī‘ah serta Akhlāq ini? Seorang Muslim yang baik dan berīmān kepada al-Qur’ān yang sifatnya *hudan li ‘l-muttaqīn*, akan merujuk kepada al-Qur’ān

¹⁵⁰ Memang ada suatu Ḥadīth yang makna sebaliknya tetapi di dalam epistemologi Ḥadīth ia dikategorikan sebagai Ḥadīth *maqlūb* justeru tertolak.

¹⁵¹ يَوْمَ تَبَيَّنُ فِتْحُهُ

terlebih dahulu, kemudian al-Sunnah, kemudian al-Ijmā‘, kemudian pendapat atau *aqwāl ‘Ulamā’* yang rāsikh sebagai rujukan dasar, terutamanya di dalam perkara yang sebegini penting dan asasi. Selain dari Hick, beliau juga merujuk kepada ajaran swami-swami Hindu, Sikh dan pemikir-pemikir Illuminat-Zionis-Kristian yang lain di dalam memahami epistemologi dan aksiologi Kejayaan dan Keselamatan atau *Salvation* ini. Al-Qur’ān sendiri amat jelas menghuraikan ciri golongan yang Selamat dan Berjaya seperti di dalam ayat 112, Surah al-Tawbah; dan golongan yang tidak Selamat. Ia ditambah lagi oleh keterangan al-Ḥadīth dan al-Ijmā‘. Dia benar-benar diresapi fahaman Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme pekat.

Di dalam mewajarkan faham fasiq, mungkar malah kufur ini, dia melakukan suatu lagi jenayah Agama dan intelektual berat kerana memfitnah tokoh-tokoh besar Ṣūfi. Beliau berkata: *The idea of salvation has been espoused by some of the foremost intellectual and spiritual authorities of Islām in the past such as Ibn ‘Arabi, Jalaludin Rumi and the Ottoman Mufti, Abdul Ghani Nablusi...[lihat Religious persecution under The Najib Administration]* yang dia mendakwa bahawa tokoh-tokoh yang disebutnya itu membawa ajaran yang semua pengikut beragama tidak kira jenis agama akan dapat masuk ke dalam Syurga atas fahaman Pluralisme Agama. Ini adalah fitnah besar dan jenayah berat Anwar. Sila perhatikan huraian berikutnya.

Sidi Muhyiddin Ibn ‘Arabi r̄h [w 638 H] telah menulis banyak buku. Beliau pernah bertemu Ṣūfi besar, Suhrawardi dan ‘Umar Ibn Farīd. Di antara buku-bukunya yang banyak diteliti dan dikaji dewasa ini terutamanya oleh Orientalis dan Occidentalists ialah **al-Futūḥāt al-Makkiyah** dan **al-Fuṣūṣ al-Hikam**. **Al-Waṣōyā**, sebuah lagi karangan beliau, tidak diminati oleh kebanyakan pengkaji Ibn ‘Arabi. Ini adalah kerana buku tersebut membicarakan mengenai pembersihan zahir dan batin daripada

dosa-dosa dan menyarankan supaya manusia membanyakkan *dzikru llāh* dan munājat di atas nama Allāh. Tidak sepatah pun beliau menganjurkan berzikir dengan nama-nama dan dzāt tuhan agama Musyrikūn dan Kāfirūn seperti keyakinan Anwar itu. Buku al-Rumi r̄h yang selalu disebut oleh pengkajinya ialah **Mathnavi Ma'navi**. Buku ini telah diterjemah sepenuhnya ke dalam Bahasa Melayu oleh Prof. Syed Mohamed Ajmal Bin Abdul Razak Al-Aidrus dari ISTAC. Syaikh 'Uthmān el-Muḥammady r̄h juga ada menterjemah cuma bahagian-bahagian tertentu sahaja dan diberi sedikit komentar. Menurut mereka berdua, al-Rumi bukanlah seorang Pluralis Agama. Semua mereka yang disenarai oleh Anwar itu adalah 'alim Sunni – Sunni 'Aqīdah dan Sunni Syarī'at dan Sunni Taṣawwūf.

Di dalam membuat kenyataan mungkarnya itu, Anwar tidak menurun dan mengungkap semula petikan daripada perkataan-perkataan 'Ulamā' tersebut dan menyebut daripada kitab mana petikan tersebut diambil seperti kelaziman yang dibuat dalam tradisi keilmuan untuk rujukan bersama. Adalah amat baik jika dia menyatakan nama kitab dan bilangan jilid kerana **al-Futūhāt** mengandungi empat jilid besar. Adalah sesuatu yang amat songsang dan bersifat jenayah di dalam tradisi keilmuan apatah lagi berkaitan dengan ajaran Islām, seseorang itu menyebut secara tidak bertanggungjawab lalu dinisbahkan kepada pengarang berkenaan.

Sebahagian penuntut di dalam pengajian 'ilmu-'ilmu Islām di Kuala Lumpur sejak sekian lama, mereka telah mendapat pencerahan melalui Ustaz 'Uthmān el-Muḥammady r̄h mengenai ajaran dan falsafah keagamaan Sidi Muhyiddīn ibn 'Arabi r̄h, al-Sakandari dan Mawlana Jalāluddīn al-Rūmī r̄h. Sepanjang perbincangan mengenai **al-Futūhāt** dan **al-Fuṣūṣ**, Ustaz 'Uthmān el-Muḥammady r̄h yang mahir falsafah Taṣawwūf dan Metafizik Islām, menyatakan, Sidi Muhyiddīn ibn 'Arabi r̄h, tidak pernah

menyebut, baik secara bayangan apatah lagi secara terang-terangan yang beliau menganut dan menulis di dalam mana-mana tulisannya yang dia berfahaman bahawa semua agama sama benar dan sama taraf kedudukannya. Ustaz ‘Uthmān r̄h juga membela Sidi Muhyiddīn r̄h dan menafikan fitnah yang dilemparkan kepadanya yang menuduh beliau r̄h berfahaman serba tuhan yakni segala yang wujud ini adalah tuhan yang diterjemah oleh Orientalis dan Occidental Barat sebagai *Pantheism*.

Pantheism bukan Wahdatu ’l-Wujūd di dalam konsepsi Ibn ‘Arabi r̄h. Memang ada dua jenis kefahaman mengenai Wahdatu ’l-Wujūd. Satunya bersifat zindiq kerana mengatakan makhluk dapat bersatu dengan tuhan atau *hulūl* atau Pantheism atau semua yang wujud ini adalah serba tuhan. Fahaman dan I‘tiqād semacam ini telah dikafirkan oleh ‘Ulamā’ Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Adapun Wahdatu ’l-Wujūd atau Wujūdiyyah di dalam wacana falsafah Taṣawwūf Sidi Muhyiddīn r̄h atau Shibli atau Yazīd Bisṭāmi dan banyak lagi, adalah suatu kedudukan keperihalan atau *hāl* di dalam pengalaman kerūhāniyyan peringkat tinggi yang melihat dengan matahati akan ‘alam fenomena dan kosmologinya pada paras mikrokosmik dan makrokosmik sebagai kesan dari Wujūdnnya Allāh bukan Dzāt Allāh itu sendiri. Ini samalah seperti di dalam pepatah Melayu, *tempat jatuh lagi dikenang*. Ia bermaksud bahawa melihat sesuatu tempat yang pernah seseorang itu terlibat suatu masa dahulu itu mengingatkannya kepada sesuatu peristiwa tertentu. Atau pun, seseorang yang melihat Masjid Nabawiy di Madīnah, pasti dia akan teringat kepada Junjungan dan Kekasih Agungnya, Rasul yang mulia ş.‘a.w, bukan ingatannya terpahat kepada batu dan pasir binaan masjid tersebut yang baginya - dalam suatu kesedaran peringkat tinggi - batu dan pasir dan bangunan seluruhnya langsung tidak wujud!

Di dalam membincangkan ajaran Sidi Muhyiddin rh, Ustaz ‘Uthmān rh terus merujuk kepada teks asal **al-Futūhāt** berbahasa Arab bukan melalui kefahaman William Chittick berdasarkan terjemahannya atau kefahaman persatuan Society of Ibn ‘Arabi Barat. Bahkan beliau membetulkan kesilapan yang disengajakan oleh Chittick ketika menterjemahkan beberapa frasa dari kitab **al-Futūhāt** yang terjemahannya menjurus kepada membenarkan Sidi Muhyiddin rh seolah-olah berfahaman Pluralisme Agama padahal tidak demikian di dalam teks asal. Sidi Muhyiddin rh ketika membahaskan fenomena kepelbagaian agama tidaklah ia berfahaman seperti golongan Pluralis baik aliran Sophia Perennis Schuon atau fahaman Relativisme dan Inklusivisme John Hick atau Anwar. Pendirian dan pegangan ‘Aqīdahnya adalah ‘aqīdah Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah murni. Hal ini jelas di dalam **al-Futūhāt**nya, jilid satu, yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Ustaz ‘Uthmān el-Muhammady rh.

Sidi Muhyiddin rh berkata di dalam **al-Futūhāt**nya, jilid 3, muka surat 153 (terjemahan): “*Jika sekiranya Rasul-Rasul (sebelum Nabiy s. ‘a.w) hidup pada zamannya (yakni zaman Nabiy Muhammad s. ‘a.w), pasti mereka akan mengikutnya seperti mengikutnya Syarī‘at mereka (kepada) Syarī‘atnya (yakni Syarī‘at Nabiy Muhammad)*”. Pendirian Ibn ‘Arabi rh ini bertepatan dengan Hadīth Nabiy s. ‘a.w berkenaan dengan Nabiy Mūsā ‘as yang akan mengikut Syarī‘at Baginda seperti yang telah disebut terdahulu. Dan lagi jika dia berfahaman Pluralisme Agama, pasti dia tidak akan memulakan dengan menghuraikan Bab Ṣolāt dalam **al-Futūhāt**nya itu dengan cara yang amat halus yang merangkumi waktu Ṣolāt, azan dan iqāmah, qiblat, menutup aurat, perlakuan dalam Ṣolāt ‘Id hingga kepada Ṣolāt jenazah seperti yang diajar di dalam Fiqh Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Bahkan dalam **al-Waṣōyā**, munājatnya semuanya atas nama Allāh dan memohon menjadi seorang Islām yang berīmān. Ini membuktikan bahawa dia adalah seorang Islām Ahli Sunnah

wa al-Jamā‘ah bukan seperti fitnah kaum Liberalis dan Pluralis termasuk Anwar yang mengatakan dia seorang Pluralis Agama.

Demikian juga dengan Mawlana al-Rūmī r̄h seperti yang diungkapkan oleh cendekiawan Muslim bahawa dia bukanlah seorang Pluralis. Hujah yang diberi yang menolak bahawa al-Rūmī bukan seorang berfahaman Pluralisme Agama ialah beliau r̄h dengan jelas dan tegas berkata (terjemahan): “...maka hal ini memaksanya (Kristian yang bertanya kepada Rumi – P) untuk mengikut Nabiy itu (yakni Muḥammad s. ‘a.w)...”. Perkataan ini amat terang, tidak ada unsur-unsur, fahaman dan ajaran Pluralisme Agama di dalamnya, jika tidak, dia akan membiarkan sang Kristian itu kekal di dalam pegangan Kristianitinya kerana di sana juga ada Keselamatan seperti keyakinan Anwar. Dia bahkan menolak konsep *Transcendent Unity of Religions* seperti keyakinan Schuon dan Hossein Nasr dengan katanya: “...lahirlah perbezaan antara orang berĪmān yang sebenar dan orang Majusi dan Yahudi” ketika membicarakan mengenai Dzāt Yang Maha Wujūd yakni Allāh SwT.

Anwar pernah memetik rangkap kata yang beliau sebut sebagai dari al-Rūmī, padahal sebenarnya, beliau petik dari Hick tanpa memberitau sumbernya yang seolah-olah mahu menunjukkan yang dia merujuk terus kepada teks asal. Hick lebih jujur kerana di dalam nota kakinya, dia menyebut sumber ambilannya iaitu Nicholson, walaupun Nicholson juga tidak jujur dalam karier akademiknya kerana menterjemah **Mathnavi** tidak menurut piawai terjemahan teks. Agak melucukan, ungkapan Anwar itu yang dia petik daripada sumber yang dia tidak beritahu dan dinisbahkan kepada al-Rūmī itu, sebenarnya tidak ada pun di dalam teks **Mathnavi** al-Rūmī. Jenayah dan pembohongan intelektual! Nampaknya dia mahu orang Barat mengandaikan yang dia adalah seorang intelektual Islām pengkaji al-Rūmī yang hebat dan benar-benar merujuk kepada sumber atau teks asal.

Malah orang akan mengaguminya. Adakah dia mahu menunjukkan kepada kaum Illuminatus bahawa dia bersama setia dengan mereka di dalam mengelirukan Ummah Islām? Sekali lagi jenayah intelektual paling parah! Memang tepat sebagaimana yang diakui di dalam **The Protocols** Illuminati-Zionis itu, mereka akan melencengkan pemahaman para intelektual di dalam memberi penafsiran kepada ajaran Islām dan dengan itu Ummah Islām akan terpedaya dan sesat seperti di dalam kes fahaman Anwar berkaitan dengan falsafah tokoh besar Ṣūfi tersebut.

Adalah diragukan oleh ramai cendekiawan Islām terutama yang menekuni falsafah keagamaan pelbagai aliran: Sejak bila agaknya Anwar meminati dan menekuni pemikiran dan karya agung Sidi Muhyiddīn, Maulana Jalāluddīn dan ‘Abdul Ghānī al-Nablūsī dan jika ya, kitab apa yang ditekuninya?

Kepada seseorang yang hendak berwacana mengenai falsafah kerūḥāniyyān dan ajaran tokoh besar sekaliber Sidi Muhyiddīn ibn ‘Arabi, al-Jīlī, Suhrawardī, al-Rūmī, al-Nablūsī, al-Jarīrī, al-Qusyairī, al-Ghazzāliy dan lain-lain, memerlukan daya intelektual yang tinggi serta daya memahami bahasa ‘Arab klasik yang halus. Ini adalah kerana konsep dan epistemologi Taṣawwūf berbeza daripada istilah-istilah biasa dan amat sulit difahami dalam konteksnya oleh orang yang tidak pernah melalui proses Pencerahan dan pencernaan keilmuan berkaitan subjek Taṣawwūf seperti Anwar ini. Adalah kurang pasti, apakah Anwar mempunyai kualiti seperti ini. Yang amat nyata ialah beliau sangat-sangat bergantung harap kepada Hick, sami-sami Hindu dan rakan Liberalis dan Pluralisnya dari Indonesia untuk memahami ‘kerūḥāniyan’ Islām!.

Orang yang mempunyai sedikit kemampuan, boleh akses terus dan meneliti sendiri tulisan-tulisan ‘Ulamā’ kita itu dan frasa mana di dalam tulisan mereka itu yang menjurus kepada fahaman

Pluralisme Agama seperti yang didakwa oleh Anwar terutama berkaitan dengan konsep Keselamatan dan Kejayaan di Akhirat.

Kesimpulannya, Keselamatan dan Kejayaan di Dunia dan di Akhirat, hanyasanya, berada di dalam Agama Islām dan Islām yang dimaksudkan itu pula ialah daripada aliran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah: ‘*Aqīdatan wa Syarī‘atan wa Akhlāqan* seperti yang telah disebut mengenai tafsiran ayat al-Qur’ān dan al-Hadīth terdahulu.

Fahaman Dekonstruksionisme

Anwar berkata “...*the Syarī‘at was never cast in stone*” yakni *Syarī‘at tidak pernah terpahat di atas batu*.

Dengan ungkapan: ...*the Syarī‘at was never cast in stone* yakni Syarī‘at tidak pernah terpahat di atas batu, bermakna ia telah masuk ke dalam perbincangan mengenai konsep *istinbāt*, fatwa dan *tarjīh* hukum di dalam subjek Fiqh Islāmiy. Dalam kenyataannya itu, ia yakin bahawa di dalam Syarī‘at Islām semua ajaran-ajarannya tidak bersifat tetap dan boleh berubah-ubah sesuka hati atas dasar kebebasan bersuara, memberi pendapat dan falsafah *sapere aude*.

Sudah termaklum, di dalam Syarī‘at Islām, pembinaan hukum-hakam adalah melalui proses yang ketat. Bukan semua orang boleh memberi fatwa dan bercakap mengenai perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam Islām. Di dalam ajaran Islām, terdapat hukum-hakam yang bersifat *thawābit* dan ada pula yang bersifat *mutaghayyirāt*. Oleh kerana keghayrahannya dengan konsep reformasi yang membara di dalam lubuk hatinya, dia kelihatan semacam mahu mengubah seluruh struktur dan sistem termasuk hukum-hakam di dalam Syarī‘at Islām sehingga dia

tidak membezakan mana hukum yang bersifat *thawābit* dan mana pula hukum yang bersifat *mutaghayyirāt* dan bersifat Ijtihādiyyah, mana yang *rājīh* dan mana pula yang tidak.

Dengan ungkapan borongnya: *the Syari'at was never cast in stone* ini, dia benar-benar menjerumuskan dirinya ke dalam gaung kemusnahan fahaman Relativisme dan Subjektivisme yang hujungnya ialah fahaman Dekonstruksionisme Agama. Inilah sebenarnya agenda kaum Illuminati dan Freemasons yang mahu merosakkan ajaran Islām daripada dalam melalui orang Islām sendiri.

Beliau tidak menyokong kenyataannya ini dengan memberi suatu kaedah yang boleh menjadi panduan orang ramai bersekali dengan contoh-contoh. Anwar tidak seperti Liberalis dan Pluralis Indonesia yang berani dan jelas serta lebih spesifik menyatakan isu-isu Fiqh. Dia sekadar masih bermain kata atau bersifat *equivocal*. Liberalis-Pluralis Indonesia, telah memberi ‘fatwa’ mewajarkan mengerjakan Haji dilaksanakan di luar bulan Haji; menghalalkan aktiviti LGBT bahkan menerbitkan buku khusus mengenainya bertajuk **Indahnya Kawin Sejenis** dan kini mereka sedang berusaha menyiapkan tafsiran semula ayat liwat di dalam al-Qur'an untuk memberi justifikasi keharusan melakukan aktiviti jenayah dan maksiat liwat tersebut dsb. ‘Ijtihad’ dan ‘fatwa’ mereka boleh dilihat di dalam buku-buku penerbitan mereka yang antaranya ialah buku **Fiqh Lintas Agama; Ijtihad Islam Liberal** dsb. Adakah Anwar juga berpendirian demikian selaras dengan gagasan *Syari'at was never cast in stonewa*?

Kenyataannya itu mempunyai makna yang luas dan mendalam. Dari satu sudut pandang, ia kelihatan mempunyai makna-makna tersirat dan bersifat khusus serta terarah. Jika dicermati, ketika buku **Islam dan Pluralisme Agama** diharamkan oleh kerajaan, dia menentang dengan bengis kerana buku tersebut

mempunyai kandungan pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama yang dianut dan diusungnya. Dari satu sisi yang lain, pendiriannya: *Syari'at was never cast in stone* kelihatan dia cenderung kepada mahu mengabaikan hukum yang sudah diljmā'kan seperti isu pemurtadan, perkahwinan silang agama, isu sebatan kepada peminum arak dan kegiatan aktiviti LGBT kepada hukum baru mengikut pendirian fahaman puak Illuminisme, Liberalisme dan *sapere aude*.

Ini dapat diperhatikan di dalam hukum perkahwinan silang atau beza agama. Di dalam hukum Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah yang jelas secara qat'i dilarang di dalam al-Qur'ān tetapi badan pemikir Anwar, IKD, telah menerbitkan buku **Kahwin Campur antara Muslim dan Non Muslim**. Buku ini menghalalkan orang Islām berkahwin dengan orang bukan Islām! Dengan terbitnya buku ini, dia kelihatan memberi legitimasi dan mewajarkan perubahan hukum dan peraturan perkahwinan yang sudah *thawābit* di dalam Syari'at. Jika beliau tidak bersetuju dengan 'fatwa' IKD itu, sebagai seorang yang mengaku beragama Islām, dia wajib mengeluarkan kenyataan tegas pendirian keagamaannya dan melarang pengedaran buku tersebut serta mengarahkan IKD menarik balik daripada pasaran atau mengeluarkan kenyataan membetulkan kesilapan IKD itu seperti mana respons keras dan jelas beliau kepada pengharaman buku **Islam dan Pluralisme Agama** dulu. Bukankah IKD badan pemikir beliau dan Khalid Jaafar pula bergantung hayat kepada beliau? Nampaknya dia bersetuju dengan pendirian IKD ini. Ada kaedah menyebut: *Diam menunjukkan setuju*.

Di dalam kes aktiviti songsang LGBT pula, beliau tidak mengeluar sepatah kenyataan pun yang jelas mengkritik atau menyelar atau pun melarang keras aktiviti terkutuk itu. Bahkan yang terjadi sebaliknya iaitu beliau mengkritik keras usaha untuk menambah nilai dan memperkemas peraturan mengenai aktiviti

LGBT sedia ada, malah beliau menganggap peraturan itu sudah lapuk. Tambahan pula, sikap beliau yang tidak menjawab dan tidak menolak secara tuntas dan jelas menafikan yang dia bukan pengamal homoseksual¹⁵² apabila ditanya oleh pengacara stesyen radio BFM 89.9 seperti yang telah disebut. Bahkan beliau pernah membuat kenyataan terbuka mengkritik pihak berkuasa mengadakan program penerangan mengenai bahaya LGBT kepada pelajar-pelajar sekolah. Sikap beliau semacam ini, menyebabkan ramai orang bertanya: adakah dia sebahagian daripada golongan tersebut? Dengan mengingatkan ‘fatwa’ kaum Liberalis Indonesia yang mewajarkan aktiviti songsang tersebut dan Anwar pula mengakui yang dia adalah menganut *sapere aude*, maka semakin kuat pertanyaan orang ramai: adakah dia juga menghalalkan perbuatan tersebut kerana selaras pula dengan konsep Syarī‘atnya yang *Syari‘at was never cast in stone*? Satu nota ringkas bahawa teman karib beliau, Paul Wolfowitz adalah penyokong tegar aktiviti liwat. Menurut laporan media, Paul pernah memberi sejumlah dana kepada kumpulan seks sejenis di Turki.

Selain daripada itu, beliau tidak peduli mengenai kaedah sembelihan haiwan. Kawan-kawan beliau yang pernah bersama beliau semasa di luar negara memberi tahu bahawa sejak lama dahulu lagi dia tidak kisah mengenai status halal-haram sembelihan justeru memakannya. Dari sikapnya seperti itu, nampaknya beliau berpendirian semua sembelihan halal dimakan tanpa mempersoalkan cara sembelihan dan agama orang yang menyembelih. Ini dikuatkan lagi oleh pendirian beliau yang semua agama adalah sama benar belaka, justeru sembelihan sesiapa pun

¹⁵² Beliau telah dijatuhkan hukuman lima tahun penjara oleh Mahkamah Rayuan Malaysia pada 6hb Mac 2014 kerana sabit kesalahan meliwat lelaki pembantu di pejabat beliau. Pada 10hb Februari 2015 pula, Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan beliau dan mengekalkan hukuman tersebut.

adalah sama belaka sahnya dan sama-sama halal, maka beliau tidak ragu-ragu memakan sembelihan yang tidak mengikut prosedur Syarī‘at itu. Sekali lagi: *Syarī‘at was never cast in stone* dicerna dalam perbuatannya. Seseorang Islām yang baik wajib mematuhi kaedah penyembelihan menurut Syarī‘at jika tidak dia dikategorikan dan disifatkan memakan bangkai yang jelas haram di dalam al-Qur'ān.

Berkaitan dengan soal atau hukum kesaksian di dalam kes jenayah zina pula, badan sekutu IKD iaitu MEGC-KAF menerbitkan sebuah buku bernama **Hukum Barat Pun Islam** (2006). Di dalam buku ini, muka surat 30 dinyatakan: “*Ambil jenayah zina sebagai analisa. Dalam Surah al-Nisa’ [4: 15], Allah menetapkan empat orang saksi bagi perbuatan jenayah zina sebagai beban pembuktian...apakah beban pembuktian moden tidak diambil kira keberkesanannya dalam pembuktian? Dengan masyarakat membangun bersama ilmu dan teknologi, sudah terbukti banyak kes dapat diselesaikan dengan licin...*”.

Nah, jelas, badan pemikir Anwar mahu mengenepikan prosedur empat orang saksi di dalam kes kesaksian jenayah zina seperti yang termaktub di dalam al-Qur'ān dan menerima pembuktian modern dan saintifik sebagai sah. Mereka kelihatan memperleceh prosedur al-Qur'ān tersebut dengan mengatakan bahawa tidak perlu kepada empat orang saksi dan bukti-bukti saintifik modern sudah memadai dan boleh diterima pakai. Apa yang hendak disampaikan di sini ialah mereka jelas menolak prosedur al-Qur'ān dan mahu diganti dengan prosedur baharu mereka atas dasar *Syarī‘at was never cast in stone*. Malangnya, di dalam kes tuduhan jenayah Syarī‘ah yang bermacam-macam yang dilemparkan kepada Anwar seperti liwat dan zina, mereka tidak mahu memperjuangkan dan meminta supaya Anwar menerima pakai prosedur yang mereka ‘fatwa’kan itu, padahal menurut mereka, video, DNA dan bukti-bukti modern dan saintifik yang

lain boleh digunakan sebagai, seperti kata mereka: “*beban pembuktian*” dan “*keberkesanannya dalam pembuktian*” dan “*sudah terbukti banyak kes dapat diselesaikan dengan licin...*”. Kenapa mereka tidak menggunakan ‘fatwa’ mereka yang ‘progresif’ dan yang telah direformedkan itu, kerana bukankah menurut Anwar: *Syari’at was never cast in stone?* Kenapa tiba-tiba membatalkan ‘fatwa’ tersebut dan berkeras mahu kembali kepada kesaksian empat orang pula? Sekali lagi *Syari’at was never cast in stone?* Pelik dan lucu.

Suatu persoalan besar timbul ialah kenapa beliau memberi contoh anak boleh berkahwin dengan ibu kandungnya sendiri, pada hal banyak contoh lain yang tidak menimbulkan salah faham boleh diberi dan contoh itu pula boleh mengelirukan audiensnya yang bukan Islām di LSE itu? Ada andaian mengatakan bahawa contoh tersebut sengaja diberi untuk membuktikan bahawa fahaman dan falsafah *deontology of ethics* Kant boleh diaplikasikan kepada semua jenis kelompok manusia dengan logik atau silogisme baru iaitu jika dengan ibu kandung sendiri pun boleh berkahwin, justeru apa salahnya dengan sesama jenis: lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan apatah lagi jika suka sama suka. Dan inilah ‘fatwa paling rājīh’ golongan Liberalis Indonesia berkaitan dengan aktiviti liwat dan lesbian. Seperti yang disebut terdahulu mereka sedang menyiapkan tafsir baru ayat-ayat homoseksual.

Contoh-contoh yang diberi, mempunyai kaitan dengan sikap dan pendirian keagamaan kaum Liberalis, maka adalah sesuai kata-kata Anwar bahawa ...*the Syari’at was never cast in stone*. Maknanya, hukum hakam yang selama ini mengharamkan hal-hal tersebut perlu diubah dan diberi ‘fatwa’ baru, supaya sesuai dengan fahaman globalisasi, liberalisme agama, hak asasi manusia, progresif dan moral baru dalam konsep dan falsafah deontologi yang semuanya bermuara pada falsafah Illuminisme.

Di dalam Agama Islām, ada kewajiban hukum berkaitan dengan mencegah kemungkar dan kemaksiatan. Sebab itu ada konsep *nahiy mungkar* dan *saddu 'dz-dzarā'i* iaitu menutup pintu-pintu maksiat yang merupakan tindakan wajib. Pendirian Anwar benar-benar bercanggah dengan prinsip Maqāṣid Syara‘ Islām iaitu *hifżu 'd-dīn* dan *murū'ah* atau maruah yakni memelihara Agama daripada terhakis dan dirosakkan oleh noda-noda dan perlakuan maksiat. Dia nampaknya mahu membuka pintu maksiat selaras dengan fahaman kaum Liberalis yang mewajarkan *fathu 'dz-dzarā'i* yakni mewajarkan membuka pintu kepada perlakuan kemaksiatan padahal dia mendakwa meminati Ibn ‘Asyūr selain al-Syāṭibī! Apakah ada pendirian seperti ini di dalam tulisan al-Syāṭibī rh? Sila pembaca lihat sendiri di dalam karya al-Syāṭibī seperti **al-I‘tiṣōm** atau **al-Muwāfaqāt**.

Pendirian Anwar seperti dijelaskan di atas, adalah benar-benar menunjukkan yang beliau menganut fahaman Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme yang menyebabkannya menganut fahaman Reduksionisme dan Dekonstruksionisme Agama sekaligus. Fahaman ini bermaksud mengurangkan hukum-hakam di dalam Syari‘at Islām dan membina hukum-hakam dan peraturan serta ajaran-ajaran baharu. Hakikatnya, dengan adanya pengurangan hukum-hakam ini, maka akan menyebabkan runtuhan sistem dan struktur hukum yang sudah thawābit itu. Setelah berjaya melaksanakan dua perkara ini, maka langkah bersekali dengannya atau secara paralel ialah mereka akan mengisi kekosongan tersebut dengan fahaman dan falsafah tajaan mereka serta mendirikan hukum dan peraturan baharu yang mungkar itu selaras dengan kehendak kaum Masonik-Illuminati. Ini menyalahi tabi‘at Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah yang baku.

Atas dasar dan falsafah Reduksionisme dan Rekonstruksionisme inilah mereka bina ‘aqīdah baru yang mungkar itu, menggantikan ‘Aqīdah Islām: *mā ana ‘alayhi wa aṣḥābiy* yang sohih lagi benar itu. Dalam hubungan dengan ajaran Islām, ia tidak boleh dinamakan Dīnu ’l-Islām lagi.

Perangkap Illuminisme-Masons-Zionis-Kristian

Anwar berkata: “...*We should therefore disabuse ourselves of this notion of clash between civilizations...*”. Cuba padankan pula ungkapannya ini dengan kenyataan daripada Jabatan Pertahanan (Defense Department), Amerika Syarikat, pada 06hb Februari 2006, yang berbunyi “...*the United States is involved in a war that is ‘both a battle of arms and a battle of ideas’...*”. Tambah mereka lagi, bahawa kemenangan mutlak akan tercapai apabila “...*extremist ideologies are discredited...*” [dipetik dari buku **Building Moderate Muslim Networks**, ms 36]. *Extremist ideologies* yang dimaksudkan mereka ialah Agama Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, selain Wahhabisme, kerana di tempat lain di dalam buku tersebut menyebut supaya fahaman Islām disesuaikan atau dimesrakan atau dijinakkan menjadi kompatibel dengan fahaman Islām Amerika! [baca: Illuminisme]. Falsafah mereka amat mudah: “*if you’re not with us, you’re against us*”. Demikian kata George W. Bush. Lama sebelumnya, Lenin pernah berkata: “*He who is not for me is against me*”. Kafir sama sahaja agama mereka: *millah wāhidah*.

Fahaman beliau yang menafikan adanya pertembungan idea, budaya dan tamadun, sebenarnya natijah daripada persahabatan erat beliau dengan golongan Illuminati-Masons-Zionis-Kristian yang justeru dia menjadi jurucakap mereka. Dia benar-benar mahu membela puak Illuminati-Zionis-Kristian tersebut dan sekaligus mahu menutup perbuatan jahat kaum

Illuminati-Masons-Zionis-Kristian itu kepada Ummah Islām dan masyarakat dunia umumnya. Seperti seseorang yang larut di dalam maksiat, dia sudah tidak menganggap maksiat sebagai sesuatu yang terlarang di dalam Agama [baca: Islām].

Di dalam al-Qur'ān tersangat jelas bagaimana golongan Kuffar terutamanya daripada kalangan Illuminati-Zionis-Kristian menjalankan konspirasi, *siyāsah* dan *makar* untuk memesongkan pendirian bahkan mahu menghapuskan sikap dan pendirian Dīnu 'l-Islām yang melihat Yahudi dan Kuffar yang lain sebagai bertentangan dengan Dīnu 'l-Islām. Tujuan mereka itu ialah mahu memadamkan langsung Cahaya Islām daripada muka bumi ini. Allāh SwT sendiri memberitahu kita seperti firman-Nya; Sūrah al-Saff (61): 8 berbunyi: *yurīdūna liyutfiū nūra 'llāhi bi afwāhihim* terjemahannya: *mereka hendak memadamkan Cahaya Allāh* (*yakni Agama Islām*) *dengan mulut mereka.* Banyak lagi ayat-ayat yang semakna dengannya seperti ayat 118 Surah Āli 'Imrān: *wamā tukhfī šudūruhum akbar*, terjemahan: *apa yang ada* (*yakni permusuhan*) *di dalam hati mereka* (*yang Kafir*) *lebih besar lagi* (*daripada apa yang mereka cakap dan lakukan kepada kaum Muslimīn*).

Anwar mengingkari peringatan Allāh SwT di atas dengan mengatakan tidak ada permusuhan atau pertembungan atau *clash* antara Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah dengan Kuffar terutamanya Illuminati-Masons-Zionis-Kristian. Mana satu yang benar? Pasti Kalam Allāh yang benar dan perkataan Anwar adalah batil dan mungkar. Dia cuba menerapkan fahaman hermeneutik diabolik dan doktrin *tahrīf* bahkan fahaman dekonstruksionisme epistemologi dan wacana deontologi di dalam memahami al-Qur'ān. Ini merupakan suatu projek mega *Mason conspiracy* golongan Illuminati-Zionis-Kristian melalui NED; RAND Corporation dll yang Anwar sudi berada di dalam perangkap mereka.

Anwar naif memahami kegiatan penipuan dan *Masonic conspiracy* puak Illuminati-Zionis-Kristian dalam membina konsep-konsep dan istilah-istilah palsu di dalam tamadun dan falsafah Modernisme dan Pasca Modernisme dengan katanya tidak ada pertembungan tamadun. Atau pun apakah dia bersetuju dengan *makar* atau penipuan mereka itu? Dalam **The Protocols**, puak Illuminati-Masons-Zionis sendiri mengaku mereka mahu bahkan sudah pun berjaya memperbodoh orang Islām seperti yang disebut terdahulu, yang sudi menjadi *agentur* mereka daripada kalangan *goyim* dengan mengusung istilah-istilah palsu rekaan mereka itu. Istilah-istilah yang wujud daripada pemikiran dan falsafah Modernisme dan Pasca Modernisme misalnya, semuanya berlawanan dengan ontologi, epistemologi dan aksiologi Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti yang telah disebut terdahulu - antara lain slogan Hak Asasi Manusia, Kebebasan, *Civil Society*, Demokrasi, kesetaraan gender dsb. Inilah yang diusung oleh Anwar. Dan sekali lagi nampaknya dia menghayati fahaman dan falsafah Illuminisme akut.

Anwar mengusung masuk konsep Hak Asasi Manusia (HAM) versi kaum Illuminati dan Masonik ke dalam masyarakat Islām. Adalah amat jelas Islām menolak konsep Hak Asasi Manusia seperti yang dicirikan di dalam pemikiran Illuminismne-Pasca Modernisme itu kerana menyalahi daripada konsep hak dalam ajaran Islām. Daripada suatu perspektif, manusia tidak mempunyai apa-apa hak langsung baik asasi atau bukan asasi. Menurut ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, semua yang ada pada diri makhluk-Nya hanyalah kepunyaan Allāh SwT semata-mata. Dalam konteks ontologi dan epistemologi hak ini atau seperti yang diperjuangkan olehnya iaitu Hak Asasi Manusia, Anwar tidak memahami makna, konsep dan kedudukan *insān* di dalam perspektif ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah bahkan dia rela menghayati konsep Illuminisme kaum Masonik itu. Ini adalah jelas di dalam **The Protocols** mereka. Dalam ajaran Ahli Sunnah

wa al-Jamā‘ah, insān atau manusialah yang menjadi fokus. Bahkan dia dengan rela sudi memakan racun falsafah dan pemikiran Pasca Modernisme tajaan Illuminati-Masons itu, sehingga nikmat ‘aqal anugerah Allāh SwT tidak dimanfa‘atkan untuk bertafakkur *mengenali diri insān* yang haqiqi. Atas sebab itulah dia bermati-matian memperjuangkan hak kebebasan manusia – HAM – tanpa batas atau ḥudud Allāh; dan memperjuangkan fahaman Libertarianisme ala Barat supaya tertegak di Malaysia; menggerakkan *civil society* menggantikan masyarakat yang kuat beragama; membela kebebasan dhomir manusia untuk berbuat apa sahaja hatta dalam perkara yang bersifat thawābit juga.

Apa yang ada di dalam tubuh badan seseorang, bahkan seluruh diri mereka, adalah hak milik mutlaq Allāh SwT belaka. Mereka hanya *hamba* kepada Allāh yang terikat kepada Irādah atau Kehendak dan peraturan-peraturan Allāh al-Bārī semata-mata, bukan kepada kehendak-kehendak ‘aqal dan hawa nafsu diabolik seperti di dalam pemikiran dan falsafah Pasca Modernisme yang diusungnya itu. Demikian juga isu demokrasi yang ligat diperjuangkan oleh aktivis Masonik-Zionis-Kristian daripada kalangan *goyim* di dalam negara-negara Ummah Islām melalui Foundation For The Future, The National Endowment for Democracy atau NED, parti politik, pergerakan *civil society* dan sebagainya.

Slogan-slogan ini semua adalah suatu penipuan yang amat terang seperti yang diakui sendiri di dalam **The Protocols** kaum Masons-Illuminati itu. Kaum Illuminatus-Masonik muhu memperdaya orang Islām seperti yang dihayati dan diusung Anwar dengan slogan-slogan tersebut, padahal Amerika Syarikat dan negara-negara Barat pun tidak mengamalkan demokrasi, menyekat kebebasan mengamalkan kepercayaan agama, menyekat kebebasan media dsb. Perhatikan PBB, lima negara sahaja yang

menguasai seluruh dunia yang semuanya adalah Illuminatus termasuk China! Michael Scheuer, bekas ketua Unit Osama di CIA secara sinikal berkata: demokrasilah yang membunuh orang! Demokrasi jenis apa? Bahkan Chomsky berkata: “*US is not a democracy...*”. Anwar perlu memberi perspektif yang betul bahkan mengajar rakan Baratnya itu terutama kumpulan Bilderberg dan Amerika supaya mereka dahulu kembali mengamalkan demokrasi jika mereka yakin dengan sistem yang mereka ciptakan itu. Hakikatnya, mereka memperdayakan manusia dengan istilah demokrasi! Anwar *agenturnya*.

Demikian juga dengan slogan kebebasan media. Media Amerika tidak melaporkan langsung isu keganasan dan kekejaman Zionis Israel terhadap rakyat Gazzah tetapi yang dibesarkan ialah roket-roket Hamas yang sampai ke entiti haram Israel. Ini disebabkan mereka beramal dengan prinsip dan konsep ‘kebebasan media’ kaum Illuminati. Ya, Yahudi menguasai media mereka!

Satu nota penting untuk kaum Muslimin Malaysia dewasa ini: Kumpulan dakwah dan NGO Islām bahkan badan-badan dan institusi-institusi pemikir Islām Malaysia cukup naif kerana ghayrah mewacanakan Islām dan Demokrasi, pada hal Barat dan Bilderberger bukan mahu demokrasi tetapi mahukan dunia ini di bawah satu kekuasaan atau hegemoni mereka sahaja seperti yang telah disebut terdahulu. Terlalu naif!

Dia sewajarnya memperjuangkan bahawa Demokrasi bukan alternatif kepada kedamaian dan kemakmuran dunia tetapi melalui niżam Islāmi yang syumul! Dia tidak berbuat demikian kerana dia benar-benar terikat kepada fahaman Illuminisme. Malah dia sendiri pun tidak demokratik di dalam partinya sebab itu kelihatan protes-protes ahli parti beliau di merata ceruk menuntut keadilan atas nama demokrasi! Dia mengugut akan

memecat para demonstran. Maka timbulah di sini soalan: apakah definisi demokrasi bagi Anwar?

Anwar sekali lagi keliru yang amat fatal di dalam memahami isu *Clash of Civilizations* atau Pertembungan Tamadun. Beliau benar-benar menjadi jurucakap puak Illuminati-Masons-Zionis dan Barat. Dia amat lantang membela mereka dengan katanya tidak ada *Clash of Civilizations* atau Pertembungan Tamadun. Ini bertentangan dengan pendirian pemikir-pemikir dan pembuat dasar kerajaan Amerika Syarikat sendiri. Dia lebih sudu daripada bubur. Barat sendiri mengakui memang ada pertembungan tamadun terutama diantara Islām dengan Barat. Samuel Huntington, menulis buku khas bertajuk **The Clash of Civilizations** yang mengakui adanya perkara tersebut. Christopher Hitchens apabila ditanya mengenai pertembungan itu menjawab ringkas: “*Yes, sure*”. Malah Noam Chomsky beberapa waktu dahulu, dalam ceramah dua jamnya di Universiti Boston, menyelar keras dasar *pre-emptive war* Amerika dan *American Imperialism*. Bukankah ini adalah dasar dan polisi Amerika sejak Pasca Perang Saudara mereka iaitu dasar dan polisi mahu bergaduh dan bermusuhan dengan sesiapa sahaja di luar Negara Amerika? Ramai lagi intelektual Amerika sepandapat dengan mereka kecuali Pluralis Islām seperti Tariq Ramadhan, Anwar, grup Salihara dan beberapa yang lain. Anwar yang kononnya prihatin terhadap konflik-konflik dunia tidak pernah sedikit pun mengkritik polisi dan dasar luar serta perlakuan jahat regim Fasis-Zionis Amerika tersebut [tetapi kepada kawan-kawan Melayunya di Malaysia beliau mendakwa mengkritik dasar Amerika di depan mereka! Kurang dipercayai!] kerana beliau *blank* dan *blind* mengenai *principle critique* terhadap polisi permusuhan tersebut.

Dia tidak fasih membaca fenomena yang sedang berlaku di dunia Islām sekarang ini jika dia masih mahu memperjuangkan

tertegaknya Dīnul Islām seperti yang di bawa oleh Rasul s.‘a.w. Bukankah serangan dan gerakan pemusnahan tanpa tara ke atas negara-negara Ummah Islām oleh kaum Illuminatus-Masonik-Zionis-Amerika seperti pengeboman ke atas Sudan, Afghanistan, Iraq dan menjadi dalang kepada kemusnahan di negara-negara Afrika Utara dan kini Syria pula, bukan suatu pertembungan?; merampas Negara Palestin dan membina entiti haram Israel dan terus menerus menyokong kezaliman Israel bukan suatu pertembungan dan permusuhan?; aktiviti Foundation For The Future, CFR dan NED yang didalangi Illuminatus-Masons-Zionis-Amerika menjarah negara-negara ‘Arab hingga menjadikan mereka porak-peranda, bukan suatu pertembungan? Gerakan Evangelikal di dunia Islām yang diatur oleh Illuminati-Masons-Zionis-Kristian Barat, bukan satu pertembungan? Provokasi berterusan puak Kristian di Malaysia, Indonesia, Afghanistan dll negara Ummah Islām, bukan suatu pertembungan? Banyak contoh lagi.

Tanpa ada perasaan moral atau akhlāq Islāmi, Anwar tidak menempelak dengan keras puak Illuminati-Zionis-Kristian atas kebiadaban mereka terutamanya Amerika dan sekutunya yang memusnahkan Ummah Islām di serata dunia. Ia bahkan menyarankan supaya entiti haram Zionis Israel diberi perlindungan dan diperketatkan kawalan keselamatannya. Dia berkata seperti yang dilaporkan oleh Wall Street Journal: *I support all efforts to protect the security of the State of Israel* [rujuk Wall Street Journal (Asia Edition), Januari 26, 2012]. Beliau menafikan yang beliau berkata demikian kerana katanya sokongan beliau itu adalah bersyarat atau *contingent*. Perkataan *contingent* ini sebenarnya dirujuk kepada soalan moderator berkaitan dengan hubungan diplomatik Malaysia-Israel jika beliau berkuasa yang katanya dengan bersyarat iaitu jika Israel memberhentikan kekejaman mereka. Perkataan *contingent* ini tiada kena-mengena

dengan sikap dan saranan beliau supaya diperketatkan keselamatan Israel itu.

Bandingkan dengan pendirian ramai aktivis politik, ahli akademik dan intelektual Amerika sendiri yang mengkritik keras polisi luar negara Amerika yang menyebelahi Israel seperti Dr. David Duke, bekas Ahli Dewan Perwakilan Amerika dari tahun 1989-1993. Dr. Duke berkata: *Israel is the real terrorist*. Sementara Prof. Noam Chomsky seorang Yahudi Amerika pula berkata: *US, Israel's God Father*. Malah George Gollaway melabelkan Israel sebagai terroris dan gangster malah katanya: “*I don't recognize Israel!*”. Dan Prof. Norman Finkelstein yang juga Yahudi Amerika membela Martin Indyk Zionis tegar yang juga *inner circle* Rumah Putih disifatkannya perbuatan zalim regim haram Israel kepada rakyat Palestin sebagai ‘Gaza Holocaust’. Keluarga Finkelstein pernah menjadi mangsa Holocaust Nazi dahulu. Malah Prof. Allen dari Universiti Haifa dan Prof. Avi Shlaim dari Universiti Oxford juga mengkritik keras kezaliman regim Israel itu bahkan majoriti besar Rabbi Yahudi.

Akan tetapi Anwar dengan penuh hina diri membela Zionis Israel, berbeza dari intelektual Yahudi sendiri seperti yang dinyatakan itu. Mereka yakni intelektual Yahudi tersebut secara konsisten memberi ceramah dan berwacana di seluruh Amerika serta menulis mengenai kezaliman regim Zionis Israel itu. Anwar tidak pernah pun berbuat demikian. Inilah pendirian mungkar politik dan keagamaan Anwar berkaitan dengan isu Palestin! Inikah rupa orang yang akan membebaskan Palestin seperti khayalan pengikut buta beliau? Cendekiawan Yahudi yang disebut itu, walaupun mereka orang Yahudi tetapi tidak menghayati fahaman Illuminisme-Zionisme yang menyokong regim haram Israel. Peliknya ada orang yang mengaku Islām dan konon memperjuangkan Islām seperti Anwar itu tetapi menghayati fahaman dan falsafah Illuminisme-Zionisme dalam konteks

mempertahankan entiti haram Israel. Malah mahu regim haram itu diberi perlindungan dan penjagaan yang ketat! Baru-baru ini ada NGO Melayu membuat program berkaitan dengan kedudukan Bayt al-Maqdis yang Anwar salah seorang penceramahnya. Hipokrit!

Pendirianya itu yang katanya: *I support all efforts to protect the security of the State of Israel* adalah agenda Illuminati-Zionis. Ini amat bercanggah dengan pendirian dan ajaran ‘Aqīdah Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah yang antaranya boleh dilihat di dalam kitab **al-Farqu bayna al-Firaq**, sebuah kitab arus perdana ‘Aqīdah Islām. Dia benar-benar menjadi agen dan matarantai kaum Illuminati-Masons-Zionis apabila bercakap mempertahankan entiti haram Zionis Israel itu. Ironisnya, sekumpulan Rabbi ortodoks Yahudi Amerika pula yang berdemonstrasi mendesak supaya entiti haram Israel di pulangkan semula kepada orang Palestin seperti kedudukan asalnya sebelum tahun 1948. Ini adalah kerana, kata mereka, penjajahan dan penjarahan terhadap Negara dan bangsa Palestin itu bertentangan dengan ajaran Torah. Mereka berkata: *Torah forbids a Jewish state*. [lihat https://www.youtube.com/watch?v=iwXh04DY2kk&feature=youtube_gdata_player]. Adakah Anwar lebih Yahudi daripada alim atau Rabbi-Rabbi Yahudi?

Bukan sahaja pertembungan dan perperangan di dalam bentuk pemikiran dan falsafah atau *war of ideas* dan *war of ideologies* bahkan pertembungan isi, rupa, sistem serta struktur tamadun seluruhnya dengan memahami tamadun sebagai keseluruhan kegiatan dan cara hidup *material* dan *non material*. Sebagai contoh yang amat jelas, mereka yang berfahaman Illuminisme-Liberalisme itu mahu memaksakan budaya mungkar gay dan lesbian di negara-negara Islām termasuk Malaysia, sebab itu mereka terutamanya regim Illuminati-Zionis Amerika Syarikat melalui penjawat penting Rumah Putih secara konsisten memberi

tekanan keras dan mencampuri urusan perbicaraan kes liwat beliau di Mahkamah Malaysia.

Malah yang lebih dahsyat lagi ialah pertembungan ‘Aqīdah antara Īmān dengan Kufur yakni ‘aqīdah Illuminisme-Pasca Modernisme yang mahu dipaksakan kepada Ummah Islām Tradisionalis yakni Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Mereka berbelanja puluhan bilion dolar memerangi orang Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah di Afghanistan dan Iraq sahaja. Dan ratusan juta dolar lagi setahun dicurahkan untuk merosakkan fahaman Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah dikalangan kaum Muslimīn melalui pembiayaan kepada pusat pengajian dan institusi pemikir yang bekerja untuk mereka. Oleh sebab itu di dalam al-Qur'ān ada istilah *jihād* dan *qitāl* di dalam makna berjuang menentang imperialism dan hegemoni Illuminatus-Zionis serta Kuffār seluruhnya yang memusuhi Dīnu 'l-Islām dan menegakkan tamadun Islām Qur'anik yang syumul sebagai satu-satunya tamadun yang bersifat *rahmatan li 'l-‘ālamīn* di dalam konsep dan ontologinya yang sebenar. Inilah yang dicanggah oleh Anwar dan kumpulan Illuminati Bilderberger dan CFR Amerika Syarikat.

Orang-orang Barat yang rasional mengakui memang benar-benar wujud pertembungan diantara Agama Islām dengan agama yang bukan Islām yakni *clash of religions*. Kata Vernon Coleman: “...over recent decades America has started a major religious war...” [Confronting The Global Bully, no 197] walaupun Amerika menafikan itu bukan bermakna mereka memusuhi Islām tetapi hakikatnya seperti sambung Coleman: “...America as the one true terrorist nation”. Ramai lagi pemerhati dan penganalisis politik Barat berpendapat seperti itu.

Bagaimana boleh Anwar menyuruh orang Islām meninggalkan kesedaran mereka mengenai adanya ancaman peperangan dan pertembungan antara Īmān dan kufur antara Iblīs

dan Mu'minīn sedangkan Allāh SwT sendiri memberitahu Ummah Islām lewat al-Qur'ān, bahawa adanya pertembungan-pertembungan tersebut? Ini adalah idea dan pendirian kaum Illuminati dan Masons yang dianuti Anwar kerana seperti yang banyak kali disebut dalam buku ini mereka itu mahu semua orang di muka bumi ini menjadi hamba 'abdi mereka!

Al-Qur'ān mengingatkan Ummah Islām setiap zaman bahawa mereka tidak boleh lalai daripada *makar* golongan Kuffār terutamanya puak Illuminati-Masons-Zionis-Kristian dan *agentur* mereka daripada kalangan yang masih mengaku Muslim. Kaum Muslimīn disuruh oleh Allāh Jallā Jalāluh supaya: *wa a'iddu lahum mastaq'a 'tum min quwwah* [al-Anfāl: 60] bersiap siaga dengan segala kekuatan dan kemampuan untuk menyerbu musuh bila sampai masanya sehingga: *la takūna fitnatun wa yakūna 'd-dīnu li 'llāh* [al-Baqarah: 193], sehingga seluruh dunia ini milik Agama Allāh! Daripada suluhan al-Qur'ān, Anwar benar-benar mengabaikan bahkan menolak peringatan Allāh SwT ini atas fahaman tidak ada *clash of religions* dan menganut fahaman Illuminisme.

Jelas kelihatan, Anwar rela menjadi anak catur kaum Illuminati-Zionis [sila baca **Pawns in the Game**] atau di dalam bahasa Protokol disebut sebagai *agentur* [lihat **The Protocols of The Learned Elders of The Zion**]. Melalui Anwar, fahaman Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme, berjaya masuk dan menjinakkan beberapa NGO berjenama Islām seperti ABIM dan IKRAM dan sebahagian Ummah Islām Malaysia meninggalkan ajaran fundamental mereka yang berdasarkan al-Qur'ān yang justeru menafikan adanya konspirasi atau *Mason Conspiracy* kaum Illuminati-Zionis-Kristian itu. Anwar bersungguh-sungguh meminta dan menghasut Ummah Islām memadamkan kecurigaan mereka kepada aktiviti Evangelikal dan pemurtadan yang katanya itu bukan pertembungan!.

Dalam tulisannya itu, Anwar menafikan adanya *Masonic Conspiracy* tajaan Illuminatus-Zionis-Kristian untuk memurtadkan Ummah Islām, padahal setiap hari dengan mata kasar Ummah Islām yang terang ‘aqal, dapat melihat golongan Kuffār terutama Illuminati-Zionis-Kristian bekerja keras melalui segala macam mekanisme dan secara provokatif dan konsisten menyerang ajaran dan Ummah Islām. Tujuan mereka ialah untuk menghakis dan merosakkan ajaran dan fahaman Islām di kalangan Umatnya. Kaum Illuminati-Masons-Zionis-Kristian menggunakan pusat-pusat pengajian tinggi Islām, menubuhkan pelbagai organisasi dengan nama yang mengelirukan, mengajar dan menyebar konsep hermeneutik diabolik menggantikan ‘Ilmu Tafsīr Islām; melipat ganda wacana-wacana antarabangsa dan dialog atas nama peradaban serta dialog antara penganut-penganut agama dengan topik-topik kontroversial yang semuanya untuk memenuhi agenda mereka.

Mereka juga yakni puak Illuminati-Masonik-Zionis, merestui bahkan membiayai aktiviti-aktiviti institusi penyelidikan dan pemikiran di negara-negara Ummah Islām seperti Wahid Institute, Jaringan Islām Liberal dsb di Indonesia melalui The Asia Foundation dsb. [Nota kecil: JIL disebut oleh sesetengah pengkritik mereka sebagai Jaringan Iblis Laknatullah bukan jaringan Islām kerana ternyata bahawa mereka menolak ajaran Islām yang fundamental dan yang bersifat thawābit, justeru mereka sudah terkeluar daripada ajaran Agama Islām. Fatwa Majlis Ugama Islām Indonesia atau MUI boleh menjadi rujukan]. Bahkan IKD-MEGC di Malaysia juga mendapat dana besar kaum Illuminati-Zionis-Kristian ini sebagai usaha memberi provokasi kepada pemikiran dan ajaran arus perdana Islām yang tujuan akhirnya pemurtadan Ummah. Pemikiran dan aktiviti IKD-MEGC, JIL dan banyak lagi, memang benar-benar bertembung dengan aajaran, pemikiran dan falsafah Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Mengenai dialog antara penganut-penganut agama atau yang biasa disebut sebagai *Interfaiths Dialogue*, elok diberi satu nota penting di sini. Hakikat yang terlindung disebalik dialog-dialog tersebut ialah ia merupakan perangkap kaum Illuminati-Masons-Zionis untuk memurtadkan Ummah Islām. Hampir semua keputusan atau resolusi daripada dialog-dialog tersebut ternyata menjurus kepada memperakukan kebenaran dan keabsahan semua agama - yakni semua agama di dunia ini sama benar belaka. Cuba perhatikan apakah agenda-agenda di dalam dialog tersebut; siapa yang menentukan agendanya; siapa pula penganjurnya; dan siapakah pula yang dipilih mewakili Ummah Islām dan daripada aliran mana pula mereka itu: Ahli Sunnah wal Jamā‘ah atau individu yang berfahaman Illuminisme atau Syī‘ah atau Liberalis atau Pluralis atau kumpulan Islām retorik atau Islām abangan atau pro LGBT atau apa? Perkara ini perlu diberi perhatian teliti.

Sepanjang yang berlaku di dalam program-program seperti itu, ternyata yang dipilih oleh pengajur mewakili Ummah Islām ialah orang yang menghayati falsafah Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama seperti Siti Musdah Mulia yang mewajarkan liwat dan lesbian; Anwar Ibrahim, yang mengatakan penganut semua agama sama-sama akan masuk ke dalam Syurga alias sama-sama benar; Nurcholish Madjid yang mengatakan tuhan yang disembah oleh semua manusia adalah sama. Dan ramai lagi. Mereka sebenarnya bukan mewakili ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, malah mereka tidak pun berhak bercakap mewakili Agama Islām kerana mereka dengan terang-terangan menolak dasar Agama Islām yang amat fundamental dan menolak konsep al-Ijmā‘ yang merupakan sumber asas yang membentuk modus berfikir, budaya hidup serta hukum-hakam Islām. Sebenarnya mereka itu mewakili pemikiran Hayek atau Hick atau Kant atau Schuon atau Ananda Coomaraswamy atau Titus Burckhardt bahkan seluruh pemikiran dan falsafah Kuffār

terutamanya pemikiran dan falsafah Illuminisme-Pasca Modernisme jalur Liberalisme dan Pluralisme Agama.

Dengan keterlibatan beliau di dalam organisasi-organisasi yang dikuasai oleh kaum Illuminati-Masonik seperti yang disebut terdahulu, Anwar secara sukarela meminum racun fahaman Illuminisme kaum Illuminatus-Masonik-Zionis-Kristian. Dari pemikirannya, ucapan-ucapannya dan perwatakannya, dia benar-benar berbangga dengan hal tersebut. Nampaknya tiada penawar untuk mengubat penyakitnya itu melainkan hidayah Allāh al-Hādi.

Tolak Epistemologi Kebenaran Ḥadīth

Seorang Islām yang berĪmān kepada Rukun Īmān - dalam konteks ini berĪmān kepada Rasul - akan menjadikan Rasūlu 'llāh Muḥammad s.‘a.w sebagai *uswah* dan *qudwah ḥasanah* dalam semua perspektif dan taraf-taraf di dalam kehidupan berbudaya. Akan tetapi ada sebahagian dari kalangan orang yang mengaku Islām mengingkari perkara ini. Mereka bahkan menghujah Rasul yang mulia ini - *ṣollallāh ‘alayhi wa sallam*. Ini adalah ciri utama dan perangai yang biasa terdapat di kalangan kaum Illuminati, Liberalis dan Pluralis Agama.

Di dalam sebuah Ḥadīth yang panjang Nabiy s.‘a.w ada memberitahu terjadinya perpecahan di kalangan Ummah Baginda kepada tujuh puluh tiga golongan dan yang berjaya masuk ke dalam Syurga hanyalah satu firqah atau golongan sahaja iaitu golongan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti yang telah lalu disebut. Dan di dalam sebuah Ḥadīth yang lain, Baginda s‘aw bersabda (terjemahan): “*Qadariyyah adalah Majusi Ummah ini*” [HR Abū Dāwūd. Lihat juga Syahrastani, **al-Milal wa al-Nihal**]; dan di dalam **al-Milal wa al-Nihal** juga ada disebut al-

Musyabbihah adalah Yahudi Ummah ini dan al-Rawafid, nama lain kepada Syī‘ah, adalah Nasraninya.

Kumpulan yang disebut di atas adalah mewakili kumpulan sesat ‘Aqīdah dan Syarī‘ah yang berseberangan daripada golongan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah yang perlu ditentang, justeru Nabiy ﷺ bersabda (terjemahan): “*Tidak henti-henti (senantiasa ada) kelompok dalam Ummah saya yang membela Kebenaran sampai hari Qiyamat*” [HR Imām al-Tirmidzi, Aḥmad, Ibn Mājah] yang menunjukkan bahawa wujud kebatilan dan kemungkaran ‘Aqīdah dan Syarī‘ah di kalangan yang mengaku beragama Islām seperti puak yang dijangkiti fahaman Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama. Oleh yang demikian, akan ada pula golongan yang akan menentang mereka. Betapa seriusnya kejahatan dan kemungkaran mereka itu sehingga Sayyidina ‘Abdullāh bin ‘Umar dan Sayyidina Anas bin Mālik r̄ahum memfatwakan bahawa mereka itu: tidak boleh diberi salam kepada mereka itu; tidak boleh mensolatkan jenazah mereka dan tidak boleh menziarahi apabila mereka sakit. Walaupun Athār ini merujuk kepada kumpulan Qadariyyah yang mempertikaikan Qadar Allāh dan Iṣtiṭo‘ah [al-Farqu: m.s 15] tetapi secara qiyās boleh dirujuk kepada puak yang menghayati fahaman Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama yang mereka itu secara terang-terangan mengubah banyak ajaran yang sudah thawābit dan yang telah diIjmā‘kan.

Hadīth-Hadīth yang mulia tersebut menunjukkan betapa wujudnya pertembungan di dalam tubuh Ummah Muḥammadiyyah: antara firqah Kebenaran melawan firqah kebatilan tetapi Anwar melihat perkara ini sebagai tidak wajar yakni tidak wajar ada pertelingkahan dan pertembungan sesama Ummah Muḥammadiyyah. Dia berkata: “*We see a more dangerous and portentous clash as one that is intra-civilizational*

- between the old and the new,... the moderates and the fundamentalists and between modernists and the traditionalists”.

Kenyataan Anwar ini amat benar seperti yang telah disebut berdasarkan Ḥadīth terdahulu. Ya, memang ada pertembungan di dalam tamadun atau agama yang sama. Namun, Anwar menyifatkan pertembungan di dalam tamadun yang sama yakni di dalam Agama Islām adalah lebih berbahaya lagi daripada pertembungan beza tamadun yakni antara Islām dan bukan Islām. Kenapa pendiriannya sedemikian?

Kenyataannya itu terbit dari lubuk hatinya oleh kerana idea untuk menanam fahaman dan ajaran Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama seperti diusungnya itu, mendapat tentangan hebat daripada Ummah Islām yang Tradisional atau *Orthodox – orthodox* di dalam ontologi dan epistemologinya yang sebenar menurut wacana keilmuan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Oleh sebab itulah beliau gundah dan amat kesal dan menyatakan bahawa penentangan di kalangan Ummah Islām sendiri yang menolak idea dan fahaman Liberalisme dan Pluralisme yang akarnya ialah Illuminisme itulah sebenarnya yang menjadi isu pokok persoalan bukan sangat penentangan daripada luar lingkungan Islām seperti serangan kaum Zending dan Evangelis. Beliau gusar kerana hal ini akan menggagalkan rancangan kaum Illuminati-Zionis di dalam masyarakat Islām yang beliau sebagai sebahagian daripada matarantai dan pengusung tegarnya. Inilah yang disifatkannya sebagai lebih bahaya lagi.

Adapun pertembungan dalaman Islām kontemporari seperti diungkap Anwar itu terutamanya oleh golongan Tradisionalis Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah kepada selainnya, adalah kerana disebabkan oleh sikap Anwar sendiri yang menyebabkan hal itu berlaku. Ini adalah kerana akibat langsung

daripada perbuatan dia mengusung masuk fahaman Illuminisme dan Pasca Modernisme terutamanya aliran Liberalisme dan Pluralisme Agama ke dalam wilayah mereka yang sebelumnya ajaran Syī‘ah. Adalah menjadi hak dan tanggungjawab keagamaan kepada golongan Tradisionalis Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah menentang dan menyekat perbuatan batil dan mungkar yang dilakukannya itu.

Sebab lain terjadinya pertempuran dalaman Islām seperti diungkap Anwar itu adalah kerana kaum Illuminati-Zionis-Kristian mahu menjayakan agenda *Islām Americana* mereka. Ini jelas seperti pengakuan mereka di dalam buku **Civil Democratic Islam, Partners, Resources and Strategies (CDI)** dan **Building Moderate Muslim Networks (BMMN)** terbitan *RAND Corporation*. Di dalam buku **CDI**, Bab Tiga, bahagian, *A Proposed Strategy* [lihat juga bahagian *Strategy in Depth*], terdapat arahan antara lain berbunyi: 1. *Support the modernist first...;* 2. *Support the secularist;* 3. *Back the traditionalist enough to keep them viable against the fundamentalists...and to prevent a closer alliance between two groups...* Apa makna semuanya ini?

Amat jelas, merekalah yakni para konspirator kaum Illuminatus-Masonik-Zionis itu yang mewujudkan ketegangan dalam diri Ummah Islām. Tujuan besar mereka seperti yang mereka nyatakan itu ialah supaya kumpulan-kumpulan tersebut saling berlaga, bergaduh dan berperang justeru agenda *Novus Ordo Seclorum* akan tercapai. Di dalam konflik yang wujud ini, Anwar adalah sebahagian daripada rancangan dan konspirasi tersebut kerana dialah yang mengusung masuk fahaman batil dan mungkar itu yang disebut oleh al-Qur‘ān sebagai: *mina 'l-ladzīna farraqū dīnahum wa kānū syiyyā'an* [Surah al-An‘ām: 159; Surah al-Rūm: 32]. Selama ini masyarakat Islām Malaysia aman damai dan tenang bernaung di dalam redupan ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, tetapi dengan gagasan Liberalisme dan Pluralisme

Agam, konsep *civil society*, pemikiran Hegalian Dialectic dan Libertarian Sosialisme yang diusung masuk ke dalam masyarakat Islām oleh Anwar itu, menjadikan mereka berpecah dan saling berantakan. Jangan lupa, beliau jugalah orang yang memecahbelahkan masyarakat Islām awal 80an dahulu kerana membawa masuk fahaman sesat Syī‘ah ketika beliau memimpin ABIM, yang kini menjadi virus tegar menjarah tubuh Ummah.

Dan beliau jugalah yang bertanggungjawab mengkucarkacirkan parti PAS melalui agen-agen dalamannya seperti Mujahid Rawa, Khalid Samad, Zulkifli Ahmad, Kamarudin Jaafar, Syed Azman, Hanifah Mydin, Hatta Ramli dan beberapa yang lain. Ini adalah rencana para konspirator Illuminati untuk menjahanamkan kumpulan yang mahu memperjuangkan Islām seperti yang di sebut di dalam buku **Building Moderate Muslim Networks (BMMN)** itu.

Di atas segala-galanya itu iaitu percaduhan dan pertelingkahan sesama Ummah Islām di dalam isu-isu fundamental Agama, adalah semata-mata demi kepentingan agenda pemurtadan dan hegemoni kaum Illuminati-Masons-Zionis-Kristian terhadap Ummah Islām Malaysia. Anwar jangan menafikan, bahawa peranan IKD yang menjana kader-kader berfahaman Liberalisme-Pluralisme Agama dan Libertarian Sosialisme yang bertunjangkan fahaman Illuminisme menyebabkan Ummah Islām di Malaysia berkelahi yang mengakibatkan mereka berpecah-belah. Dalam istilah al-Qur'ān disebut sebagai *kānū syiya'an*. IKD mendapat dana besar dari Zionis-Kristian itu - antaranya sokongan kewangan Konrad Adenauer Stiftung, Frederick Neuman Foundation, The Sasakawa Foundation dll. Sasakawa pernah diharamkan oleh kerajaan India kerana kegiatan subversif mereka dan mengancam keselamatan India. Adalah menjadi Agenda Besar kaum Illuminatus-Masonik-Zionis-Kristian, mahu Ummah Islām Malaysia berkelahi justeru

lemah dan hancur dengan menanamkan fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama serta Libertarian Sosialisme melalui IKD.

Jika diteliti agenda yang termaktub di dalam buku **Building Moderate Muslim Networks** itu, para perancang pemusnahan Ummah daripada pemikir dan aktivis Illuminati-Masonik-Zionis-Kristian, telah berjaya di dalam misi mereka di Malaysia. Mereka telah dapat menembusi dan menguasai pemikiran dan membentuk sikap anarkisme, destruksionisme dan dekonstruksionisme agama [baca: Islām] beberapa NGO-NGO dakwah dan menguasai beberapa pemimpinnya. Pada tahun-tahun 70an dahulu ABIM, sebuah NGO dakwah Islām yang dipimpin oleh Anwar dan amat berpengaruh, telah mendedahkan *makar* kaum Illuminati-Masonik-Zionis dan dengan lantang dan gagah menentang konspirasi Illuminatus-Masonik itu. Akan tetapi, setelah kira-kira tiga puluh tahun kemudian, Anwar telah dipilih menjawat jawatan penting di dalam badan-badan Illuminati-Masonik yang dia tentang dahulu itu seperti yang telah lalu disebut.

Inilah yang dikatakan bahawa kaum Illuminati-Masonik-Zionis itu telah berjaya di dalam agenda mereka kerana dapat melahirkan individu dan kumpulan dakwah Islām yang berfahaman Illuminisme dengan jalur Liberalisme dan Pluralisme Agama serta Libertarian Sosialisme. Pada tahun-tahun 70an dahulu itu, tiada sesiapa pun yang tergamak mahu bekerjasama dengan badan-badan atau organisasi-organisasi yang berbau keyahudian bahkan mendengar perkataan Illuminati, Freemasons atau Yahudi pun sudah jijik. Akan tetapi sekarang segala-galanya sudah berubah. Anwar menjadi rakan pemikir Illuminatus-Masonik-Zionis yang penting sehingga di dalam buku yang disebut terdahulu Anwar Ibrahim diberi penghargaan khusus: “*We also thank former Malaysian Deputy Prime Minister Anwar Ibrahim, currently at Georgetown University*” [BMMN, bahagian

Acknowledgments, ms xxvi]. Bahkan dia dinobat sebagai juru bicara kaum Illuminati-Zionis itu.

Oleh kerana Anwar dimamah pemikiran Illuminisme justeru dia terlalu keliru di dalam memahami wacana pemikiran Islām Klasik dan falsafah kontemporari Pasca Modernisme. Pemikiran Klasik Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, adalah pemikiran yang mewakili wacana keilmuan yang sah dan benar, sementara pemikiran dan falsafah kontemporari Pasca Modernisme, terutama falsafah Liberalisme dan Pluralisme Agama yang bertunjangkan fahaman Illuminisme itu, adalah wacana pemikiran kebatilan, bid‘ah ḍolālah dan mungkar besar yang sarat dengan pemikiran spekulatif diabolik. Secara tobi‘i, pasti ia akan terjadi pertembungan bahkan mungkin pertumpahan darah seperti di dalam wacana keilmuan hukum Islām, orang yang murtad akan dihukum bunuh atau seperti di dalam kes Khalīfah ‘Umar al-Khaṭṭāb r‘a, memukul sehingga memancut darah kepala seorang yang berfahaman I‘tizal atau Mu‘tazilah. Sebelumnya Khalīfah Abū Bakar r‘a memerangi kumpulan murtad yang menerima sebahagian hukum Islām dan mengingkari sebahagian yang lain; bahkan Khalīfah ‘Ali kw pula memerangi golongan Khawārij secara bersenjata dan berlaku pertumpahan darah. Ini bukan sekadar perperangan idea atau *war of ideologies*, tetapi ia menjangkau kepada mempertahankan Dasar-dasar Agama: antara ‘Aqīdah yang sohih dengan ‘Aqīdah yang batil dan mungkar seperti yang dianuti kaum Illuminatus, Liberalis dan Pluralis Agama itu.

Pertembungan berterusan dalam Islām seperti disebut Anwar memang benar berlaku dan akan tetap terus berlaku. Pertembungan yang bersifat berterusan seperti yang disabda oleh Nabiy s.‘a.w: “*la tazālu tōifatun min Ummatī zōhirīna ‘ala ’l-haq ilā yawmi ’l-qiyāmah...*” iaitu: “*akan tetap ada di kalangan Ummah saya yang akan memperjuangkan kebenaran, hingga*

Hari Qiyamat", yang *mafhum mukhālafahnya* ialah tetap akan ada golongan yang berjuang untuk menegakkan kebatilan dan kemungkaran Agama dan ‘Aqīdah seperti fahaman dan falsafah kaum Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama itu. Justeru, akan tetap ada golongan yang akan menentang mereka sehingga hilang segala macam fitnah yang dibawa oleh mereka itu yang menimpa Agama ini. Firman Allāh SwT di dalam Surah al-Anfāl (8): 39: *wa qātilūhum hattā lā takūna fitnatun wa yakūna 'd-dīnu kulluhū li 'llāh*, yang memberi isyarat bahawa pertentangan dan perperangan akan tetap ada di antara kaum Muslimīn dengan puak Illuminati-Masons-Zionis, *Dajjālūn kadzdzābūn* dan Kuffār yang lain. Kaum Muslimīn juga akan menentang para pengusung ideologi serta ajaran-ajaran dan fahaman mungkar tersebut yang dibawa masuk ke dalam masyarakat Islām sehingga mereka yang Kāfirūn dan ideologi serta ajaran-ajaran sesat dan mungkar itu menerima dan tunduk kepada hukum Ilāhi yang berteraskan kepada al-Qur'ān, al-Sunnah serta al-Ijmā‘ atau pun mereka berhenti daripada membuat *makar* dan provokasi terhadap ajaran dan Ummah Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Anwar berkata, keganasan dan pertumpahan darah akan terus menerus berlaku seperti katanya: "... *Within Islam, Sunni, Shiite and Sufi denominations ... continue to present the world with scenario of violence and bloodshed*". Ya, memang benar pertembungan bahkan pertumpahan darah akan berlaku berterusan di antara haq dengan batil sehingga yang batil dapat dikalahkan seperti yang telah disebut. Ia keliru kerana pertembungan tersebut adalah dalam upaya golongan Ahli Kebenaran dari kelompok Ahli Sunnah mahu membersihkan Agama Allāh ini daripada noda-noda Syirik dan maksiat yang dilakukan oleh anasir-anasir anarkisme dan falsafah dekonstruksionisme Agama itu persis tindakan Sayyidina Abū Bakar dan ‘Umar r‘aa itu. Tindakan ini dibuat dalam kerangka amar ma‘rūf dan nahī munkar seperti yang diajar

oleh Nabi s.a.w. Hal ini bersifat ‘alami. Jika tidak mahu perkara ini berlaku, maka golongan anarkis dan dekonstruksionis itu jangan melakukan kerosakan dalam Agama ini kerana seorang Islām yang baik akan tetap memelihara kemurnian Agamanya dengan apa cara sekali pun.

Puak Syī‘ah wajib berhenti mencerca para Ṣahābat dan Ummahātul Mu’mīnīn; puak Illuminatus-Liberalis-Pluralis mesti berhenti menghasut Ummah Islām atas nama Agama Islām; kumpulan Ṣūfi sesat dan zindiq mesti kembali kepada wacana arus perdana Ṣūfi Islām dst. Menurut hipotesis Anwar, pertembungan tersebut akan tamat, jika pengaruh-pengaruh Islām berada di dalam satu agama baru yang bernama agama Pluralisme seperti anutan beliau yang batil dan mungkar itu. Pandangan mungkar dia ini adalah sebagai jalan keluar seperti di dalam *grand design* agenda puak Illuminisme-Zionis.

Anwar kurang cermat malah tidak memahami secara benar doktrin-doktrin dan konsep-konsep setiap kumpulan-kumpulan yang dia sebut itu. Jika sekiranya beliau benar-benar memahami dasar dan konsep Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah di dalam semua dimensi dan memahami pula doktrin dan konsep setiap kumpulan yang dia sebut itu, pasti dia akan faham kenapa terjadinya perkelahian dan pertumpahan darah itu. Apakah setiap orang yang berImān dengan al-Qur‘ān sanggup membiarkan puak Syī‘ah mengkafirkan semua Ṣahābat termasuk Ummu ’l-Mu’mīnīn ‘Āisyah? Khumayni yang mengkafirkan Sayyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb r‘a? Ini adalah perkara yang amat fundamental di dalam ajaran Islām yang wajib diketahui oleh semua orang termasuk yang bukan Islām juga. Elok Anwar meneliti buku-buku antara lain seperti **al-Farqu bayna ’l-Firaq**, **al-Milal wa al-Nihāl**, **Maqālāt al-Asy‘ari**, **Tabṣīr fi’d-dīn**, **Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithna ‘Asyāriyah** oleh ‘Abdul ‘Aziz Dihlawi, **‘Aqidah Ahli**

Sunnah oleh ‘Uthmān el-Muhammadī, ‘Aqāid oleh Sa‘īd Hawwa dll bagi mencerahkan ‘aqal di dalam memahami firqa-firqa yang disebutnya itu. Dia juga perlu meneliti buku-buku Syī‘ah seperti **Hukumah Islāmiyyah** untuk melihat khurafat Khumayni yang luar biasa dan kesyirikan mereka yang nyata.

Demikian juga, dia tidak dapat membezakan mana ahli Ṣūfī yang benar dan mana pula yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Sufisme atau Taṣawwūf Ahli Sunnah yang haq. Banyak Pseudo Ṣūfī Zindīq yang menyeleweng berkeliaran di negara ini, yang sesetengahnya sering diziarahi beliau. Elok beliau meneliti buku-buku seperti **al-Risālah al-Qusyairiyyah** atau kitab **Bimbingan Mukminin** ringkasan Iḥyā’ atau **al-Luma‘** oleh al-Sarraj atau **Maṇāzil** karya Sa‘īd Hawwa dll. Teliti dan hadamkan sekali.

Adalah menjadi kewajipan pihak berkuasa agama bahkan setiap orang Islām yang berīmān, memelihara kemurnian dan kesucian Agama Islām - *hifżu 'd-dīn*. Maka ajaran Syī‘ah seperti pendirian Khumayni yang mengkafir Sayyidina ‘Umar r‘a itu, wajib diberi hukuman setimpal. Demikian juga kumpulan Ṣūfī palsu yang disebut oleh kaum Ṣūfī sendiri sebagai golongan Zindīq, mereka wajib dibunuh, jika tidak kembali kepada ajaran Islām Sunni sebenar seperti yang diajar di dalam doktrin Ṣūfī Sunni yang haqiqi. Mereka inilah yang membuat nama baik dan mulia kaum Ṣūfī tercemar kerana mengamalkan kemungkaran, kesesatan dan kezindiqan.

Ṣūfī sebenar adalah mereka yang cinta kepada al-Qur‘ān dan beramal dengannya; cinta kepada Rasul dan meniru setiap segi kehidupan Baginda; cinta kepada Kebenaran walaupun menghadapi risiko dibunuh; cinta kepada ‘ilmu; cinta kepada ‘amal ḥalī sehingga seluruh hidup diwaqaf untuk beramal; cinta kepada keamanan, kasih sayang dan persaudaraan. Semuanya itu

merupakan bahagian penting di dalam skema ajaran kaum Ṣūfī atau Taṣawwūf Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Mereka adalah benar di dalam ‘Aqīdah, Syari‘ah dan Kerūḥāniyyah dengan semangat mahu menegakkan amar ma‘rūf dan nahī mungkar pada semua paras dan dimensi serta kosmologi kehidupan dan budaya dan patuh ta‘at dengan ikhlas kepada segala suruhan Allāh dan Nabiy-Nya s.a.w bukan Ṣūfī gadungan seperti golongan Perennialis atau Sufi of the West atau Sufi Hindu sebagaimana yang dirujuk dan dipuji oleh beliau itu, bahkan puak Kabbalah daripada kalangan Yahudi juga.

Ummah Islām yang tinggi kesedaran mereka dan pandai pula membaca perjalanan dan kegiatan *makar* musuh Allāh dan Rasul-Nya, akan bersetuju bahawa keganasan yang berlarutan di dunia Islām, adalah agenda tajaan dan *makar* golongan Illuminati-Masonik-Zionis-Kristian serta perangai jahat kerajaan Illuminati Amerika Syarikat. Perkara ini jelas termaktub di dalam buku **The Protocols; Building Moderate Muslim Networks** dan dokumen-dokumen sulit mereka yang lain seperti dokumen The Bilderberg Group yang dengan *rahmat Allāh* terlepas ke tangan Ummah Islām. Untuk maklumat, paling kurang 14 orang daripada deretan presiden-presiden Amerika Syarikat adalah anggota Illuminati-Freemasons termasuk presiden pertama, George Washington, Clinton, Bush dan Barrack Obama.

Di Malaysia, dapat disaksikan, bahawa keganasan di dalam siri-siri demonstrasi **Bersih** dan gerakan **Occupy Movement**, adalah salah satu daripada agenda dan manifestasi fahaman Illuminisme kaum Illuminati-Zionis. Juga disebabkan oleh perangai jahat dan peranan Amerika seperti yang disebut Coleman itu yang suka untuk mewujudkan huru-hara di dalam sesebuah negara. Akibatnya akan runtuhlah kekuasaan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah dan dengan demikian akan wujud kekuasaan dan hegemoni serta imperialisme bentuk baru melalui

tangan-tangan hitam Illuminatus-Zionis-Kristian itu yang kaum Liberalis-Pluralis Melayu Malaysia menjadi protégénya.

Semakin ramai pemikir politik dan aktivis Sosial antarabangsa, termasuk yang beragama Yahudi sendiri, berpendapat bahawa sesungguhnya, konflik-konflik di seluruh dunia ini adalah akibat daripada dasar hegemoni dan polisi permusuhan Amerika Syarikat yang didalangi puak Illuminati-Zionis itu. Untuk mewujudkan perdamaian di seluruh dunia, Anwar perlu menasihati dan menyuruh rakan karibnya itu - jika dia sependapat dengan Kaum Muslimīn Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah - mengubah polisi jahat mereka supaya menjadi mesra kerukunan dan kedamaian serta jangan campur tangan di dalam urusan Ummah Islām. Mereka wajib berhenti daripada menjadi agitator, Mafia, gangstar dan pemeras ugut masyarakat antarabangsa. Yang paling penting bermula daripada dirinya sendiri dahulu yakni berhenti dari membuat onar jalanan!

Anwar terlupa mencatatkan satu jenis pertembungan lagi yang paling bahaya yang ada di dalam tubuh Ummah Islām. Pertembungan ini ialah pertembungan antara kaum Muslimīn Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah dengan golongan Munāfiqūn yang kelihatan zahirnya beragama dan membela Islām. Mereka ini berpura-pura dan mempamerkan imej seorang Islām yang baik padahal mereka adalah musuh di dalam selimut amat bahaya seperti yang diperingatkan oleh Nabiy s.‘a.w kepada Ummahnya bahawa golongan itu adalah semacam dengan kita, bercakap di dalam bahasa kita, berada di lingkungan kita tetapi mereka bukan kita!

Kebebasan Bersuara alias Kebebasan Diabolik

Seperti yang telah disebut, berdasarkan kepada **The Protocols** bahawa puak Illuminati-Masons akan menggunakan retorik-retorik dan slogan-slogan menarik yang bertujuan memikat orang ramai. Antara yang menarik di abad ini ialah isu kebebasan. Anwar berkata “...*As for Muslims, there continues to be the problem of those who reject the value of free speech...*”. Beliau menuduh bahawa tidak ada kebebasan bersuara di dalam masyarakat Islām bahkan mereka menolak kebebasan itu. Katanya di hadapan audiens bukan Islām di LSE, London.

Kenyataannya itu memberi gambaran jelas, dia benar-benar tidak memahami bahkan tidak mempunyai kriteria dan kualiti kefasihan berkaitan dengan konsep, erti dan epistemologi serta aksiologi kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara di dalam fahaman ‘ilmu dan wacana pemikiran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti yang jelas di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah dan perjalanan Salaf al-Šalih.

Bagi beliau, kebebasan bersuara itu ialah seseorang itu bebas menyuarakan apa yang dia fikir dan apa yang ada di dalam benak hatinya. Katanya, manusia perlu diberi kebebasan bercakap dan bersuara tanpa rasa takut menzahirkan apa sahaja yang terpendam di dalam lubuk hati masing-masing. Mereka juga wajar diberi kebebasan menyuarakan fahaman keAgamaan mereka dengan pendapat sendiri walaupun menyentuh asas dan dasar agama Islām di dalam perkara-perkara thawābit dan juga yang sudah diljmā‘kan seperti yang telah dipaparkan sebelum ini. Melihat cara berfikir dan sikap beliau seperti ini, beliau benar-benar menghayati agenda Illuminisme kaum Yahudi untuk menjahanamkan ajaran dan Ummat Islām. Falsafah Liberalisme tajaan kaum Illuminati itu menyatakan bahawa ‘aqal serta jiwa seseorang perlu memiliki sifat bebas iaitu *freedom of conscience*

atau bebas daripada ikatan autoriti agama seperti yang disebut di dalam Protocol XII dan XV antara lainnya.

Oleh kerana dia terkongkong oleh slogan kebebasan kaum Illuminati yang memperdayakan itu, Anwar gagal memahami sejarah perkembangan pemikiran dan tamadun Islām. Sejarah tamadun Islām membuktikan, Ummah Islām sepanjang zaman, benar-benar menggunakan kebebasan bersuara dan ‘aqal mereka dengan berfikir seperti yang dianjurkan dalam bingkai al-Qur’ān dan al-Sunnah. Kegiatan berfikir ini merangkumi semua isu-isu berkaitan dengan amar ma‘rūf dan nahī mungkar dalam semua kegiatan budaya, terutamanya di bidang keilmuan dan intelektual, pentadbiran dan ketenteraan serta falsafah dan pemikiran, manusia, ‘alam dsb. Bahkan di bidang sains dan teknologi yang sehingga kini amat dikagumi oleh orang bukan Islām juga. Contoh klasik kebebasan bersuara ini ialah mereka bebas membetulkan kesilapan bukan sahaja kesilapan masyarakat ramai tetapi hatta kepada penguasa pun tetapi dengan teguran bersopan dan beradab serta ‘ilmu yang tinggi. Perlu diingat bahawa kebebasan bersuara tersebut adalah atas dasar kebenaran bukan atas dasar kepalsuan diabolisme dan hawa nafsu. Al-Qur’ān menyatakan: *watawa ṣawbi 'l-haqqi wa watawa ṣawbi 'l-marḥamah.*

Sīrah juga merekodkan bahawa Nabiyy ſ.‘a.w sentiasa bermusyawwarah dan meminta pendapat para Ṣahābat-Ṣahābatnya di dalam banyak kes seperti menerima pandangan Ṣahābatnya yang berbeza daripada pandangan awal Baginda ſ.‘a.w seperti di dalam kes strategi peperangan dan menerima Syarī‘at azan dsb.

Di zaman Khulafā’ Rāshidah pula - dalam konteks kebebasan bersuara ini - ada Majlis Syūrā yang fungsinya memutuskan semua urusan yang berkaitan dengan al-dīn dan juga dawlah dengan berIjtihād dan bermusyawwarah, justeru, sudah pasti, menggunakan ‘aqal dan fikiran tetapi dipandu oleh al-Qurān

dan al-Sunnah. Sementara pemerintah pula telah menerima pandangan menyatukan al-Qur'an di dalam satu himpunan Muṣṭafā. Pemerintah juga menerima saranan orang ramai supaya menulis semula serta membuat kodifikasi al-Ḥadīth yang selama ini dicatat pada pelbagai jenis bahan. Bahkan menulis kitab berkaitan 'ilmu *al-i'raf* dan membubuh tanda baca serta baris al-Qur'an kerana untuk membendung manusia daripada salah membaca justeru akan salah pulalah di dalam memahami al-Qur'an dan banyak lagi. Pernah satu masa, rakyat menegur Khalīfah 'Umar al-Khaṭṭāb r'a dan Baginda menerima teguran tersebut dengan lapang dada.

Apakah contoh-contoh tersebut bermaksud tidak ada kebebasan bersuara dan memberi pendapat di dalam masyarakat Islām? Dan tidak ada kebebasan untuk menerima pendapat jika pendapat yang hendak diterima itu bertepatan dengan ajaran Islām? Sudah pasti pendapat puak Illuminisme, Liberalisme dan Pluralisme yang bercanggah dengan ajaran Islām seperti yang dibawa oleh Anwar itu, wajib ditolak mentah-mentah, justeru dicap sebagai tidak ada kebebasan di dalam Islām. Ataupun cadangan mahu menghalalkan yang haram seperti minum arak atau liwat atau berbohong atau mempertikaikan seholihan al-Qur'an dan jika ditolak dicop sebagai tidak ada kebebasan?

Sudah tentu kebebasan bersuara dan memberi pendapat di dalam ajaran Islām, mestilah di dalam lingkungan *hudūdu 'llāh* dan tidak terkeluar daripadanya. Suatu peristiwa yang cukup klasik ialah Khalīfah 'Umar r'a memukul hingga berdarah seorang berfikiran Mu'tazilah yang bertanya mengenai kemakhlukan al-Qur'an. Apakah Anwar akan berkata Khalīfah 'Umar r'a menyekat kebebasan bersuara dan kebebasan memberi pendapat oleh rakyat? Kalau mengikut fahaman Anwar dan kaum Illuminatus-Liberalis, Khalīfah 'Umar r'a perlu membiarkan faham Mu'tazilah dan faham-faham batil dan mungkar yang lain lagi itu

berkembang seperti fahaman Neo-Mu‘tazilah dan Liberalisme-Pluralisme Agama yang dibawanya itu. Ini adalah, kerana jika disekat bermakna tidak ada kebebasan berfikir, tidak ada kebebasan bersuara dan berkarya.

Jelas, fahaman agama Anwar di dalam isu kebebasan bersuara, persis faham kebebasan Mu‘tazilah bahkan fahaman Iblīs yang mahu bebas menggunakan pendirian sendiri dan suara hati dan tidak mahu terikat kepada perintah Allāh SwT seperti di dalam kes Iblīs yang tidak mahu ‘sujud’ kepada Nabiy Ādam ‘a.s. Iblīs bertindak mengikut suara hatinya yang berkata ia lebih mulia dan tinggi daripada Nabi Ādam ‘a.s kerana menggunakan ‘aqal diaboliknya: api lebih mulia daripada tanah. Justeru, pegangan beliau daripada perspektif wacana ‘ilmu dan ajaran ‘Aqīdah Ahli Sunnah Wa al-Jamā‘ah, adalah fahaman Neo Mu‘tazilah dan pengikut diabolisme pemikiran mungkar yang sangat parah.

Kebebasan bersuara dan memberi pendapat sudah pun berada di dalam Islām sejak dari mula kedatangan Agama Islām lagi malah ia diiktiraf oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah. Orang yang ber‘aqal dungu sahaja yang tidak dapat melihat dan memahami perkara ini. Sebab itu di dalam Islām, terdapat konsep Ijtihād. Untuk berIjtihād, seseorang perlu menggunakan kemahiran ‘aqal dengan segala fakulti-fakultinya untuk memahami teks al-Qur'ān dan al-Sunnah serta aqwal Ṣahābah dan pelbagai subjek lain. Allāh SwT mengiktiraf penggunaan ‘aqal oleh para Mujtahidīn dan hasil Ijtihād mereka mendapat ganjaran pahala, walaupun silap! Dimanakah ada sekatan kebebasan bersuara dan memberi pendapat bahkan di dalam pemahaman berkaitan dengan hukum-hakam? Mereka itu semua yakni *ahli 'dz-dzikri* yang *rāsikhīn* itu telah menggunakan *kebebasan ‘aqal* dengan *berfikir* tetapi tetap di dalam lingkungan Syari‘at atau *hudūdu 'llāh*. Jika dicermati di dalam al-Qur'ān, Allāh SwT menyuruh menggunakan ‘aqal, berfikir, bermusyawwarah dan mengadakan Syūrā di dalam segala

lapangan hidup. Orang yang menekuni al-Qur'ān dan al-Sunnah serta perjalanan hidup para Salaf al-Šalih sahaja yang akan mengerti dan memahami konsep dan epistemologi kebebasan bersuara ini – termasuklah kebebasan berkarya.

Bolehkah, atas nama kebebasan bersuara dan memberi pendapat, seseorang Islām menyokong pesta LGBT dan arak dan tidak membantahnya? Atau bersuara atau berucap membenarkan fenomena pemurtadan? Atau atas nama kebebasan bersuara juga, seseorang boleh berkarya menghina Allāh dan Rasul-Nya? Atau bersuara dan berjuang membenarkan penari-penari wanita menari tanpa seurat benang di badan beraksi di khalayak lelaki atas nama kebebasan berkarya dan seni? Inilah yang disebut oleh al-Qur'ān, mereka itu diperhiaskan oleh Syaitan akan kejelekan dan kehodohan aktiviti hidup mereka tetapi mereka melihatnya sebagai kebaikan. Allāh berfirman: *zuyyinali 'ṣ-syaiṭōnu a'mālihim* ertinya diperhiaskan oleh Syaitan akan aktiviti mereka yang mungkar dan jahat itu nampak sebagai elok dan baik. Kebebasan jenis inilah yang disekat dan dilarang oleh Agama Islām tetapi amat dikehendaki, dialu-alukan dan dibenarkan oleh falsafah Illuminisme dan Liberalisme yang diusung Anwar itu.

Orang yang membaca sejarah dan tamadun Islām secara sepintas lalu pun akan terkesan bahawa, sejak awal Islām lagi, Ummah tidak pernah menghadapi isu berkaitan kebebasan bersuara dan berkarya. Mereka telah menikmati hidup di dalam semua sendi-sendian kehidupan, di bawah lindungan konsep kebebasan Islāmi! Isu kebebasan bersuara secara mutlak tanpa kawalan Syarī'at ini hidup di kalangan masyarakat Islām dewasa ini oleh kerana sesetengah daripada mereka telah putus hubungan dengan konsep dan sistem serta modus berfikir di dalam Islām sementelah pula mereka terkena penyakit hina diri kepada tamadun Barat yang dikuasai kaum Illuminati-Masonik yang

bankrup ‘aqliyah dan psikologi rūhāniyyah itu justeru menghayati falsafah Illuminisme akut.

Anwar mengandaikan, idea songsang, batil dan mungkar Agama yang dibawanya tersekat oleh kerana tidak ada kebebasan bersuara di dalam masyarakat justeru mereka masih rasa takut-takut dan tidak berani secara bebas menzahirkan sokongan kepada ideanya itu. Seperti Kant, beliau mahu membuka jalan kepada keberanian menyatakan pendirian walaupun bertentangan dengan norma masyarakat dan doktrin Agama. Sebab itu dia mengkritik autoriti keagamaan seperti Kant mengkritik autoriti agamanya. Perkara ini beliau praktikkan apabila beliau memberi pendapat dan bersuara lantang membenarkan orang bukan Islām menggunakan Kalimah Allāh; membandingkan Jesus dengan Nabiy Allah ‘Isā ‘a.s dalam suatu majlis ceramah politik pada Pilihan Raya Kecil Kajang baru-baru ini; mengeluarkan kenyataan mengkritik program untuk menyekat aktiviti maksiat LGBT di Johor; menyatakan kekecewaannya apabila buku berkaitan dengan fahaman mungkar dan syirik Pluralisme Agama terbitan IKD diharamkan bahkan bersuara untuk mewajarkan adanya mekanisme pemurtadan; dan membenarkan nyalaan lilin di depan penjara tempat beliau ditahan. Penyalaan lilin amat bertentangan dengan ‘Aqidah Islām kerana ia adalah sebahagian daripada kepercayaan agama Kristian untuk mendapat keampunan dan rahmat daripada tuhan mereka. Dan banyak lagi.

Dia benar-benar mengikut hawa nafsu diaboliknya dan terpengaruh dengan fahaman Illuminisme dengan mencabar ontologi dan epistemologi Kebebasan Islām. Hakikatnya, kebebasan bersuara yang diperjuangkannya itu ialah semata-mata untuk menyerang ajaran dan meruntuhkan sistem hukum-hakam Islām yang fundamental dan binaan yang telah distruktur dan yang telah diinstitusikan. Sikap agnostiknya itu adalah berdasarkan falsafah *sapere audē* dan Dekonstruksionisme dalam bingkai

gagasan reformasi Islāmnya persis yang terkandung di dalam doktrin Illuminisme **The Protocols** itu. Ia bukan sangat kebebasan bersuara untuk mengkritik lawan politik beliau.

Fenomena penyerapan fahaman dan falsafah kebebasan dalam semua aspek dan paras hidup disebut sekarang sebagai fahaman Libertarianisme. Ia menjadi ciri penting di dalam fahaman dan falsafah Illuminisme. Penyerapan fahaman ini ke dalam pemikiran dan dimanifestasikan di dalam tindakan, adalah gagasan yang dipelopori oleh kaum Masonik-Illuminati sejak lama dahulu. Fenomena ini boleh dihalang daripada masuk ke dalam pemikiran Anwar jika sekiranya beliau mengikut petunjuk al-Qur'ān bilamana al-Qur'ān menyuruh berinteraksi dan mengikat diri dengan golongan Ṣolihīn seperti firman Allāh SwT: *wa al-hiqni bi 's-ṣolihīn* dan tidak mengambil Yahudi sebagai *biṭōnah* dan *andād* tanpa menafikan yang dia ada hubungan dengan seorang ‘alim kontroversial daripada Mesir yang menetap di sebuah Negara Teluk.

Dalam konteks kebebasan bersuara yang diperjuangkan itu, satu nota penting kepadanya ialah beliau perlu menyemak [semula, jika beliau telah pun menela‘ahnya] kitab **al-Muwāfaqāt** karangan Imam al-Syāṭibī rh, terutamanya bahagian *Haq Allāh Ta‘ālā wa Haq al-‘Abd*, kerana beliau kliem dirinya sebagai peminat al-Syāṭibī rh.

Reformed Islām

Anwar berkata: “...ideological rigidly remains the stumbling block to progress and reform. Muslims must break free from the old practices of cliché-mongering and name calling... A rediscovery of the religion’s inherent (termasuk Islām - P) grasp of pluralism is very much in need”.

Subhāna 'llāh. Rangkaian kata-katanya ini, mengandungi banyak isu penting yang fundamental sifatnya. Pertama, dia menuduh masyarakat Islām mempunyai sikap dan berfikiran beku atau bersifat *staticism*. Kedua, dia berhasrat muhū memajukan masyarakat Islām tetapi cita-citanya itu terhalang oleh sikap dan fikiran beku atau jumud tadi. Ketiga, katanya, untuk maju, masyarakat Islām perlu membebaskan pemikiran dan jiwa serta diri daripada terikat dengan amalan-amalan keagamaan yang bersifat orthodoks yakni asal dan murni. Keempat, beliau melarang dibuat klasifikasi dan menamakan setiap kumpulan dengan nama-nama tertentu seperti Ahli Sunnah, Mu'tazilah, Khawārij, Syī'ah, Liberalis, Sekularis, kumpulan gay, lesbian, anarkis dsb. Kelima, beliau percaya bahawa fahaman dan ajaran Pluralisme Agama sudah pun ada di dalam Islām sejak lama dahulu kerana ia bersifat inheren atau sambung menyambung kekal kukuh dan tidak terpisah daripada ajaran Agama Samāwi terdahulu. Keenam, beliau menyeru supaya fahaman Pluralisme Agama dihidupkan semula di kalangan masyarakat pelbagai agama termasuk Islām yang justeru Ummah Islām barulah dapat maju atas falsafah *liberal dynamism* tajaan kaum Illuminati-Masonik itu.

Seperti rakan Illuminati-Sekularis-Liberalis-Pluralis beliau, beliau berandaian, sekarang ini, Ummah Islām bahkan Agama Islām *tidak maju* dan *tidak progresif* seperti agama di luar Islām. Maka beliau berhasrat muhū memajukan Agama Islām dan penganut-penganutnya sekali, namun malangnya, ia terhalang oleh kebekuan dan kejumudan di dalam pemikiran dan sikap Ummah. Idea progres yang dilontarkan oleh beliau itu adalah dalam konteks beliau membincangkan gagasan Pluralisme Agama. Beliau menyifatkan kebekuan dan kejumudan pemikiran serta sikap masyarakat Islām demikian rupa adalah kerana mereka berpegang teguh kepada ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah dan tidak muhū menerima idea-idea baru berupa falsafah dan

pemikiran Illuminisme-Pasca Modernisme terutamanya jalur Liberalisme dan Pluralisme Agama. Baginya, inilah faktor penghalang utama kepada gerakan mensekular dan *meliberal* serta mempluralkan Agama mereka itu dan membentuk sebuah masyarakat Islām yang benar-benar berkonsep dan berteraskan fahaman Sekularisme yang *civil society* menjadi nukleusnya. Pendirian seperti ini di dalam istilah golongan Sekularis, Liberalis dan Pluralis disebut sebagai pembaharuan, reaktualisasi atau reorientasi pemikiran di dalam memahami ajaran Islām dan kehidupan keagamaan mereka.

Beliau tidak memberi huraian panjang mengenai makna dan ciri serta inti yang spesifik kepada *idea of progress* atau idea progres atau kemajuan lontarannya itu. Ia cuma menyebut secara rambang dan umum sahaja. Namun demikian jika diteliti dan dicermati keseluruhan pemikirannya yang diluahkan di dalam tulisan dan ucapan-ucapannya, dapatlah difahami maksud dan hasrat sebenar beliau. Perkataan *progress* yang disebutkannya itu, mesti dibaca bersekali dengan perkataan *reform* kerana ayat lengkapnya berbunyi ...*progress and reform* dalam konteks dia bercakap mengenai Pluralisme Agama.

Lontaran *idea of progress* atau idea kemajuan yang dikehendakinya itu persis atau saling tak tumpah seperti yang dikehendaki oleh kaum Illuminati-Masonik dalam **The Protocols** serta pemikir-pemikir *civil society* dan *secular* seperti Locke, Hick, Kant dll yang secara radikal dan bersifat dekonstruktif mahu membuat perubahan struktural di dalam agama. Di dalam konteks Agama Islām, pengusung *idea of progress* seperti Anwar itu, mahu Ummah Islām meniru Reformis Yahudi, Hindu dan Kristian yang mereformedkan agama mereka menjadi *modern* dan penganutnya menghayati falsafah dan berfahaman Illuminisme, Modernisme dan Sekularisme. Menurut falsafah ini, semua dasar-dasar agama termasuk perkara-perkara yang bersifat thawābit dan

yang sudah diljmā‘kan perlu diubah bahkan seluruh rupa bentuk dan corak agama yang sudah *structured* itu ditukar menjadi entiti baru dalam wajah agama Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama yang bertunjangkan kapada fahaman Illuminisme itu.

Perlu difahami benar-benar, ajaran Islām tidak menolak *progress* dalam erti perubahan dan kemajuan yang bersifat material - itu pun perlu dikawal oleh nilai-nilai rūhāniyyah yang tinggi - kerana sejak zaman dahulu lagi sudah terdapat perkara ini. Misalnya Khalīfah ‘Umar al-Khaṭṭāb r‘a telah membuat kemajuan dan pembaharuan di dalam sistem pentadbiran, sistem pertanahan, pengairan dan pertanian. Di zaman Khalīfah ‘Uthmān r‘a pula wujud kemajuan di dalam bidang ketenteraan laut kemudian dimajukan lagi di zaman kerajaan ‘Abbāsiyyah sehingga dapat menubuhkan armada laut yang kuat dan kemajuan persenjataan yang terbaik di zamannya. Demikian juga kemajuan di dalam bidang sains dan *al-kīmyā’*; kemajuan penyelidikan dan penemuan perubatan dan tertegaknya hospital-hospital serta penciptaan peralatan klinikal yang canggih; kemajuan seni bina yang amat indah di Baghdad, Agra, Andalusia yang menyalahi seni bina Roman; kemajuan di dalam ‘ilmu falaq dan bintang dan macam-macam lagi. Ini semua diterima oleh ajaran Islām sebagai kemajuan di dalam bentuk *material civilization*.

Tetapi, idea *progress* atau kemajuan yang diidamkan dan diusung oleh Anwar itu, adalah suatu dogma yang dipengaruhi dan diselaputi oleh pemikiran diabolik Illuminisme-Zionisme melalui konspirasi Masonik yang memperdaya manusia. Mereka memperdayakan golongan *goyim* dengan gagasan-gagasan dan hipotesis-hipotesis palsu seperti idea *progress* atau kemajuan; idea dan slogan peningkatan kualiti dan maruah manusia atas nama Hak Asasi Manusia (HAM); melaungkan kesejahteraan sejagat atas nama *world religion*; subjek psikologi rūhāniy atas nama ESQ; sosiologi atas nama kemajuan agama bahkan ‘ilmu akhlāq

dengan gagasan *new morality* dan banyak lagi retorik-retorik palsu [lihat **The Protocols**].

Hakikatnya, mereka mahu menafsirkan semula segala-galanya didalam rangka konsep dan falsafah *deontology* terutamanya konsep hidup beragama, makna ‘aqal dengan gagasan *Pure Reason* dsb. Mengikut mereka lagi, manusia yang beragama sekarang ini, hidup di dalam ‘alam primitif dan bahkan di dalam agama primitif seperti pegangan Anwar yang Ummah Islām adalah jumud, maka perlu ada evolusi dan *motion* kepada keadaan yang lebih *maju* dengan falsafah *civil society*, Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama, keterbukaan atas prinsip *fath al-zarā'i* serta *Libertarian Socialism* untuk menghadapi peradaban yang lebih kompleks seperti sekarang ini.

Oleh itu, sesiapa yang menentang idea progres ini, bermakna menentang kemajuan, anti keamanan dan anti kemanusiaan. Justeru, jatidiri manusia di dalam pemikiran dan falsafah Illuminisme-Pasca Modernisme ialah menyingkirkan fahaman eksklusiviti agama - termasuk Islām – di dalam *mind* atau radar pemikiran serta psikologi mereka. Dan agama itu pula, mestilah mengalami perubahan struktural yang radikal yang disifatkan mereka sebagai progresif itu. Jika tidak, ia akan menjadi fosil dan barang kuno serta lapuk terperuk di dalam muzium dan arkib serta tidak relevan lagi dengan masyarakat yang sedang berubah dengan cepat dan semakin maju ini. Justeru, untuk mempertahankan relevansi Agama Islām ini, mereka mengusung falsafah *philosophy of change* daripada fesyen dan warna pakaian, bentuk badan dan hidung hinggalah kepada budaya dan pandangan hidup atau *weltanschauung* bahkan nilai-nilai agama dan kehidupan beragama juga.

Dari pada perspektif Islām, falsafah ini, yakni *philosophy of change*, akan menjadikan manusia mengalami *degeneratian*

atau *dehumanization of man* atau kemerosotan kualiti dan nilai hidup insan daripada *aḥsani taqwīm* di dalam istilah al-Qur'ān atau *al-insān al-kāmil* atau *insān sempurna* di dalam istilah 'Abdul Karīm al-Jīlī, jatuh tertiarap kepada tahap *asfala sāfilīn*. Sebab itu di dalam kamus Pasca Modernisme tidak terdapat konsep manusia sebagai *al-insān al-kāmil* seperti yang diajar oleh 'Ulamā' dan Ḥukamā' Islām, justeru yang ada cuma istilah *haiwan politik* dan *haiwan ekonomi* dan oleh itu kata mereka, manusia tidak akan dapat menemukan hakikat dirinya yang sebenar.

Di dalam falsafah dan ajaran Islām, setelah manusia mengalami *hubūt* atau *dehumanization*, mereka perlu *bangkit* semula yang justeru sangat-sangat memerlukan kepada usaha *iḥyā'*, *iṣlāh* dan *tajdīd* di dalam seluruh spektrum dan kosmologi kehidupan menurut acuan dan wacana Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Perkara ini dapat dimanfaatkan dalam wacana al-Ghazzāliy, Sa'īd Ḥawwa, al-Nadvi, Abū Ḥasan al-Asy'ari, Dāwūd al-Faṭōniy dan di Malaysia sekarang seperti 'Uthmān el-Muḥammady dan ramai lagi.

Anwar menyebut, Ummah Islām terhalang daripada maju oleh kerana kebekuan fikiran mereka yang justeru perlu ada *reform*. Jika dikaji keseluruhan tulisan-ucapannya secara cermat, ternyata yang dimaksudkan *reform* olehnya itu adalah di dalam dua dimensi. Pertama daripada dimensi sosio-politik. Daripada dimensi sosio-politik, dia mahu pemikiran politik masyarakat Malaysia berubah supaya menyokong gerakan politik sekular liberalnya dan dia mahu masyarakat hidup di dalam konsep sosial baru yang bernama *civil society*. Atau lebih spesifik lagi dia membawa pemikiran *Libertarian Socialism* dalam gagasan sosio-politiknya bukan demokrasi seperti sangkaan ramai orang. Dimensi kedua ialah dia mahu masyarakat Islām mengubah sikap mereka yang dikatanya sebagai *beku* di dalam beragama supaya

menyokong gagasan Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama yang sedang beliau usung itu. Inilah agenda kaum Illuminati-Masonik-Zionis yang di usung Anwar yang hendak dipaksakan kepada golongan *goyim* terutamanya kaum Muslimīn supaya mereka menghayati fahaman dan falsafah Illuminisme secara *kaffah*.

Walaupun Anwar tidak menjelaskan erti, prinsip dan konsep *reform* lontarannya itu sebagai *islāh* atau *tajdīd* atau *ihyā*’ di dalam ucapan di LSE itu, tetapi di dalam wacana-wacana yang beraroma Islām di Malaysia, dia mengsinonimkan perkataan *reform* dengan perkataan *islāh* atau *tajdīd*. Dari segi ontologi dan epistemologi Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, *islāh* atau *tajdīd*, terdapat perbezaan besar bahkan tiada persamaan langsung dengan istilah atau konsep *reform* atau reformasi tajaan Anwar bahkan Muḥammad ‘Abduh dan Jamāluddīn al-Afghānī [‘Abduh dan al-Afghānī adalah ahli Freemasons. Lihat Hempher: **The British Spy**].

Reformasi mempunyai makna yang *sial*, negatif, anarkis dan destruktif. Jika ia dikaitkan dengan agama, ia sinonim dengan gerakan reformasi agama yang berlaku di kalangan penganut-penganut Kristian atau Yahudi atau Hindu yang menolak ajaran agama yang orthodoks menjadi *reformed Christian* atau *reformed Jews* atau *reformed Hindu* dsb. Gagasan *reform* yang diusung Anwar ini persis gagasan *Haskalah* Moses Mendelssohn; Enlightenment Kant; Sekularisme Kamal Attaturk; La Révolution Française atau French Enlightenment; Protestanisme Martin Luther; Florence Renaissance dan lain-lain lagi. Ia berkait rapat dengan konsep hermeneutik diabolik di dalam agama Kristian yang sedang diaplikasikan secara agresif di dalam subjek studi al-Qur'ān di kalangan Muslimīn Liberalis dan Pluralis. Jika diteliti dan dicermati ia adalah benar-benar agenda kaum Illuminati-Masonik. Maka di dalam Islām, tidak ada istilah dan konsep

reform atau *reformis* agama, yang ada hanyalah ajaran dan konsep *iṣlāḥ* atau *tajdīd* atau *iḥyā'* dalam ontologi dan epistemologi Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah selaras dengan bingkai konsep *al-ghurabā'* dengan meminjam istilah al-Hadīth Nabawiyah.

Apa pun, baik reformasi di dalam sistem dan falsafah politik atau ajaran agama, dia tetap bertali rapat dengan fahaman *Anarchism* atau Anarkisme dalam falsafah Illuminisme seperti yang terdahulu disebut. Di dalam politik, falsafah Anarkismenya ternyata apabila dia membawa ribuan orang turun ke jalan-jalan dalam protes-protes jalanan seperti saranan dan gagasan Hegel dan Gene Sharp. Adakah ini sebagai alternatif kepada penyelesaian konflik-konflik sosio-ekonomi-politik yang meruncing di seluruh dunia sekarang ini seperti yang disebutnya itu? Dan adakah bertepatan pula dengan suruhan ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah atas prinsip Maqāṣid Syarī'ah yang dia sering kliem dikutipnya daripada Imam al-Syaṭibī? Semuanya ini bertentangan dengan laungan demokrasi yang dijeritnya itu, malah paling parah ia bertentangan dengan Maqāṣid Syarā'. Yang sebenar ialah maqāṣid hawa nafsu diaboliknya.

Pemikiran Anarkisme dalam gerakan sosio-politiknya persis pemikiran dan falsafah Hegelian Dialectic yang di dalamnya sengaja diwujudkan problem atau masalah, kemudian melihat *reaction* atau respons dan akhirnya ditawarkan *solution* atau penyelesaian. Adakah ini satu kebetulan atau adakah memang beliau menghayati falsafah Hegel? Kita dapat perhatikan bagaimana dia mewujudkan masalah dengan membuat manipulasi dan mereka-reka pelbagai isu palsu yang kemudian menyebabkan timbulnya kemarahan orang ramai dengan pelbagai cara yang ada ketikanya di luar peraturan dan undang-undang. Dalam keadaan kacau bilau tersebut, dia telah membuat synthesis dengan menawarkan Konsensus Nasional kepada pemerintah. Adakah ini merupakan suatu kebetulan dengan pemikiran Dialectic Hegel

atau dia memang menghayati semangat dan falsafah Illuminisme dan Hegelianisme secara sempurna? Petunjuk dari aktiviti dan permainan beliau, penulis berkeyakinan dia memang benar-benar menghayati falsafah sosio-politik dialektikal Hegel.

Satu bentuk fahaman Anarkisme lagi ialah fahaman Anarkisme di dalam Agama. Ini yang paling bahaya sekali. Anarkisme Agama bermakna dia membawa idea dan fahaman menentang *structured institutions* dan autoriti *Ijmā‘*. Dalam ‘Aqīdah misalnya, dia berusaha merosakkan struktur dan sistem ‘aqīdah Asyā‘irah dan Māturīdiyyah yang berteraskan kepada konsep yang dibina oleh Mujtahid Sayyidina Abū Hasan Asya‘ari, ‘Abdul Qāhir al-Baghdādiy, Imām al-Juwainiy, al-Ghazzāliy dll yang sudah pun dikodifikasi dan dikristalisasi secara tersusun dan utuh di dalam suatu binaan yang murni dan harmoni sejak lebih seribu tahun dahulu dengan memasukkan virus ‘aqīdah Pasca Modernisme, Dekonstruksionisme dan Rekonstruksionisme malah Illuminisme. Demikian juga di dalam ‘ibādah. Ummah sedang menghayati ketenangan di dalam beramal, tiba-tiba dikatakan itu semua sekadar *mere practice* sahaja. Demikian juga dalam akhlāq. Manusia Muslim sedang berlumba-lumba mahu menjayakan akhlāq al-karīmah tetapi dia memberi legitimasi akhlāq *sensate* dan deontologi etika melalui praktis terbukanya persis saranan di dalam **The Protocols** kaum Illuminati itu. Ringkasnya, Ummah yang sedang bergelut mempertahankan keutuhan jatidiri sebagai Muslim di dalam semua dimensi dan kosmologi hidup supaya bertepatan dengan ajaran Agama mereka, tiba-tiba dia membawa ajaran yang mewajarkan penggunaan ‘aqal *sapere aude* dan merungkai sistem hidup daripada ikatan keagamaan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Inilah perosak atau anarkis Agama namanya.

Hakikatnya, dia mahu dan sedang berusaha meruntuhkan binaan yang sudah distrukturkan dan diinstitusikan itu seperti

yang dia sebut sebagai *reform* sejajar dengan ajaran dan falsafah Illuminisme seperti terdahulu di sebut. Dalam al-Qur'an, peribadi seperti ini disebut sebagai golongan *yufsidūna fi 'l-ardi wa lā yuṣlihūn* [al-Naml: 38; al-Syu'arā': 152].

Seperti yang tersebut terdahulu, oleh kerana perjalanan masa dan pengaruh persekitaran malah serangan konspirasi kaum Illuminatus-Masonik-Zionis-Kristian, justeru masyarakat Islām telah mengalami gejala *degeneration*. Maka di dalam keadaan demikian - dengan rahmat Allāh - tetap ada golongan manusia yang senantiasa teguh di dalam Kebenaran dan memperjuangkan Kebenaran itu seperti yang disebut oleh Nabiyy ſ.'a.w. Golongan ini berjuang dengan gigih demi memelihara kesucian, ketinggian dan kesempurnaan Agama mereka terpelihara, *hifzu 'd-dīn* yang puncaknya ialah memelihara 'Aqīdah seperti yang terdapat di dalam ajaran 'Aqīdah Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Mereka menyeru Ummah supaya kembali berada seperti keadaan asal kedatangannya, *gharīb* dan keluar daripada kegelapan fasad dan mungkar fahaman Illuminisme-Pasca Modernisme terutamanya jalur Liberalisme dan Pluralisme Agama. Usaha ini dilaksanakan melalui kaedah memperbaiki kualiti Īmān dan Islām serta Ihsān dengan cara iṣlāḥ, *iḥyā'* dan tajdīd di dalam bingkai ḥudūd Allāh. Ia tidak merubah rupa bentuk struktural dan dasar Agama seperti yang dibuat oleh puak Illuminati dan aktivis Pasca Modernisme terutamanya daripada aliran Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama seperti yang diusung oleh Anwar itu.

Menurut beliau lagi, sikap beku yang tidak mahu membebaskan diri daripada klisé - maksud beliau bertaqlid kepada 'Ulamā' yang rāsikh - adalah faktor penghalang terbesar di dalam usaha merealisasikan gagasan Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama beliau itu. Daripada kenyataan ini, jelas, bahawa beliau kurang kefahaman mengenai konsep, ontologi dan epistemologi *iḥyā'*, iṣlāḥ dan tajdīd di dalam skema ajaran Islām

sebagai Agama yang menekankan kepada muhāsabah, pembetulan, saling menasihati, pemberian dan pemulihan kefahaman dan taṣawwūr serta membetulkan kesilapan di dalam penafsiran yang terseleweng atau yang diselewangkan.

Pokoknya, *iḥyā*, *islāḥ* atau *tajdīd* ialah usaha untuk meningkatkan kualiti *insān* itu sendiri - baik secara vertikal maupun secara horizontal - di dalam semua dimensi dan kosmologi hidup. Ia bukan bersifat mengubah dan meruntuhkan sistem dan struktur Agama seperti di dalam wacana kaum Illuminatus-Liberalis-Pluralis itu yang pada hakikatnya bersifat *dehumanization* pada semua paras dalam diri insan dan masyarakat.

Sepanjang sejarah manusia di dunia ini, Allāh SwT senantiasa sahaja menghantar dan mewujudkan peribadi-peribadi ‘alim yang rāsikh lagi soleh daripada yang paling tinggi iaitu Rasul, Nabiy dan ‘Ulamā’ serta Ḥukamā’ hingga kepada mušlih biasa, pemulih dan pendidik masyarakat dan pendakwah serta *lebai-lebai kampung*. Mereka itu semua membawa ajaran-ajaran al-Qur’ān bersama-sama dengan cara atau mekanisme atau *kayfiyat* untuk memulih ehwal diri dan masyarakat mereka bukan di dalam bentuk dan rupa Enlightenment Kant atau Renaissance Eropah yang bertunjangkan kepada fahaman Illuminisme seperti yang diusung dan dihayati Anwar itu.

Mengenai konsep dan epistemologi *islāḥ* di dalam Ummah, cuba perhatikan baik-baik kata-kata hikmat Imām Mālik bin Anas r‘a. Katanya (terjemahan): *Pasti tidak akan terjadi islāḥ pada akhir-kemudian Umat ini, melainkan dengan (cara) yang telah teriṣlāḥ (dilakukan) oleh Umat awalnya* [al-Qaḍī ‘Iyād, dipetik oleh Dr. ‘Adnan Muhammad Umamah, **al-Tajdīd fī al-Fikri al-Islāmī**. Rajab 1424]. Apa yang dimaksudkan oleh Imām Mālik r‘a itu ialah untuk mengiṣlāḥkan atau membaiki kualiti

keagamaan pada diri Ummah dan kehidupan keduniaan dan juga kualiti Akhirat Ummah terkemudian atau dewasa ini, mestilah melalui cara atau kaedah yang pernah dan telah dilakukan oleh pendahulu kita yakni melalui qawā'id Salaf al-Šāliḥ. Inti dasar iṣlāḥ ialah 'Aqīdah sohiah bersama-sama dengan 'amalan yang sohih juga dan hidup di dalam lingkungan budaya *ma'rūfāt* dan *hasanāt*. Tidak seperti konsep reformasi Anwar yang menggunakan paduan dan modul reformasi anarkisme Illuminati-Masonik, Hegel dan Gene Sharp, Libertarian Sosialisme, *civil society* dan Islām Liberal. Konsep iṣlāḥ Islām yang sebenar ialah seperti yang dikatakan oleh Imām Mālik r'a itu dan seperti yang telah pun dilakukan oleh para Ṣahābat dan Salaf al-Šāliḥ yang lain dan juga seperti yang telah diIjmā'kan dan diwacanakan oleh golongan Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Usaha iṣlāḥ ini semestinya bertepatan dengan Ḥadīth yang terdahulu iaitu di dalam lingkungan dan bingkai serta dasar: *ma ana 'alayhi 'l-yawm wa ashābī*.

Anwar menggesa kaum Muslimīn supaya tidak melabelkan sesuatu ajaran dan sesuatu kumpulan dengan nama-nama tertentu, seperti misalnya golongan Qadyani, Subut, Kerajaan Langit, ajaran Tajalli Mat Laksemana, Mat Matahari, Syī'ah, Murjī'ah, Khawārij, Liberalis, Pluralis, Kumpulan Gay, Kumpulan Lesbian dsb. Di dalam al-Qur'ān, Allāh SwT sendiri melabel dan membahagikan manusia kepada Mu'minīn; Kāfirīn; Munāfiqīn; Musyrikīn; Yahudi; Nasrani; Ṣabi'in; Mujrimīn; zālimīn; fāsiqīn; ahli Neraka; ahli Syurga dan banyak lagi. Nabiy ṣaw sendiri pun melabelkan atau menamakan kumpulan-kumpulan manusia sebagai Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, Qadariyah, Majūsi dsb. Di dalam literatur mengenai kumpulan-kumpulan agama dan firqah-firqah agama, 'Ulamā' 'Aqīdah Islām secara terperinci menghuraikannya dengan halus membahagikan manusia kepada 'Aqīdah yang benar dan kumpulan 'aqīdah yang sesat [lihat **al-Farqu bayna al-Firaq; al-Milal wa al-Nihāl; al-**

Tabṣīr fi al-Dīn dan banyak lagi]. Di dalam kumpulan Taṣawwūf pun demikian, ‘Ulamā’ membahagikan kumpulan Ṣūfī yang benar dan Ṣūfī palsu seperti yang banyak berkeliaran di pasaran sekarang ini [lihat **al-Luma‘**, **Iḥyā**, **Talbīs Iblīs**, **Risālah Qusyairiy** dll]. Demikian juga di dalam Fiqh, ‘Ulamā’ mengelompokkan kumpulan itu sebagai Mazhab Syāfi‘i atau Mālikī atau Aḥmad atau Abū Ḥanīfah atau Dāwūd atau Sufyān atau Awzā‘ī dsb dan dikategorikan pula kumpulan ‘Ulamā’ sebagai ‘Ulamā’ al-Ākhirat dan ‘Ulamā’ *as-sū*. Semuanya itu adalah sebagai pengenalan dan identiti supaya masyarakat dapat mengenali mereka secara benar.

Berdasarkan pendiriannya yang melarang manusia dinamakan dan dibahagi-bahagikan kepada kelompok-kelompok tertentu jelas sangat beliau adalah penganut Pluralisme Agama. Maka logik daripada pendiriannya itu, adakah dia juga tidak membenarkan bahkan menolak adanya istilah-istilah seperti orang berĪmān dan golongan Kufur; Ahli Tawḥīd dan penganut Syirik; Islām dan Kāfir; ḥasanah dan saiyyi‘ah; ma‘rūf dan mungkar; Syurga dan Neraka dsb sebagaimana yang terdapat di dalam epistemologi al-Qur‘ān, al-Sunnah dan al-Ijmā‘? Pandangan ini adalah pegangan prinsipal kaum Liberalis dan Pluralis Agama sejati. Mereka yang Liberalis dan Pluralis itu, amat *taboo* dengan istilah-istilah al-Qur‘ān dan al-Ḥadīth serta al-Ijmā‘, kerana seperti kata beliau, perkara inilah yang menghalang kelajuan proses Liberalisme dan Pluralisme Agama yang menjadi agenda utama puak Illuminati-Masonik itu di dalam masyarakat Islām. Dalam konteks ini, Anwar adalah penganut fahaman Egalitarianisme sejati kerana baginya semua manusia sama sahaja taraf sosial dan agama mereka. Dengan memakai logiknya ini, seorang pembantu pejabat di Mahkamah Rendah sama status dengan Hakim Mahkamah Tinggi.

Di dalam literatur Islām sejak zaman Klasik lagi, ‘Ulamā’ dan cendiakawan Muslim telah mengklasifikasikan aliran pemikiran kepada pelbagai jenis seperti Mutakallimīn, Taṣawwūf dsb dan masing-masing ada lagi cabang-cabang dan pecahannya.

Di dalam kelompok Mutakallimīn pun diklasifikasikan lagi kepada Mutakallimīn Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Mutakallimīn Mu‘tazilah atau Syī‘ah dll; dalam golongan Fuqahā’ pun, mereka juga dibahagikan lagi aliran Ahli Ḥadīth ataupun ahli Ra‘yi [perlu difahami bahawa istilah Ahli Ra‘yi di dalam konsep dan epistemologi Fuqahā’ Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah bukanlah orang liberal seperti yang diklaim oleh kaum Liberalis sekarang ini]; golongan Ṣūfī pun demikian juga, ada yang zindiq, berfahaman kebatinan dan ada yang benar dan haq. Di dalam pemikiran falsafah modern pun demikian, ada nama-nama yang pelbagai diberi kepada kumpulan manusia modern dan Pasca Modern sebagai Modernis, Sekularis, Liberalis-Pluralis, Strukturalis dsb. Dan di dalam politik pun ada pembahagian ideologi seperti Sosialis, Komunis, Liberal Demokrat dsb.

Pengkelasan seperti ini amat wajar seperti saranan al-Ghazzāliy r̥h bahawa untuk mengenali seseorang, perlu melihat tulisan mereka, ucapan mereka, cara dan budaya serta falsafah hidup mereka. Maka daripada situ boleh dicamkan, bahawa al-Ghazzāliy, al-Dihlawi, Dāwūd al-Faṭōniy, ‘Uthmān el-Muḥammady, al-Bantani dll adalah Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah; sementara Khumayni dan Ḥasan Nasrullāh, adalah penganut Syī‘ah; Harun Nasution adalah pemikir Neo Mu‘tazilah; sementara Dawam, Nurcholish Madjid dan Anwar Ibrahim adalah Sekularis-Liberalis-Pluralis Agama dan seterusnya. Dengan menyangkal penglabelan, nampaknya bagi beliau, seseorang yang mengaku beragama Islām sudah memadai, justeru mereka sudah benar-benar beragama Islām, tanpa melihat dan mengambil kira konsep dan struktur serta sistem ‘Aqīdah dan Syarī‘at serta

Akhlāq yang diīmāni mereka. Dengan kenyataan ini juga, beliau bermaksud kliem sesuatu agama atas nama agama berkenaan, perlu ditinggalkan dan hendaklah bergerak kepada satu entiti agama sahaja yang beliau sedang ligat usung dan memberi promosi itu. Maka dengan pendiriannya semacam ini justeru perkataan Kāfir, Musyrikūn, Munāfiqūn, Fāsiqūn, pencuri, pembohong, pendusta dsb sudah tidak relevan lagi dan perlu dihapuskan.

Seperti yang disebut terdahulu, Anwar berkata, sikap beku dan jumud di dalam pemikiran masih berupa penghalang kepada kemajuan dan reformasi dalam beragama. Apa yang jelas daripada al-Qur'ān, penghalang sebenar kepada kemajuan dan peningkatan di dalam ‘amalan berAgama dan usaha iślāh ialah kerana manusia membuang tinggalan Nabiy ſ.‘a.w iaitu al-Qur'ān dan Sunnahnya serta ‘Ulamā’ pewarit Baginda – sama ada secara total atau pun sebahagian.

Kami percaya Anwar berīmān kepada al-Qur'ān. Tetapi kami juga percaya bahawa kepercayaan beliau kepada al-Qur'ān itu adalah di dalam bentuk kepercayaan kaum Liberalis dan Pluralis Agama bukan seperti īmānnya golongan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Hal ini telah dibuktikan melalui contoh-contoh yang disebut terdahulu dan juga penolakan parti beliau, PKR, terhadap perlaksanaan hukum Hudūd. Hakikatnya mereka memberi interpretasi diabolik kepada al-Qur'ān melalui pendekatan hermeneutik Illuminati.

Selain dari itu, penghalang kepada kemajuan itu adalah *as-syirku bi 'llāh* di dalam semua dimensi dan paras kehidupan, baik yang bersifat ‘Aqīdah *per sé* atau bersifat pemikiran dan falsafah. Falsafah Liberalisme dan Pluralisme Agama yang ditunjangi fahaman Illuminisme itu adalah suatu bentuk syirik, justeru ia adalah zalim yang paling besar. *Inna 's-syirka lazulmun 'azīm.*

Demikian al-Qur'ān, Surah al-Luqmān: 13. Maka sudah pasti si zalim tidak akan dapat memajukan sesuatu melainkan ia menghapuskan status zalim dan sifat kezalimannya itu dahulu. Anwar silap dalam pendiriannya itu kerana yang sebenarnya ialah sikap dan sifat berīmān kepada sebahagian al-Qur'ānlah yang menjadi tembok penghalang sebenar kepada kemajuan.

Selain daripada itu, yang menghalang kemajuan itu ialah kerana sikap mereka yang meremeh dan menghina ‘amalan-‘amalan seperti yang dikatakan oleh Anwar ‘amalan itu hanya sebagai *mere practice* sahaja, pada hal ‘ibādat merupakan jalan untuk maju ke depan dan tangga untuk naik ke atas, meningkatkan kualiti diri demi menikmati kemajuan haqiqi mendekatkan diri kepada Allāh SwT. Bahkan di dalam keadaan apa sekalipun keta‘atan kepada Allāh SwT menjadi keutamaan.

Di dalam spektrum yang lebih bersifat partikular, mereka yang tidak maju itu ialah orang yang tidak menggunakan ‘aqal fikiran berinteraksi secara intensif dan mendalam dengan al-Qur'ān melalui aktiviti tadabbur dan tafakkur. Dan juga tidak memanfa‘atkan ‘aqal ‘ubūdiyyah untuk tunduk patuh menurut panduan dan ajaran kedua-duanya, seperti arahan Nabiy s.‘a.w. Baginda s.‘a.w bersabda, bahawa Baginda meninggalkan dua perkara kepada Ummahnya yang sekiranya mereka berpegang kepada kedua-dua tinggalan Baginda tersebut, maka manusia tidak akan sesat selama-lamanya yakni akan tetap terus maju mara ke hadapan – ke Hadrat Allāh SwT. Mereka akan hidup di dalam kemajuan dan Kebahagiaan menikmati kehidupan Syurga yang disegerakan atau *jannah al-mu‘ajjalah* dan tidak akan hidup di dalam keadaan *ma‘isyatan ḏonka* dan menderita di Neraka kelak: *law kunnā nasma‘u aw na‘qilu mā kunnā fi aṣḥābi ’s-sa‘īr* [Sūrah al-Mulk: 10].

Hakikatnya, daripada perspektif ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, manusia yang beku dan jumud di dalam pemikiran ialah manusia yang kaku dan mati ‘aqliyyah dan rūhāniyyah serta lumpuh hati justeru tidak dapat bergerak mara ke depan melihat fenomena orang-orang bertaqwa dan memahami serta menghayati dua peninggalan Rasul S.W.A.S sebagai punca dan sumber sebenar lagi haqiqi Pencerahan untuk kemajuan pada semua dimensi dan paras-paras hidupnya. Mereka gagal melihat ‘alam noumena sebagai haqiqi lagi terang, justeru tidak maju ke arahnya dan yang demikian, tidak menghayatinya di ‘Alam fenomena ini.

Keruhaniyyan Sesat, Zanādaqah Dan Fahaman Murjī'ah

Anwar berkata: “*The Guru Grant Sahib tells us that he who sees that all spiritual paths lead to the One shall be freed... The blessed and the sanctified are those who remain absorbed in Truth*”.

Dengan ungkapan ini, teramat terang dan tidak perlu ditakwilkan lagi, bahawa beliau adalah menganut ‘aqīdah Pluralisme Agama jalur Perennialisme Schuon-Hossein Nasr. Fahaman dan falsafah Perennialisme ini ialah suatu jenis fahaman dan falsafah yang meyakini kepelbagaian jalan dan cara kerūhāniyyan setiap agama dapat membawa pengamalnya kepada *The One* yakni Tuhan Yang Satu. Atas fahaman dan keyakinan ini, justeru dia membenarkan dan mengabsahkan amalan-amalan dan aktiviti-aktiviti kerūhāniyyan ajaran agama Sikh tersebut. Daripada kenyataannya itu, dapat difahami, baginya, tidaklah menjadi kesalahan jika beliau dan sesiapa sahaja dari kalangan penganut Islām, melaksanakan ritual kerūhāniyyan ajaran Sikhisme atau bermeditasi ala Yoga atau membaca Mantra Gayatri atau Tarian Kerūhāniyyan India Merah Amerika iaitu Primordial Dance ala Fritjhof Schuon, kerana ini juga akan

membawa kepada Allāh SwT dan tenggelam di dalam Kebenaran dan kelazatan ketuhanan yang beliau sebut sebagai *lazzatu 'l-ma'rifah* menurut fahamannya.

Dengan kefahaman dan pendiriannya seperti ini, terserlahlah yang beliau benar-benar tiada kefahaman mengenai konsep dan ajaran Kerūhāniyyan Islām. Kerūhāniyan Islām yang haqiqi adalah berdasarkan kepada konsep, prinsip dan rukun al-Ihsān seperti yang terdapat di dalam Ḥadīth Nabiy ﷺ itu. Beliau juga ternyata tiada ‘ilmu berkenaan dengan prinsip-prinsip kerūhāniyyan atau Taṣawwūf dan Metafizik Islām yang berpaksikan Tawhīdu 'llāh itu. Justeru, dia menyangka jalan kerūhāniyyan di dalam agama Hindu atau Buddha dsb adalah juga sebagai premis dan jalan yang benar-benar lagi sah yang dapat membawa pengamalnya atau *sālik* [jama‘: sālikūn, sālikīn] kepada Yang Maha Satu yakni Allāh SwT itu.

Menurut ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah, seorang *sālik* memerlukan ‘ilmu yang benar lagi taḥqīq mengenai Tawhīdu 'llāh. Daripada sinilah mereka memulakan aktiviti kerūhāniyyan bahkan Tawhīdullāh itulah dasarnya. Pun begitu, ‘ilmu yang benar ini, belum mencukupi, kerana sesetengah Orientalis dan Occidentalists di kalangan bukan Islām juga ada yang memiliki ‘ilmu yang benar mengenai Allāh, bahkan Iblīs juga, tetapi mereka tetap tidak berImān kepada Allāh SwT dan Rukun Imān yang enam itu. ‘Ilmu yang benar mengenai Tawhīdu 'llāh perlu digandingkan serentak dengan melaksanakan ‘amal ‘ibādat – zahir dan batin - yang intensif seperti yang diajar oleh Rasūlullāh ﷺ, barulah akan dapat menikmati *ma'rifatū 'llāh*.

Kembali kepada perkataan *ma'rifah* yang diucap dan didakwa oleh Anwar yang dia miliki itu, kemudian perhatikan dan bandingkan pula dengan apa yang dihuraikan oleh Imām Ahli Ma'rifah iaitu Imām al-Qusyairiy r̄h mengenainya. Imām

Qusyairiy rh [w: 465 H], seorang ahli Kerūhāniyyan berpiawai tinggi berkata: “...ma‘rifah adalah sifat orang-orang yang mengenali Allāh dengan Nama-Nama dan Sifat-Sifat-Nya, kemudian ia membenarkan Allāh dengan melaksanakan ajaran-ajaran-Nya di dalam segala perbuatan. Ia membersihkan dirinya daripada akhlāq yang rendah dan dosa-dosa, kemudian lama berdiri mengetuk pintu Allāh” [**al-Risālah**]. Ternyata, *lazzatu ’l-ma‘rifah* atau kelazatan berma‘rifah atau kelazatan mengenali Allāh SwT, adalah hasil daripada Tawhīd yang benar dan khāliṣ bukan seperti kefahaman Tawhīd puak Liberalis dan Pluralis dan Illuminatus seperti Anwar. Ia dilaksanakan melalui aktiviti mujāhadah yang mendalam melalui pengrealisasian Rukun Ihsān sehingga memiliki hati serta rūh yang bersih daripada segala sifat-sifat *madzmūmah* seperti sifat-sifat nifaq, kufur, gila dunia dsb dan tertegak sifat-sifat *maḥmūdah* serta memiliki kualiti sifat dan akhlāq zahir yang tinggi mengikut ciri-ciri dan piawai Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Kehidupan zahriyah pula, penuh diselimuti keta‘atan kepada Allāh dengan melaksanakan segala *awāmir* atau suruhan dan meninggalkan segala macam *nawāhiy* atau larangan. Dia juga seorang yang senantiasa bertafakkur atau di dalam istilah Imām al-Qusyairiy sebagai *berdiri lama mengetuk pintu Allāh* secara mendalam dan konsisten bukan meremehkan ‘amal ‘ibādat seperti yang dikatakan oleh Anwar hanya sebagai *mere practice* sahaja.

Imām Abū Naṣr ‘Abdullāh al-Sarrāj rh (w: 378 H) pula berkata: “ Ma‘rifah ada tiga bentuk. Ma‘rifah iqrār, ma‘rifah haqīqat dan ma‘rifah musyāhadah ”. Dalam kumpulan mana Anwar berada ?. Dakwaannya memiliki *lazzatu ’l-ma‘rifah* adalah palsu kerana peribadi yang boleh memiliki ma‘rifah hanyalah peribadi yang memiliki Tawhīd yang khāliṣ, ‘Ibādah yang sohib dan mujahādah yang mendalam, bukan penganut Pluralisme Agama!.

Sidi Muhyiddīn Ibn ‘Arabi r̄h pula mengingatkan kaum Muslimīn sejak lama dahulu, supaya mereka tidak terpedaya dengan ungkapan-ungkapan dan slogan-slogan aneh golongan Zindīq seperti ungkapan *lazzatu ’l-ma’rifah* Anwar itu. Beliau r̄h berkata: “...berhati-hatilah (terhadap ajaran sesat dan mungkar – P) ...sesiapa yang *taḥqīq ilmu*, ‘amal dan ḥālnya, maka ia akan memperoleh kemuliaan abadi dan sesiapa yang meninggalkan *taḥqīq* tersebut, maka ia akan hancur...” [al-**Futūḥāt**]. Sementara Dzu ’n-Nun al-Miṣri r̄h pula menasihatkan kita dengan katanya: “...berhati-hatilah, jangan sampai engkau mengaku/mendakwa memiliki *ma’rifah*” seperti pengakuan dan dakwaan Anwar itu “...supaya engkau tidak binasa di dalam pengakuanmu”. Ungkap Al-Hujwiri r̄h [**Kasyf al-Mahjūb**. Edisi terjemahan].

Dari satu sisi lain, seperti kata Imām al-Junayd r̄h, golongan Zindīq itu mahu meninggalkan ‘amal ‘ibādah sebab mereka malas beramal kerana memenatkan, justeru mereka membina hipotesis dan khalayan kelbilisan bahawa menuju kepada Allāh SwT adalah merentasi ‘amal ‘ibādat - seperti prinsip Anwar yang berkata: *mere practice*. Adakah layak dan boleh dipercayai seseorang yang mahu mendapat *ma’rifah* tetapi meremehkan ‘amal ‘ibādat dan meninggalkan bermujāhadah, tidak melalui proses tawbah, tidak bermu’attabah dan tidak melaksanakan murāqabah dan hidup di dalam budaya liar? Seperti kata-kata mungkar Schuon, sekutu Anwar di dalam fahaman Perennialisme, solat bukanlah jaminan seseorang itu berada dalam *the right path*.

Kita perhatikan, sepanjang perbahasan mengenai Kerūhāniyyan, Anwar tidak sepatah pun memetik ungkapan hikmah daripada khazanah literatur kerūhāniyyan Islām seperti yang ditulis oleh ‘Ulamā’ Islām tersohor, yang mereka semuanya itu menjadi paksi Kerūhāniyyan ‘Alam ini. Di antara mereka ialah seperti Sidi ‘Abdul Qādir al-Jilani dengan **Sir al-Asrār** dan **Fath al-Rahmānnya**; Abū Ṭolib al-Makki dengan **Qūṭ al-Qulūbnya**;

al-Qusyairiy dengan **al-Risālah**nya; al-Sarrāj dengan **al-Luma'**nya; al-Ghazzāliy dengan **Iḥyā'** dan **Arba'**ynnya; al-Muḥāsibi dengan **Risālah al-Mustarsyidīn**nya dan di ‘Alam Melayu pula seperti **Hidāyah al-Sālikīn** dan **Siyar al-Sālikīn** oleh Syaikh ‘Abdul Somad al-Falimbani; Syaikh Dāwūd Faṭōniy dengan terjemahan **Ḥikam Abī Madyannya**; ‘Abdul Qādir al-Mandili dengan **Penawar Bagi Hati**; Tok Ku Pulau Manis dengan terjemahan **Ḥikam Ibni ‘Aṭīllāhnya** dan banyak lagi. Kenapa? Kerana semua ‘Ulamā’ Islām itu menekankan kepada ‘amalan zahir yang intensif serta pembersihan hati yang serius, yang bagi Anwar semuanya itu tidak penting kerana sifat ‘amal ‘ibādat itu cuma sebagai *mere practice* sahaja.

Tulisan di dalam bahasa kontemporari mengenai konsep dan huraian berkaitan ajaran Kerūḥāniyyan yang mudah didapati, antaranya ialah tulisan seorang mujahid dakwah dan salah seorang ‘alim besar abad ini iaitu Syaikh Sa‘īd Ḥawwa rh. Buku-buku beliau seperti buku **Jundullāh**, **Tarbiyatunā Rūḥiyyah**, **Mustakhlaṣ** dan **al-Manāzil** [semuanya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia] amat wajar dibaca kerana ia membicarakan mengenai kerūḥāniyyan seorang sālik di dalam perjalanan menuju dan demi merapatkan diri ke Ḥaḍrat Allāh SwT. Dan juga artikel-artikel Ustaz ‘Uthmān el-Muḥammady rh yang banyak itu. Anwar sama seperti Fritjhof Schuon, Hossein Nasr dan lain-lain penganut *Transcendent Unity of Religions* yakin amalan kerūḥāniyyan di luar Agama Islām juga akan dapat mencapai kelazatan ma‘rifah dengan Allāh SwT seperti yang telah dipaparkan itu.

Daripada keterangan di atas, kita dapat pasti tentang kebankrapan rūḥāniyyah, psikologi dan ‘aqliyyah beliau kerana meninggalkan Kebenaran Rūḥāniyyah yang haq yang bersifat Ilāhiyyah dan mengutip konsep kerūḥāniyyan di luar jalan Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai konsep dan jalan sah yang

boleh sampai juga ke Ḥaḍrat Allāh Yang Maha Tinggi Lagi Maha Suci itu. Ini adalah pendirian kaum Pluralis Agama seperti Nurcholish Madjid, Schuon, Hossein Nasr dll .

Pada satu sisi yang lain, fahaman *mere practicenya* di dalam usaha untuk mencapai Haqīqat Ilāhiyyah, bermakna dia juga menganut fahaman dan ‘Aqīdah Murji’ah yakni aliran yang tidak mementingkan ‘amal ‘ibādat zohir. Ini juga bertepatan dengan ajaran aliran kebatinan mungkar yang menolak kewajipan ber‘amal dengan ‘amalan zahir dan mementingkan apa yang mereka kliem sebagai perkara ‘*haqīqat*’ seperti yang banyak terdapat di kalangan pengamal Tarīqah sesat dan mungkar di Malaysia. Di Malaysia, kita dapati banyak *syaikh-syaikh* gadungan yang mengajar perkara-perkara ‘*haqīqat*’ namun hakikatnya, mereka adalah golongan Zindīq kerana tidak mementingkan ‘ilmu Fiqh berkaitan hukum haram dan halal dan tidak mementingkan ‘amalan ‘ibādat zahir yang disifatkan mereka sebagai perkara kulit sahaja atau di dalam istilah Anwar sebagai *mere practice*. Adapun konsep dan prinsip serta jalan Kerūḥāniyyan Islām amat mementingkan ‘ilmu Fiqh dan kewajipan ber‘amal mengikut ajaran dan aturan Syarī‘at di dalam semua perkara yang bersifat fardhu dan sunat.

Sebab itu di dalam ajaran Islām ada konsep ‘ibādah yang fardhu dan ‘ibādah sunat yang disebut di dalam Ḥadīth Qudsi sebagai *taqarrab ilayyā bi ’n-nawāfil* dan perlakuan Nabiy s.‘a.w bersolat hingga bengkak-bengkak kaki Baginda yang mulia itu. Ummat Islām diminta supaya berzikir banyak-banyak; istighfar banyak-banyak; intensif dan istiqomah membaca al-Qur’ān dengan tadabbur dan tazakkur; tidak henti-henti lidah dan hati berselawat ke atas Junjungan Nabiy s.‘a.w dsb. Ṣahābat-Ṣahābat Baginda pula berzikir dan beribadat semacam dengungan lebah dan ‘macam orang gila’. Semua aktiviti dan amalan kerūḥāniyyan ini adalah untuk melengkapkan seseorang di dalam binaan Dīnu

'l-Islām demi merealisasikan doktrin dan Rukun al-Iḥsān sebagai rangkaian kesempurnaan seseorang manusia disamping Rukun Īmān dan Rukun Islām yang lain. Padanya terdapat aktiviti beribadat secara intensif hingga dapat *melihat* Kebenaran: *ka'annaka tarāhu* iaitu seolah-olah anda melihat-Nya.

Kesimpulannya ialah fahaman Anwar ini amat menyalahi konsep dan doktrin Kerūḥāniyyan Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah bahkan ditakuti membawa kepada kesyirikan dan kekufturan.

Menolak Eksklusiviti Dan Ketinggian Islām

Anwar berkata: “*Whatever the religion, whether it be Islam, Christianity, Judaism, Sikhism, Hinduism and many others, I believe that the higher truths which go beyond mere practice and ritual all converge on the singular truth and that is from God we were sent forth and unto God shall we return*”. Terjemahan: “Apa juga agamanya, sama ada ia Islām, Kristian, Sikh, Hindu dan banyak lagi, saya percaya bahawa kebenaran-kebenaran yang lebih tinggi (*higher truths*) adalah mengatasi amalan-amalan semata-mata (*mere practice*) dan ibādat semuanya terpusat atas kebenaran yang satu itu (*singular truth*) ...kerana daripada Tuhan kita datang dan kepada Tuhan kita pulang” [Di dalam teks asal ditulis perkataan God bukan Allāh, jadi God dalam tulisan ini diterjemahkan sebagai Tuhan].

Daripada ayat ini, banyak perkara boleh dianalisis. Antaranya, Pertama, amat jelas bahawa Anwar berpendirian semua agama sama benar belaka, kerana baginya masing-masing mempunyai kebenaran Ilāhiyyah yang asasi. Dan keduanya, Anwar percaya, kebenaran yang paling tinggi bukanlah terletak kepada Tawhīdullāh dalam ontologi dan epistemologi Ahli

Sunnah dengan kualiti Dzāt Allāh yang Maha Sempurna. Dalam Islām, hakikatnya, inilah yang mewarnai ‘amalan-‘amalan zahir seseorang manusia seperti yang diajar di dalam bab-bab ‘Ibādah, Munākahāt, Jināyāt dsb di dalam Syarī‘at Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Akan tetapi di dalam pemikiran dan keyakinannya, yang paling penting sekali ialah kepercayaan kepada tuhan [t huruf kecil] masing-masing agama - tidak kira Islām atau bukan. Kebenaran ini yakni hanya percaya kepada tuhan sahaja, menurut Anwar, sudah memadai malah adalah mengatasi segala aktiviti-aktiviti ‘amalan ‘ibādat zahir di dalam mana-mana agama. Di dalam perkara mengenai Kebenaran tertinggi atau *higher truths* mengatasi *mere practice*, dapat dikesan bahawa ia benar-benar meremehkan ‘amal ‘ibādat khusus seperti diajar di dalam Syarī‘at Islām, walhal Nabiyy s.a.w diutus untuk menegaskan kepentingan beramal. Bukan sahaja konsep dan doktrin ‘Ibādat, tetapi juga Baginda membawa bersekali dengannya bentuk dan cara yang benar lagi sah dan diterima Allāh untuk merealisasikan ‘ubūdiyyah dan Kebenaran tertinggi atau *higher truths* itu.

Kenyataannya itu benar-benar mencerminkan beliau tidak dapat mengawal nafsu diaboliknya sehingga membelakangi perintah Allāh. Allāh memerintahkan manusia supaya menyembah-Nya seperti: ...*umirtu an a'budallāha mukhlisina lahu 'd-dīn* [al-Zumar:11]; dan di dalam Sūrah al-Fātiḥah: *iyāka na'budu* dan menyembah Allāh itu sampai mati: *hatta ya'tiyaka 'l-yaqīn*. Perbuatan orang bukan Islām seperti menyembah api atau patung atau dewa-dewa atau roh-roh dsb, adalah tidak termasuk di dalam kategori beribadat yang sohih. Atau pun, seseorang Islām yang mengerjakan ‘haji’ di Balik Pulau atau di Varanasi atau Amritsa atau Ṣolāt tiga waktu sahaja sehari semalam, masih tidak dikira sebagai mengerjakan haji dan menunaikan Ṣolāt. Anwar benar-benar tidak meyakini ajaran di dalam Rukun Islām seperti yang dihuraikan oleh ‘Ulamā’ Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Jika beliau yakin dengan kandungan

Rukun Islām, pasti dia tidak akan berkata demikian, yakni meremehkan ‘ibādat zahiriyyah atau ‘ibādat badaniyyah atau *fi liyyah*.

Daripada satu sisi, walaupun seseorang secara akademik dapat menghurai konsep keTuhanan persis al-Ghazzāliy atau al-Sanūsī atau al-Jīlī atau Dāwūd Faṭōni atau Ibn ‘Arabi dsb, tetapi di dalam I‘tiqād, dia berpegang kepada fahaman bahawa aktiviti ‘amalan fardhu yang zahir tidak penting dan hanya bersifat ‘kulit’ sahaja atau *mere practice* di dalam istilah Anwar dan yang lebih penting atau yang lebih tinggi lagi ialah *higher truths*, maka dengan i‘tiqād atau keyakinan seperti ini, ia sebenarnya telah terjerumus ke gaung Zindīq yang dalam. Di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, untuk mencapai dan menikmati Kebenaran ḥaqīqī dan *lazzatu ’l-ma’rifah* seperti dakwaan Anwar, pasti tidak akan dapat dicapai, melainkan melalui jalan ‘Ubūdiyyah yang sohih seperti yang diajar di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah - dan sudah tentu dengan Rahmat Allāh.

Di sini ternyata dengan jelas, Anwar menganut fahaman *kepelbagaian jalan di dalam kepelbagaiannya agama* dapat mencapai Kebenaran ḥaqīqī dan menemui Allāh atau di dalam bahasa rakan Pluralis Indonesianya: *banyak jalan menuju tuhan yang satu*. Sebab itu beliau mengakui dan membenarkan ajaran sami-sami Hindu, Budhha, Kristian seperti keyakinan rakan-rakan beliau di Salihara, Jakarta, sebagai salah satu daripada banyak jalan menuju Allāh. Fahaman seperti ini terkeluar daripada ajaran Islām yang diljmā‘kan. Hanya satu jalan sahaja menuju Allāh iaitu jalan Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. Inilah sahaja jalan yang berjaya memasuki Syurga Allāh.

Anwar melihat konflik-konflik di dunia hari ini, sebagai akibat daripada kliem-kliem kebenaran oleh masing-masing

agama dan bersifat tertutup tidak mahu menerima ajaran di luar lingkungan mereka. Inilah penghalang utama dan perlu dibuang jika manusia mahu mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan sejagat. Mereka perlu melihat agama masing-masing secara inklusif, kerana pada pandangannya, agama ini adalah bersifat inheren atau sambung-menyambung yang dinamis dan progresif. Maka setiap penganut agama itu perlu mengamalkan konsep *tolak* dan *serap* dan menerima secara fasih fahaman hermeneutik diabolik di dalam memahami dan berkomunikasi dengan kitab-kitab Suci masing-masing termasuk al-Qur'an. Dengan menerima konsep ini, manusia akan semakin tercerah dan konflik-konflik tersebut akan terpadam dan tamat. Ini adalah pandangan mungkar yang setiap orang Islām perlu tolak.

Kesan daripada pandangan Anwar itu, sebuah NGO berjenama Islām yang cenderung kepada fahaman Liberalisme dalam beragama iaitu IKRAM, telah membuat program bernama **Konvoi Rumah Ibadat 2013**, pada Januari 2013. Mereka membawa keluarga masing-masing termasuk anak-anak kecil, melawat dan memasuki rumah-rumah ‘ibādat bukan Islām seperti gereja, tokong Cina, gurdwara Sikh, kuil Hindu dan diakhiri dengan masjid. Memasuki rumah-rumah ‘ibādat bukan Islām bukanlah suatu jenayah ‘Aqīdah. Akan tetapi perbuatan tersebut menyalahi Sunnah dan Āثار. Lagi pun, perlakuan yang disengajakan itu memberi konotasi negatif kepada orang bukan Islām yang semacam melihat semua agama sama benar belaka. Justeru, mereka tidak perlu memeluk Islām!. NGO inilah yang bersungguh-sungguh mahu melaksanakan Tahaluf Hadari yakni kerjasama keagamaan di Malaysia. Mereka jugalah yang bertahaluf dengan Ambiga, seorang tegar yang konsisten menentang setiap peraturan yang berunsur Islām ! Mereka pernah mendapat dana daripada Konrad Adenauer Stiftung suatu ketika dahulu. Konrad Adenauer Stiftung adalah badan Kristian evangelis yang memberi dana kepada NGO dan institusi Islām untuk

mempromosi fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama di kalangan Ummah Islām Malaysia.

Untuk mewajarkan pendirian inklusiviti dan Pluralisme Agama, Anwar memetik ayat al-Qur'ān yang berkaitan dengan kejadian kepelbagaian suku bangsa yang diciptakan oleh Allāh yang dikatakannya sebagai dalil Pluralisme Agama. Logik yang dipakai Anwar ialah masing-masing manusia itu lahir di dalam lingkungan agama yang diciptakan oleh Tuhan Yang Satu ju, maka kepelbagaian suku bangsa itu cuma bersifat antropologikal, sosiologikal dan geografikal sahaja, bukan bersifat pengasingan agama. Mereka yang mempunyai kitab Suci seperti Veda, Bible, Guru Granth Sahib, Bhagavad Gita, Upanishad, Psalm, Haggadah, Tanakh, Codex dll yang justeru memiliki Kebenaran Ketuhanan: *the lamps are different but the Light is the same*, kata Anwar. Ia beriman dengan pemikiran sesat dan mungkar ini yang dikutipnya daripada seorang Kāfir bernama John Hick seperti yang dia sendiri mengaku.

Pendirian Anwar ini bertepatan dengan catatan **Protocol XIII** yang berbunyi (terjemahan) : “...*hanya kita yang akan mengemukakan kepada mereka petunjuk-petunjuk baharu untuk difikirkan... sudah tentu melalui orang-orang yang tidak disyaki bersekutu dengan kita*”. Bukankah Anwar telah menerima *petunjuk baru* dalam bentuk falsafah keagamaan Pasca Modernisme, Sekuralisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama yang ditunjukkan oleh perancang Illuminati-Zionis-Kristian itu? Dan bukankah *melalui orang-orang yang tidak disyaki bersekutu dengan kita* itu ialah pendokong ajaran dan falsafah Sekularisme, Liberalisme dan Pluralisme Agama yang wujud di kalangan masyarakat dakwah Islām seperti Anwar yang satu ketika dahulu seorang aktivis Islām dan kini pengusung tegar fahaman mungkar tersebut? Ramai orang tidak sedar dan tidak menyangka bahkan ada yang masih tidak percaya perkara tersebut berlaku dan

memang benar-benar berlaku ke atas diri Anwar seperti kata Illuminatus-Zionis di atas: “...orang-orang yang tidak disyaki bersekutu dengan kita”. Jika anda pembaca mencermati buku **Building Moderate Muslim Networks** terutamanya halaman xxvi dan buku terbaru **The Evolution of Muslim Democrat** karangan Charles Allers itu, benarlah kata-kata di dalam **The Protocol** sejak lama dahulu itu.

Agama Islām memang sebuah agama yang bersifat eksklusif kerana Naşş menunjukkan hal demikian. Hujah pertama ialah kerana Syarī‘at Nabiy ﷺ sahaja yang diiktiraf oleh Allāh berdasarkan ayat *alyawma akmaltulakum dīnakum*. Kedua, Nabiy ﷺ diutus sebagai *rahmatan li l’ālamīn* dalam ontologinya yang benar. Ketiga, Nabiy ﷺ datang untuk meluruskan ‘Aqīdah terutamanya dalam konsepsi terhadap Allāh SwT yang sudah diselewengkan itu. Keempat, Syarī‘at Baginda akan berterusan hingga dunia ini Qiyāmat. Baginda ﷺ bersabda bahawa Nabiy ‘Īsā ‘as akan meneruskan Syarī‘at Baginda menjelang Qiyāmat dan jika Nabiy Mūsā ‘as masih hidup, nescaya dia akan mengikut agama yang dibawa Baginda seperti Ḥadīth terdahulu sebutannya. Kelima, adanya konsep dakwah yang mengajak orang bukan Islām masuk ke dalam agama Islām yang dibawa oleh Nabiy ﷺ dan mengabaikan agama Yahudi dan Nasrani. Ini bermakna ajaran agama pasca Risālah Muḥammadiyyah tidak diiktiraf. Justeru, ia benar-benar eksklusif. Keenam, adanya konsep murtad yang melarang pengikut Islām keluar daripada agamanya. Ketujuh, adanya konsep Jihād yang membenarkan Ummah Islām memerangi musuh Islām. Kelapan, adanya pengkategorian sebagai Muslim dan Kāfir - dan hanya Muslim sahaja diterima Allāh. Amat eksklusif sifatnya. Kesembilan, Ḥadīth Nabiy ﷺ yang mengatakan Agama Islām adalah tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya. Semuanya ini menunjukkan yang Agama Islām adalah Agama yang amat eksklusif. Namun di dalam keperihalannya yang bersifat eksklusif

itu, ia menerima kepelbagaian budaya dan bahasa yang menjadikannya terserlah eksklusivitinya sebagai pluraliti dan kosmopolitan yang unik dan utuh.

Pokoknya Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak menerima apa-apa tambahan kepada ajarannya daripada luarnya sebab itu di dalam ajaran Islām ada istilah bid‘ah ḍolālah dan mungkar di dalam semua aspek: ‘Aqīdah, ‘Ibādah, Akhlāq, Qira’āt, Ḥadīth, Hukum-hakam dsb. Al-Syātibī dalam **al-I‘tiṣām**nya menghuraikan dengan panjang lebar mengenai bid‘ah di dalam Agama ini. Ini membuktikan yang Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah memang benar-benar eksklusif sifatnya.

Penganut Kepelbagaian Rupa Allāh

Sambung Anwar lagi: “...*Yet certain leaders of major world religions continue to make exclusivist claims to the eternal truths rather than accepting the commonality that binds us*”.

Perhatikan, bahawa beliau meyakini semua manusia dihubungkan oleh perkara yang sama seperti katanya: “...*the commonality that binds us*”. Yang dimaksudkan oleh Anwar *perkara-perkara yang sama* ialah berkongsi Allāh serta penggunaan Kalimah Allāh dan semuanya menyembah dzāt yang sama iaitu Dzāt Allāh, kata beliau.

Anwar keliru memahami sifat-sifat, bentuk, taraf-taraf dan mekanisme penghubung di dalam sistem dan rangkaian sosial serta keagamaan di kalangan manusia sehingga dia membuat kesimpulan salah. Katanya, yang menghubungkan semua manusia di ‘Alam ini ialah Kalimah dan Dzāt Allāh. Dia memetik ayat al-Qur’ān *kalimatun sawa*’ di dalam Sūrah Āli ‘Imrān: 64, sebagai sandaran, tetapi di depan audiens di LSE itu, dia tidak sepatah pun

menggunakan perkataan Allāh - yang digunakannya ialah perkataan god ...*from God we were sent forth...* Kenapa tidak secara terang-terang menyebut perkataan *from Allāh*? Inilah yang dikatakan di awal tulisan ini sikap beliau berlapis-lapis dengan bermacam-macam warna.

Sebagai pengikut Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, kita menerima adanya ‘tali penghubung’ dengan orang bukan Islām. Justeru, di dalam ajaran agama Islām, ada konsep hubungan antarabangsa; hubungan sesama manusia bahkan ada konsep kejiranan dan hubungan dengan kumpulan minoriti agama; hubungan dengan Kāfir mu‘ahhad dsb. Seseorang Islām memang wajar menghormati jirannya yang bukan beragama Islām dan dilarang berbuat zalim kepada mereka. Dalam hubungan kemanusiaan sesama manusia, Islām mewajarkan memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka yang bukan Islām itu tetapi bukan dalam hal-hal yang menyalahi ‘Aqīdah, Syarī‘at dan Akhlāq Islām. Di sini sekali lagi Anwar keliru memahami Islām sebagai agama yang bersifat sarwajagat, kasih sayang dan penyelamat kemanusiaan: *rahmatan li ’l-‘ālamīn*.

Anwar juga mempunyai fahaman salah mengenai tumpuan dzāt sembahannya sesuatu agama. Bagi Anwar, semua manusia menyembah tuhan yang sama dan satu dengan katanya: “...*ritual all converge on the singular truth*”. Seperti di dalam falsafah Pluralisme Agama, prinsip utama ajaran ini ialah semua manusia memiliki kebenaran yang satu dan sama dan menyembah tuhan (t huruf kecil) yang sama, tidak kira daripada apa jenis agama. Anwar yakin bahawa semua manusia menyembah tuhan yang sama padahal tidak begitu. Anwar keliru malah salah dalam pegangan seperti ini kerana ontologi dan epistemologi Kebenaran di dalam ajaran Islām tidak sama dengan yang di luar Islām.

Menurut ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah sepatutnya lahir semua manusia menyembah Tuhan Yang Satu sahaja iaitu Allāh SwT, tetapi oleh kerana terdapat penyelewengan demi penyelewangan di dalam Agama Samāwi terdahulu seperti yang Allāh nyatakan di dalam Sūrah al-Māidah, ayat 15-16, maka mereka telah tidak menyembah Tuhan Yang Satu lagi seperti yang diajar di dalam konsep, ontologi dan epistemologi Tawhīdu 'llāh. Kebenaran Agama Pasca ‘Isā ‘as hanya terkandung di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah sahaja: *fattabi 'uniy* yang merujuk kepada kewajiban mengikuti ajaran Nabiy Muḥammad ᷣ.‘a.w. Di sinilah yakni di dalam naungan Risālah Muhammadiyyah, tempat dan pusat manusia berhimpun dan padanya pula manusia menumpukan segala aktiviti kehidupan dan budaya mereka yang merupakan tali penghubung dan pengikat dengan Allāh: *wa 'taṣimū biḥabli 'llāh*.

Fahaman palsu dan mungkarnya itu berpunca daripada fahaman Tawhīdnya yang bercampur dengan kesyirikan. Kesyirikan itu digandingkannya kepada Allāh SwT. Allāh SwT, di dalam ajaran dan epistemologi Tawhīd Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti katakan konsep Wujūd, tidaklah sama dengan ajaran dan konsep Wujūd Tuhan di dalam ajaran agama selain Islām, walaupun di dalam ajaran Kabbalah Yahudi Orthodoks atau falsafah *moksha* di dalam falsafah Hindu Dharma bahkan sesetengah kelompok yang mengaku berAgama Islām. Di dalam ajaran Tawhīd Islām, Wujūd Allāh SwT adalah Wujūd yang bersifat *laysa kamithlihi syai'* [rujuk huraiyan panjang yang amat menarik seperti di dalam kitab-kitab yang membincangkan Sifat Dua Puluh]. Maka daripada perspektif ini, tidak semua manusia dihubungkan pada pusat sentralnya Allāh, kerana ada manusia yang lari daripada menyembah Allāh seperti yang diajar di dalam konsepsi Tawhīd tadi dan menyengutukan-Nya. Firman-Nya: *lā taj‘alū ma 'allāhi ilāhan ākhar* [al-Dzāriyāt: 51]. Bahkan di dalam Sūrah Yūnus, ayat 104 misalnya, para pembawa Risālah Allāh itu

yang berdialog dengan kaum mereka menegaskan bahawa mereka tidak menyembah apa yang kaum mereka sembah melainkan Allāh SwT.

Ini menunjukkan ada manusia yang menyembah selain daripada-Nya sehingga Dia milarang perbuatan tersebut. Kebalikan daripada makna itu, Anwar mempunyai keyakinan bahawa objek atau dzāt yang disembah oleh penganut agama-agama selain Islām, adalah saling tak tumpah persis menyamai sembahana kepada Allāh. *Subḥāna 'llāhi wa ta'ālā 'amma yusyrikūn*. Perlu difahami benar-benar bahawa dzāt yang disembah oleh penganut agama-agama selain Islām adalah dzāt dalam pelbagai rupa dan bentuk seperti rupa dewa-dewa; binatang; manusia dsb.

Dengan sikapnya yang demikian itu, justeru dia mewajarkan manusia merupakan Allāh dalam pelbagai rupa dan bentuk. *Subḥāna 'llāhi wa ta'ālā 'amma yusyrikūn*.

Boleh Berzikir Selain Allāh

Anwar mengungkapkan: “...the late Swami Prabhavananda wrote that God's name can be viewed as a mantra, the repetition of which both confers spiritual power and purifies the aspirant's heart and mine. By means of the practice, God's name is experienced as living and conscious, as one with God - and illumination is attained”. Terjemahan: ...mendiang Swami Prabhavananda menulis bahawa nama tuhan boleh dipandang sebagai mantra, yang bila diulang-ulang, memberi kekuasaan *rūhāniyyah* dan menyucikan kalbu dan minda orang yang menyebutnya. Dengan amalan ini, maka nama tuhan di ‘alami sebagai hidup dan penuh kesedaran, seperti seseorang itu bersama dengan tuhan dan pencerahan *rūhāni* dicapai”.

Subḥānallāh, Anwar percaya kata-kata Syirik seperti itu. Anwar memetik kata-kata sami Hindu Prabhavananda untuk meyakinkan audiensnya yang bukan Islām di LSE itu, bahawa seorang Islām sepertinya juga meyakini bacaan mantra seperti itu, akan dapat membawa pengucapnya *as one with God* atau *bersama dengan tuhan*. Bagi Anwar, tidaklah menjadi suatu jenayah ‘Aqīdah yang berat kepada orang Muslim jika berbuat demikian. Perbuatan mengungkap dan membaca mantra-mantra yang di dalamnya menyebut dan memuja nama-nama tuhan dan dewa-dewa di dalam kepercayaan keagamaan masing-masing seperti penganut Hindu mengungkap bacaan Om Shanti Om atau macam-macam Om lagi, adalah membawa kepada kekufuran dan kesyirikan serta terkeluar daripada Agama Islām. Nampaknya bagi Anwar, itu tidak menjadi masalah kerana ia merujuk kepada *The One* juga atau *dzāt* yang sama, cuma berlainan cara pengucapan dan nama sebutan dan bahasa tuturan. *Subḥāna 'llāhi wa ta 'ālā 'amma yusyrikūn*.

Seorang Muslim hanyasanya dibolehkan berzikir menggunakan *ismu 'dz-dzāt* atau *lafżu 'l-Jalālah* yakni Allāh atau menggunakan *al-Asmā' al-Ḥusnā* atau mana-mana yang wārid daripada Ḥadīth Nabiy s.‘a.w sahaja. Dengan sebutan pengucapan zikir seperti yang diajar oleh al-Qur'ān dan al-Ḥadīth sahaja yang dapat membawa manusia dekat kepada Allāh Yang Maha Tinggi Lagi Maha Suci bukan selainnya.

Sebagai komplimentari kepada kewajaran penggunaan nama-nama tuhan dan dewa-dewa agama bukan Islām kepada semua orang beragama, Anwar juga mewajarkan orang bukan Islām menggunakan Kalimat Allāh. Beliau menjadikan perkataan *kalimah sawa'* di dalam Sūrah Āli 'Imrān: 64, sebagai dalil dan hujah. Ketika mewajarkan hal demikian, beliau tidak membawa bukti daripada mana-mana autoriti Mufassīr dan tidak pula

menerangkan *sabab nuzul* ayat tersebut. Seperti yang termaklum, *sabab nuzul* ayat ini adalah kerana Ahli Kitab di Madīnah dewasa itu, terutamanya Yahudi, enggan menerima konsep Allāh seperti yang diajar oleh Baginda ᷤ.‘a.w dan berkeras dengan kefahaman dan pendirian konsep keTuhanan Yahudi mereka yang sudah ditahrifkan itu [al-Māidah: 15].

Sekiranya Kalimah Allāh itu masih sama seperti di dalam konsep dan ontologi yang asal, kenapa pula Baginda ᷤ.‘a.w perlu memanggil dan mengajak Yahudi dan Nasrani tersebut supaya kembali menyembah Kalimah yang sama dengan Baginda ᷤ.‘a.w di dalam konsep, ontologi dan epistemologinya yang sebenar, seperti yang disembah oleh Nabiy-Nabiy Banī Isrā’īl terdahulu. Adalah jelas bahawa Nabiy ᷤ.‘a.w terpaksa memanggil dan mengajak Ahli Kitāb itu membetulkan semula taṣawwūr, ontologi dan epistemologi Allāh yang telah mereka tahrifkan sepeninggalan Nabiy-Nabiy mereka supaya kembali berĪmān kepada keadaan asal konsep dan ontologi serta epistemologi Allāh seperti yang diajar oleh Nabiy-Nabiy mereka dahulu itu.

Anwar benar-benar menjadi jurucakap penganut agama lain yang bercakap mengenai sembahannya mereka dan di dalam masa sama dia mahu menjadi jurucakap Agama Islām juga. Sikap Anwar ini sama seperti aktivis Liberalisme-Pluralisme Agama sedunia yang mahu mengembalikan konsep *Abrahamic Faiths* atau *Agama-Agama Ibrahim* atau *al-hanīfiyyah al-samḥah* di dalam konsep dan falsafah Pluralisme Agama. *Al-hanīfiyyah al-samḥah* di dalam Ḥadīth Nabiy ᷤ.‘a.w itu bukan merujuk kepada persamaan dan kesatuan agama-agama atau Pluralisme Agama seperti yang telah di sebut terdahulu.

Anwar tidak dapat memahami dan gagal membezakan Dzāt Yang Maha Suci Lagi Maha Tinggi dan Tawhīd yang Khāliṣ yang diajar oleh para Rasul-Rasul dan Anbiyā’ ‘alayhimu ’s-

ṣolātu wa 's-salām dengan tuhan-tuhan dalam konsepsi agama selain Islām yang syirik itu. Dia benar-benar dibalutti fahaman Illuminisme-Pluralisme Agama pekat.

Dia mahu memasangkan Dzāt dan Asmā' Allāh Yang Maha Suci Lagi Maha Tinggi itu ke dalam kesyirikan konsep *satu tuhan dalam tiga person-personae* atau *The Holy Trinity*, yakni Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Rūh Qudus dalam doktrin Kristian Katholik; atau ke dalam tuhan-tuhan Hindu yang banyak tangan dan pelbagai rupa bentuk binatang atau Vishnu atau Shiva; atau ke dalam Elohim atau Yahweh atau Aloh dalam ajaran Yahudi dsb. Atau pun sebaliknya pula, memasukkan tuhan-tuhan syirik itu ke dalam Dzāt dan Asmā' Allāh Yang Maha Suci Lagi Maha Tinggi itu. Ringkasnya, dia percaya semua dzāt sembahannya pelbagai agama itu adalah sama seperti yang telah disebut dan dzāt-dzāt yang pelbagai itu boleh bercampur dan lebur menjadi satu entiti Tuhan atau Allāh. *Subḥāna 'llāhi wa ta'ālā 'amma yusyrikūn*. Pendirian semacam ini adalah syirik yang nyata.

Di dalam dokumen Gereja Katolik, yang diputus dan diisytiharkan pada Second Vatican Council of the Roman Catholic Church, 1963-1965, menyatakan, bahawa:...*The eternal Father, by free and hidden plan of His own wisdom and goodness, created the whole world*. Jelas daripada kenyataan ini, bahawa i'tiqād Kristian Katholik ialah dunia ini dijadikan oleh the *Eternal Father* atau Tuhan Bapa, bukannya al-Bārī Allāh Yang Maha Pencipta. Bahkan Kristian Mazhab Syria juga meyakini tuhan tiga dalam satu. *Subḥāna 'llāhi wa ta'ālā 'amma yaṣifūn*. Adakah Anwar bersetuju?. Kalau berdasarkan ucapannya di LSE itu, hal ini menurutnya adalah wajar, yakni tidak boleh salahkan ajaran mereka itu.

Dakwaan Anwar yang menyatakan Muslimīn memonopoli Nama Allāh adalah benar. Di dalam ajaran 'Aqīdah Islām Ahli

Sunnah wa al-Jamā‘ah, tidak boleh ada perkongsian nama Allāh dengan orang Kāfir dan Musyrik. Ini adalah kerana berkongsi bermakna perkara yang sama tetapi berkaitan dengan Kalimah Allāh ini, ia adalah tidak sama. Dzāt Ketuhanan Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak sama dengan dzāt ketuhanan agama selain Islām bahkan juga di dalam sesetengah firqah yang menisbahkan kepada Islām seperti Mujassimah, Syī‘ah dan sesetengah Mu‘tazilah dsb [lihat **al-Maqālāt** al-Ash‘ari dll].

Liberalis dan Pluralis berhujah bahawa tidak ada larangan jelas yang Islām melarang penggunaan Kalimah Allāh kepada orang bukan Islām. Kita jawab, bahkan memang ada larangan jelas kepada orang bukan Islām menggunakan Kalimah Allāh itu. Perhatikan hujah ini.

Hujah pertama ialah Nabiy s.‘a.w menolak saranan kaum Musyrikūn untuk bergilir menyembah Tuhan – satu hari mereka menyembah Allāh dan hari berikutnya kaum Muslimīn menyembah tuhan mereka pula. Apa yang jelas dalam isu ini ialah Nabiy s.‘a.w tidak mencadangkan Musyrikūn berkongsi menggunakan nama Allāh di dalam sembahannya mereka sebagai kompromi. Ini amat terang di dalam huraiān Sūrah al-Kāfirūn.

Kedua, di dalam al-Qur'ān, orang Kāfir diklasifikasi sebagai najis yakni ‘aqīdah mereka adalah najis, maka bagaimana Nama Yang Maha Suci boleh dicampur dan diletakkan bersama dengan yang najis. Bahkan secara zahiriyyah pun tulisan-tulisan yang mulia seperti Nama-Nama Allāh, nama Nabiy dan teks-teks Agama secara fizikal dilarang dibawa masuk ke tempat-tempat cemar dan najis.

Bersama atau berkongsi pendirian dengan Anwar ialah beberapa Pluralis Melayu Malaysia yang lain. Mereka berkata bahawa ajaran Islām membenarkan sesiapa sahaja dari apa jua

agama pun dibenarkan berzikir dengan Nama Allāh di mana-mana sahaja tempat ‘ibadat. Justeru mereka berkata: “...that the name of Allāh is not an exclusive rights of the Muslims”. Mereka mendakwa, pendirian ini bersandarkan kepada ayat 40 Surah al-Hajj yang dikata daripada Imam al-Qurṭūbiy rh. Lengkapnya ayat al-Qur'ān itu berbunyi - terjemahan: *Dan sekiranya Allāh tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti telah roboh biara-biara (ṣowāmi‘u iaitu biara tempat ‘ibadat kaum Ṣōbi‘īn - P) dan gereja-gereja (biya‘un) dan sinagog-sinagog (ṣolawātun) dan masjid-masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allāh.*

Seperti biasa puak Liberalis dan Pluralis tidak mempedulikan konsep dan kaedah *sibāq* dan *siyāq* di dalam subjek ‘Ulūm al-Qur'ān justeru mereka memandai-mandai memahaminya secara koboi dan dengan ‘aqal diabolik. Ayat-ayat al-Qur'ān wajib dibaca secara sistematik dan difahaminya berdasarkan kepada konsep *sibāq* dan *siyāq* kerana ia akan memberi makna yang tepat kepada konteks ayat-ayat yang berkenaan.

Dalam memahami ayat 40 Surah al-Hajj ini ia perlu dibaca bersekali dengan ayat 38 dan 39 juga. Selain daripada itu perlu memahami *mufradāt* perkataan yang berkaitan.

Kembali kepada kenyataan puak Liberalis dan Pluralis di atas, yang mahu mengaitkan Imām al-Qurṭūbiy sebagai membenarkan penggunaan zikir dengan nama Allāh di semua tempat ‘ibādat, mari cuba sama-sama kita rujuk kepada kitab tafsir Imām al-Qurṭūbiy rh mengenai ayat 40 Surah Hajj di dalam kitab tafsirnya **al-Jāmi‘ al-Ahkām al-Qur'ān**. Imām al-Qurṭūbiy rh menafsirkan *yudzkaru fīha 's-mu 'llāhi kathīran* di dalam ayat tersebut sebagai:

1. Perkataan *fīhā* itu dirujuk kepada masjid. Berzikir dengan Nama Allāh di dalam ayat ini atau *yudzkaru fīha 's-mu 'llāhi* dimaksudkan hanya berzikir atas Nama Allāh di dalam masjid sahaja bukan di gereja atau di sinagog.
2. Merujuk kepada semua tempat ‘ibādat pada waktu ‘ibādat zikir ini masih disyari‘atkan kepada pengikut-pengikut Rasul-Rasul yang terdahulu dan ketika mereka masih mendirikan Kebenaran Syarī‘at Allāh. Ini bermakna selepas Syarī‘at Rasul-Rasul terdahulu dimansukhhkan [kaum Liberalis-Pluralis, menafikan hal ini seperti Prof. Osman Bakar], maka amalan berzikir dengan menggunakan sebutan nama selain daripada Nama atau al-Asmā’ al-Husnā dan ditempat-tempat upacara keagamaan bukan Islām seperti kuil, sinagog, gereja, gurdwara, watt dsb, adalah tidak sah. Demikian juga pendapat Abū Manṣūr al-Māturīdi r̄h, mengatakan zikir adalah amalan Ahli Masjid sahaja. Apakah ada di tempat-tempat ‘ibādah agama bukan Islām sekarang ini, para penganutnya berzikir atas nama Allāh?

Seorang lagi Liberalis-Pluralis Melayu yang juga aktivis politik, Khalid Samad menyatakan: Perbezaan di antara orang Islām dan bukan Islām bukan kepada penggunaan perkataan ‘Allāh’ tetapi di atas kefahaman mengenai Sifat-Sifat Allāh. Kita bertanya: Adakah Sifat-Sifat Allāh Yang Maha Suci itu ada pada dzāt tuhan-tuhan sembahyan Kāfirūn dan Musyrikūn? Kekeliruan pemikiran seperti ini adalah luar biasa. Dengan logik ini, maka di dalam Ṣolāt seseorang Muslim, terutamanya ketika takbīratu ’l-ihrām, bolehlah digantikan kalimat *Allāhu Akbar* dengan *God The Father Akbar* atau *Elohim Akbar* atau *Shiva Akbar* atau *Theo Akbar* atau *Gott Akbar* dan semua nama-nama berhala dengan mengandaikan mereka memahami sifat-sifat Allāh secara benar mengikut mutu Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah. *Maha Suci Allāh*. Atau pun dihujung nama-nama tuhan Kuffār yang pelbagai itu, bolehlah diletakkan perkataan *Jallā Jalālah*, ‘Azza wa Jallā,

Subḥānahu wa Ta‘ālā dan Sifat-Sifat mulia-Nya yang lain. *Maha Suci Allāh*. Dan semua du‘a yang menggunakan Kalimah Allāh boleh diganti dengan kalimah selain-Nya. *Subḥāna ’llāhi wa ta‘ālā ‘amma yaṣīfūn*. Perhatikan, golongan Kuffār dan Musyrikūn pun tidak menamakan berhala sembahannya mereka sebagai Allāh. Pada hemat Anwar dan Liberalis-Pluralis yang lain itu, mereka percaya boleh menjayakan projek mengabsahkan semua agama dunia yang *theistic* di dalam Kebenaran Abadi. Ini bermakna tidak ada apa-apa faedah Allāh al-Bārī menghantar Rasul-Nya yang terakhir Junjungan Muḥammad ṣ.‘a.w, untuk menegaskan semula konsep Tawhīd ’llāh dan adalah memadai membiarkan mereka menyembah sembahannya yang dipertuhankan mereka selama ini di dalam peribadi al-Lāta, al-Manah, al-‘Uzza, Suwa’, Yaguth, Zeus, Hera, Ares, Geb, Atum, Seshat dsb.

Kalaulah Allāh itu boleh dikongsi Nama-Nya oleh orang yang bukan Islām, maka Syahādah yang diajar oleh Nabiy ṣ.‘a.w itu tidak mempunyai apa-apa erti.¹⁵³ Dua Kalimah Syahādah, yang nama Allāh al-Bārī terkandung di dalamnya, bolehlah digantikan dengan nama selainnya, asalkan yang dimaksudkan itu ialah Tuhan Yang Satu seperti di dalam fahaman Anwar. Inilah silogisme diabolik dan mungkar daripada pemikiran dan pemahaman keagamaan Anwar yang berteraskan fahaman dan pemikiran *sapere audē* dan Liberalisme ‘aqīdah tajaan puak Illuminati itu.

Daripada petikan ucapannya di atas, Anwar percaya benar bahawa manusia boleh bersatu dengan tuhan (t huruf kecil) melalui pengucapan *mantra* yang berulang-ulang seperti yang dia kutip daripada perkataan dan ajaran sami Hindu Prabhavananda itu. Dalam konteks ini, Anwar percaya kepada kebatilan dan

¹⁵³ Sekarang sudah ada pemikiran di kalangan anak muda Melayu yang berkata bahawa Dua Kalimah Syahādah bukan syarat untuk masuk ke Syurga. Lihat program *Lepak Maqosid* di Youtube.

kemungkaran dakwaan sami Hindu itu, padahal di dalam perkara yang berkaitan dengan hal *mystical*, pengalaman-pengalaman Moksha dalam Hinduisme dan Satori dalam Buddhisme, Kabbalah dalam Yahudi atau Maryamiyyah dalam Perennialisme dan Sufi of the West, adalah pengalaman-pengalaman yang bukan jernih daripada Allāh, kerana seperti yang disebut di dalam al-Qur'ān, Allāh hanya menerima jalan yang dibawa oleh Rasul-Nya Muhammad s.'a.w sahaja berdasarkan kepada firman-Nya: *inkuntum tuhibbūna 'llāh fattiabi 'ūnīy*, maka tidak akan dicintai oleh Allāh, jika tidak mengikut jalan yang dibawa dan diajar oleh Nabiy Muhammad s.'a.w. Prabha mungkin dapat bersatu dengan tuhannya, Shiva, Agni atau sebagainya, tetapi pasti dia tidak akan dapat bersatu dengan Tuhan kita, Allāh, Dzāt yang *Ahadun Aḥad*; yang *lam yakun lahu kufuwan aḥad* dan yang: *laysakamithlihī syai'*, Tuhan Semesta 'Alam. Ini adalah kerana disiplin mistik atau kerūḥāniyan yang dilakukannya itu adalah tidak mengikut garis panduan dan kriteria serta manhaj yang ditetapkan oleh Allāh dan Rasul-Nya.

Daripada perspektif Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, perjalanan ahli mistik atau kerūḥāniyan yang paling dasar adalah bertolak dari pengkalannya iaitu Tawhīdu 'llāh yang khāliṣ dan Tawhīd al-Rasul. Anwar lebih berīmān dan berimam kepada huraian ketuhanan Prabhavananda dan Yahudi Abu 'Imran daripada meyakini huraian keTuhanan Imām al-Sanūsī atau al-Dussūqī atau Ahmad al-Faṭōniy atau al-Bayhaqi atau al-Māturīdi atau al-Asy'ari atau al-Ghazzāliy dll daripada kalangan Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Memang pun logik demikian, kerana dia adalah Liberalis-Pluralis tulen walaupun dia mengaku seorang Sunni. Adakah berjaya puak Illuminati menanamkan fahaman Illuminisme ke dalam dirinya? Bahkan amat Berjaya.

Anwar salah memahami konsep keTuhanan Islām sama seperti kesalahan Hick, Schuon dan lain-lain Liberalis-Pluralis.

Allāh SwT, dengan Kasihan belas-Nya, tidak membiarkan manusia mencari sendiri Tuhan yang hendak mereka sembah yang justeru Allāh berfirman Sūrah Tōha, 14: *innanī ana 'llāhu lāilāha illā ana fa 'budnī*. Perhatikan di dalam ayat ini, jelas terpampang Allāh sendiri memperkenalkan Dzāt Diri-Nya sebagai Allāh dan Dzāt yang hanyasanya yang layak dan wajib disembah. Allāh Yang Maha Pengasih itu juga menunjukkan sendiri agama yang direhbohri-Nya dengan firman-Nya, *warođītu lakumu 'l-islāma dīnan*. Inilah Agama yang Dia kehendaki dan Dia iktiraf dan dianugerahkan kepada manusia dan jin melalui Utusan-Nya Sayyiduna Muḥammad s‘aw. Kesalahan fatal Anwar ialah kerana dia membenarkan manusia memilih dan menggambarkan serta memberi imiginasi Tuhan sesuka hati sehingga manusia menjadi syirik dan kāfir. Inilah yang dikehendaki oleh puak Illuminati seperti firman Allāh yang telah disebut dahulu iaitu puak Yahudi tidak akan redho sehingga Ummah Islām murtad daripada Agama mereka.

Daripadauraian tersebut, dapat disimpulkan bahawa Anwar menganut fahaman bahawa Dzāt Allāh Yang Maha Tinggi lagi Maha Sempurna itu boleh diberi pelbagai wajah dan warna, mengikut kefahaman dan konsepsi serta persepsi orang yang menyembahnya sesuai dengan pendirian *sapere aude* dan fahaman Relativisme Agamanya yang merupakan ciri penting dalam konsep Liberalisme dan Pluralisme Agama. Dengan fahaman seperti ini, wujudlah pelbagai sifat tuhan di dalam wajah rupa perut buncit, misai panjang, bulu keping lebat, mata sepet; mempunyai tangan lapan, belalai panjang, macam burung merak, macam kera dsb; saiznya sebesar Jabal Qubais di Makkah, dada lebar dan berongga, duduk bersila di atas ‘Arasy dan kakinya diletakkan di atas Kursi dsb. Di dalam istilah ‘Aqīdah Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, fahaman seperti ini disebut sebagai ‘Aqīdah Tajsīm atau Anthropomorphism dan membawa kepada

kekufuran dan kesyirikan. *Subḥāna 'llāhi wa ta'ālā 'amma yaṣīfūn.*

Sepanjang ucapan-ucapannya, terutama pada majlis ceramah politik dan di khalayak orang bukan Islām, beliau senantiasa menegaskan bahkan memperjuangkan, bahawa mereka yang bukan beragama Islām boleh menggunakan perkataan atau Kalimah Allāh dalam sebarang sebaran dan ritual keagamaan. Pendirian dan fahaman beliau ini, mempunyai ruang yang luas dan perintis kepada orang bukan Islām untuk mengguna dan berkongsi bersama istilah-istilah murni lagi *quddus* yang lain, yang telah lama dipakai di sepanjang sejarah persuratan dan literatur Islām, yang mencerminkan dan merujuk hanya kepada dan merupakan sesuatu yang identik dengan Agama Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah sahaja. Kesan dan akibat membenar dan tidak peduli kepada penggunaan istilah-istilah murni lagi *quddus* tersebut, kini, di merata tempat di Malaysia ini golongan Kuffār telah menggunakan kalimat tersebut di dalam Bahasa Melayu yang bertujuan untuk mengelirukan Ummah Islām demi agenda pemurtadan. Anwar tidak peduli hal ini kerana baginya semua agama sama sahaja dan menyembah tuhan yang sama juga. Di Indonesia misalnya, sudah tersergam tempat upacara keagamaan orang Kristian yang ditulis dengan nama Gereja Sidang Jemaat Allah dan pelbagai nama yang nama Allāh dibubuh dan dipakai.

Dengan bersetuju dan membenarkan penggunaan Kalimah Allāh kepada penganut bukan Islām, maka secara logiknya, tidak mustahil dan lebih mudah lagi baginya memberi persetujuan dan berusaha pula supaya penggunaan perkataan masjid atau Baytu 'llāh untuk gereja, kuil, tokong dan gurdwara; nama al-Qur'ān untuk Bible, Upanishad, Guru Granth Sahib dll; perkataan haji dinisbahkan kepada penganut Hindu, Katholik, Yahudi, Sikh yang mengerjakan upacara keagamaan mereka di Varanasi, Vatican, Solomon Temple, Amritsa dsb; atau perkataan Ṣolāt dinisbahkan

kepada upacara penyembahan keagamaan kaum Pagan, Penyembah Api, Penyembah Berhala, Penyembah Jin, Penyembah Matahari dsb. Pepatah Melayu ada berkata: *lulus jarum, lulus kelendant!*

Berkaitannya dengan fahaman menyembah Tuhan yang sama, Anwar berkata: “...bahawa dari tuhan [perkataan asalnya God] kita datang dan kepada God kita kembali atau teks Inggerisnya berbunyi: “...and that is from God we were sent forth and unto God shall we return”. Perkataan *from God we were sent forth* - jika God itu dimaksudkan Allāh SwT - adalah benar, yang memang secara haqiqat semua makhluk adalah ciptaan Allāh yakni datangnya daripada Allāh. Akan tetapi tidak pula semua makhluk jenis manusia itu akan dapat kembali kepada Allāh. Ini adalah kerana sesetengah manusia akan dicampak ke dalam Neraka, *fariqun fi 's-sa'īr* [al-Syūrā: 7] dan ada sesetengahnya akan kekal di dalam Neraka seperti Ahli Kitāb yang menjadi kāfir, golongan murtad dan juga golongan Musyrikūn, mereka itu akan kekal di dalam Neraka [al-Bayyinah: 6] oleh sebab kesyirikan dan kekufturan mereka di dunia kerana menyembah selain daripada Allāh baik secara langsung atau bersekutu. Semua literatur Islām di dalam subjek ‘Aqīdah atau Fiqh atau Taṣawwūf atau Tafsīr, menyatakan hal yang demikian.

Pemahaman dia di dalam isu ini benar-benar mungkar kerana menyalahi al-Qur'ān dan al-Sunnah Nabi ﷺ seperti yang lalu disebut dan membuka ruang pemurtadan Ummah Islām.

Mewajarkan Gerakan Pemurtadan

Tulisan dan ucapannya di LSE itu amat jelas bahawa dia mewajarkan pemurtadan di kalangan kaum Muslimīn. Cuba teliti dengan cermat melalui ‘aqal jernih kata-katanya ini: “ *They see*

the culture of religious pluralism as part of a grand conspiracy by ‘others’ particularly Christians to proselytize and convert Muslims ”. Terjemahan: “...mereka [yakni orang Islām] memandang budaya pluralisme agama sebagai satu bahagian daripada konspirasi agung oleh pihak lain, terutamanya Kristian, untuk mengembangkan ajarannya dan menjadikan Muslimīn memeluk agama Kristian”.

Ucapannya ini amat jelas tanpa memerlukan huraian dan takwilan lagi bahawa menunjukkan yang dia mewajarkan tersebarnya pengaruh ajaran agama-agama lain di luar Islām masuk ke dalam masyarakat Islām. Ini bukti kukuh yang dia adalah pengusung dan penganut Liberalisme-Pluralisme Agama tegar. Dia benar-benar yakin bahawa fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama itu bukanlah ancaman kepada ‘Aqīdah, Agama dan Ummah Islām. Malah itulah pun mesej Islām sebenar seperti yang sering diungkapkannya di dalam pelbagai kesempatan dan program. Bagaimana ajaran Liberalisme dan Pluralisme ini boleh berkembang jika ia tidak meresap masuk ke dalam agama-agama? Jika ia masuk ke dalam sesuatu agama, bermakna ia telah mengganti ajaran sebenar agama tersebut dengan sifat dekonstruksionismenya. Di dalam agama Islām perkara ini disebut sebagai pemurtadan.

Anwar melihat fenomena ini bukan sebagai suatu gerakan Evangelikal atau sebagai suatu gerakan pemurtadan. Pemikirannya sudah diserapi malah dikuasai sepenuhnya bahkan dijajah seutuhnya oleh hegemoni dan imperialisme pemikiran Illuminisme-Kuffār. Oleh yang demikian, pemikiran dan hatinya gelap sehingga beliau tidak nampak perkara tersebut sebagai agenda pemurtadan bahkan wajar, sementelah pula dia berpendirian semua agama sama benar dan sama tara belaka.

Pendirianya semacam ini, menunjukkan beliau benar-benar menolak konsep murtad seperti yang telah diIjmā‘kan dan seperti yang tertera di dalam al-Qur'ān. Oleh kerana baginya semua agama sama benar, maka tidaklah salah jika fahaman dan ‘aqidah Kristian atau apa-apa ajaran agama masuk ke dalam mana-mana masyarakat beragama, sekalipun Islām. Menurutnya, ini bukan bermakna untuk mengembangkan agama mereka dan bukan merupakan fenomena pemurtadan, tetapi sebagai suatu proses *reform* untuk kemajuan yang wajar dalam rangka menegakkan semula kebenaran Pluralisme Agama yang baginya bersifat inheren itu.

Daripada perspektif ‘Aqīdah Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, jika seseorang Islām menerima kitab-kitab seperti Guru Granth Sahib, Vedanta, Bible, Upanishad dsb - selain daripada al-Qur'ān - sebagai sesuatu yang suci dan yakin datang daripada Allāh dan beramat dengannya boleh membawa kepada Keselamatan Ākhirat, bermakna ia mengiktiraf kitab-kitab suci agama tersebut sebagai setaraf dengan al-Qur'ān. Dan dalam masa sama, ia telah menurunkan ketinggian martabat Kalām Ilāhi itu ke paras buku-buku atau teks-teks ciptaan manusia tersebut. Implikasinya boleh menjadi murtad. Ummah Islām memang wajar curiga bahkan wajib melihat aktiviti-aktiviti atas nama ‘kemanusiaan’, ‘kemasyarakatan’, ‘ketamadunan’ dsb yang dibuat oleh NGO-NGO tajaan Zionis-Kristian di kalangan Ummah Islām, sebagai suatu konspirasi halus yang tersusun dan terancang serta amat jahat. Kita dapat lihat depan mata perkara yang telah dan sedang berlaku di Afghanistan, Iraq, Indonesia, Bangladesh dan beberapa negeri di Afrika. Bahkan di Malaysia sendiri ada NGO-NGO berjenama Islām menjadi talibarut kaum Illuminati-Zionis dengan memberi khidmat dan bantuan kemanusiaan hanya sebagai umpan pemurtadan semata-mata. Perkara ini telah diingatkan oleh Allāh SwT dalam al-Qur'ān.

Perhatikan, Anwar yang dikatakan sebagai tokoh Islām boleh menerima dan mewajarkan perkara ini dan tidak melihat sebagai gerakan pemurtadan! Adalah amat pelik. Bahkan di dalam suatu sidang, beliau menolak pandangan yang mengatakan bahawa Ummah Islām Malaysia dan ajaran Agama Islām sedang berada di dalam keadaan terancam oleh gerakan Kristianisasi. Memang pun, bagi beliau, ajaran di luar ‘Aqīdah dan Syarī‘at Islām jika masuk ke dalam masyarakat Islām tidaklah mengancam ajaran Islām yang benar itu kerana baginya, bentuk dan sifat Agama Islām perlu diubah rupanya supaya selaras dengan agenda reformasi agama yang diusungnya itu. Sikapnya yang tidak peduli kepada gerakan dan proses pemurtadan itu telah dan sedang mempengaruhi sebahagian masyarakat yang melihat dia sebagai tokoh wibawa Islām. Justeru, mereka juga tidak melihat fenomena mungkar ini sebagai agenda pemurtadan kerana terlalu percaya kepada dia sebagai seorang pejuang Islām yang jujur. Perkara ini dibangkitkan oleh seorang penyarah kanan di sebuah universiti tempatan yang silau dengan imej palsu Anwar sebagai pejuang Islām, menyanggah seorang penceramah dalam suatu program di universiti tempat beliau mengajar bilamana penceramah tersebut melabelkan Anwar sebagai Pluralis Agama. Justeru, Anwar mengingatkan Ummah Islām supaya jangan menaruh sebarang curiga kepada gerakan yang menyebarkan fahaman dan ajaran yang bertentangan dengan ajaran ‘Aqīdah dan Syarī‘ah Agama mereka kerana katanya, kita mahu hidup di dalam suatu dunia baru yang aman damai berkONSEP dan berteraskan *Global Theology* atau *New World Religion*. Demikian pegangan mungkar Anwar.

Anwar terlalu gelap melihat gerakan Evangelis Kristian dan teramat naif memahami perancangan kaum Illuminati dan Kristian tersebut untuk memurtadkan Ummah Islām. Jika diteliti resolusi-resolusi pada sidang-sidang Kristian, semuanya mengarahkan supaya dipertingkatkan usaha dan membangun

pelbagai strategi untuk memurtadkan orang Islām. Antara strateginya ialah melalui pasukan bola sepak kanak-kanak, majlis bantuan makanan, penggunaan perkataan-perkataan yang bersifat *equivocal*, dialog ketamadunan dsb seperti yang telah lalu disebut.

Ternyata, dalam konteks ini, Anwar benar-benar menolak ajaran basik lagi fundamental al-Qur'ān. Di dalam al-Qur'ān, Allāh SwT telah memberi peringatan dan menerangkan mengenai kejahatan dan tipu daya Kuffār dan *Mason Conspiracy Illuminati-Zionis-Kristian*. Di dalam Sūrah al-Fātiḥah misalnya, Allāh SwT menyuruh kita memohon du'a supaya terhindar daripada menurut ajakan, pujanan dan hasutan puak Illuminati-Zionis-Kristian di dalam semua aspek kehidupan: aspek 'Aqīdah, 'Ibādah, cara hidup, cara berfikir, hukum-hakam, akhlāq dsb. Yang paling *sorīh* sekali, Allāh menerangkan bahawa puak Illuminati-Zionis-Kristian sama sekali tidak akan gembira sehingga mereka dapat memurtadkan orang Islām. Firman Allāh: *lān tarḍo 'anka 'l-yahūdu wa lān nāsōra ḥatta tattabi'a millatahum*. Kalau Anwar memahami tafsir ayat ini secara Ijmā' Ahli Sunnah wa al-Jama'ah, bukan daripada perspektif pemikiran Illuminati-Zionis-Kristian dan pemikiran *sapere aude* dan diabolisme, beliau akan mengerti, bahawa golongan Illuminati-Zionis-Kristian akan berusaha bermati-matian, siang dan malam, mencari jalan untuk menyusup masuk ke dalam 'aqal dan lubuk hati orang Islām supaya mereka mengikut dan memperakukan yang ajaran agama Yahudi dan Kristian sekarang ini sebagai benar. Atau pun paling tidak, menerima sebahagian sahaja daripada ajaran agama-agama tersebut sebagai benar dan menerima sebahagian daripada ajaran Islām sebagai tidak benar dan isi al-Qur'ān bukan semuanya benar atau sama benar dengan kitab-kitab suci mereka.

Dari masa ke masa, gerakan puak Illuminati-Freemasonry memperdayakan masyarakat dunia dengan idea-idea dan ungkapan-ungkapan kosong tanpa hakikat sebagai umpan. Mereka

juga pandai bermain kata dan silap mata dengan memesongkan makna atau epistemologi sebenar yang asli. Slogan Anwar seperti *lazzatu 'l-ma 'rifah*, perubahan, kebebasan, kemajuan, Hak Asasi dsb, dengan segala *make up* yang berwarna warni, persis rancangan **Protocol V** yang berbunyi: “*More over, the art of directing masses and individuals by means of cleverly manipulated theory and verbiage...belongs likewise to the specialists of our administrative brain*” [Edisi Global Publishers, Johannesburg, 1977]. Terjemahan: “*Lebih-lebih lagi, kepandaian memberi arahan kepada orang ramai dan individu-individu dengan menggunakan teori yang dimanipulasikan dan kalimat-kalimat yang tersusun secara rapi...adalah milik pakar-pakar kita [Yahudi - P] yang menjadi pentadbir...*”. Nah, mereka mengakui sendiri yang mereka membuat teori-teori palsu dan dimanipulasikan dan kemudian di lempar ke tengah masyarakat manusia. Teori-teori dan slogan-slogan kosong inilah yang diusung oleh para Illuminatus, Liberalis dan Pluralis Agama seperti Anwar, masuk ke dalam masyarakat Islām. Tujuannya semata-mata untuk memenuhi agenda *qarīn* mereka itu supaya Ummah Islām menjadi jinak kepada fahaman Illuminisme-Zionisme dan kemudian menjadi murtad.

Seseorang Islām yang murtad, *na 'ūzubi 'llāh*, tidak perlu pergi ke sinagog setiap Sabtu atau ke gereja setiap Ahad dan tidak perlu memakai salib pada diri dan meletakkannya di rumah atau pejabat atau pergi ke kovil atau kuil membunyikan loceng dan menyalakan api. Memadai ia mengatakan agama bukan Islām sama benar dan sama-sama boleh membawa kepada Keselamatan Ākhirat dan jangan mengatakan agama lain itu salah seperti keyakinan Anwar. Sebab itu, Anwar tidak melihat penyebaran dan gerakan Kristianisasi di tengah-tengah masyarakat Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti di Malaysia ini, sebagai suatu konspirasi jahat untuk tujuan pemurtadan. Sekarang ini sudah wujud pula konsep *Jesus in mosque* sebagai suatu strategi baru

untuk pemurtadan Ummah. Melalui strategi ini, pengikut Kristian dibenarkan oleh gereja mereka ‘bersolat’ secara Ṣolāt orang Islām di dalam masjid bersama-sama orang Islām, berpuasa bersama keluarga yang masih Islām dsb. Mereka juga digalakkan ‘mencari Jesus’ di dalam masjid. Ini sudah pun berlaku!

Seluruh kaum Muslimīn perlu memberi perhatian serius kepada gerakan permurtadan senyap seperti ini yang Liberalis dan Pluralis di kalangan orang Islām menjadi dalang dan agen. Bahkan Ummah wajib mengenali agen-agen Kuffār tersebut yang kini banyak berkeliaran di tengah-tengah mereka menggunakan retorik-retorik beraroma Islām.

Seorang Muslim yang berīmān sangat sensitif, jika terdapat unsur-unsur yang boleh mencalar, apa lagi merosakkan ‘Aqīdah dan īmān mereka. Sebab itu di dalam ajaran Islām Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah, ada istilah ajaran sesat, bid‘ah ḥolālah, mungkar, munāfiq dan konsep murtad. Bahkan Nabiy s.a.w di dalam Ḥadīth riwayat Abū Dāwūd, al-Nasā'i dll misalnya, Baginda s.a.w meminta Ummahnya berjihād terhadap kaum Musyrikūn dan Kāfirūn dengan harta benda, jiwa raga dan pengucapan lidah jika kaum Kuffār itu membuat makar untuk merosakkan Dīnu 'l-Islām dan Ummahnya. Nabiy s.a.w juga dengan tegas menyatakan bahawa orang yang murtad itu perlu dihukum bunuh di dunia ini jika tidak mahu bertaubat dan kembali semula kepada Agama Islām. Di Ākhirat pula, mereka kekal di dalam Neraka seperti firman Allāh SwT di dalam Sūrah al-Baqarah: 217 (terjemahan): *Sesiapa yang murtad di antara kamu daripada Agamanya (Islām) lalu dia mati, maka dia adalah kāfir, maka mereka itulah yang sia-sia amalan mereka di dunia dan di Ākhirat, dan mereka itu penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.* Jelas, Allāh melarang seseorang Islām keluar dari Agamanya menjadi murtad kerana ia akan dihukum kekal di dalam Neraka. Bandingkan dengan pendirian Anwar yang

menbenarkan Lina Joy, seorang Islām, mencari mekanisme untuk murtad!

Jelas nampak dari ucapannya ini, dia benar-benar berpegang kepada kewajaran orang Islām boleh murtad. Sikap mungkarnya itu ternyata lagi jelas dengan katanya: *is her rights* merujuk kepada Lina Joy, seorang wanita Islām yang hendak murtad seperti yang telah terdahulu disebut. Pendiriannya itu amat menyalahi ajaran al-Qur'ān, al-Sunnah serta al-Ijmā‘ Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Allāhumma sallimnā wa 'l-muslimīn.